

Universiti  
Tun Hussein Onn  
Malaysia  
86400 Parit Raja, Batu Pahat  
Johor, Malaysia

+607-4537000  
+607-4536337

LAPORAN TAHUNAN 2018

25 tahun yang gemilang  
dan terus memacu  
kecemerlangan  
pendidikan



[www.uthm.edu.my](http://www.uthm.edu.my)

Laman Sosial Rasmi

-  [universiti tun hussein onn malaysia uthm](#)
-  [UTHM Johor Official](#)
-  [uthmjohor](#)
-  [uthmjohor](#)
-  [UTHM Official](#)
-  [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia](#)

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Laporan Tahunan  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

2018

KERTAS STATUT ST.21 TAHUN 2020

**MALAYSIA**

**DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT / NEGARA MENURUT**

**STATUT**

**25 tahun** yang gemilang  
dan terus memacu  
kecemerlangan  
pendidikan



Laporan Tahunan  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**2018**







# KANDUNGAN

---

VISI, MISI, HALA TUJU DAN MOTO	2
FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI	3
OBJEKTIF	3
SEJARAH UNIVERSITI	4
UTHM MELANGKAH KE HADAPAN	6
CANSELOR	13
PRO-CANSELOR	15
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	17
AHLI EKSEKUTIF UNIVERSITI	18
AHLI SENAT UNIVERSITI	19
LAPORAN Pengerusi	21
TINTA NAIB CANSELOR	22
PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2018	23
BAB 1 PENCAPAIAN UTHM 2018	29
BAB 2 GOVERNAN	49
BAB 3 PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	61
BAB 4 AKADEMIK DAN ANTARABANGSA	77
BAB 5 PENYELIDIKAN DAN INOVASI	103
BAB 6 HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI	129
BAB 7 PEMBANGUNAN, PENGURUSAN FASILITI DAN ICT	151
BAB 8 HUBUNGAN KOMUNITI DAN JARINGAN INDUSTRI	169
BAB 9 LAPORAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2018	189

---



## VISI

Menuju ke arah universiti bertaraf dunia dalam kejuruteraan,  
sains dan teknologi untuk pembangunan lestari

## MISI

UTHM komited untuk mewujudkan dan menyebarkan  
pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri dan komuniti  
serta menyuburkan modal insan yang kreatif dan berinovasi  
berasaskan paradigma tauhid

## HALA TUJU

Membangun universiti teknologi lestari masa depan

## MOTO

Dengan hikmah kita meneroka




## FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI

Pendidikan di universiti ini adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran melalui pengalaman untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan

### OBJEKTIF

- 1** Melaksanakan program akademik yang diiktiraf dengan menggunakan kurikulum yang holistik melalui proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengalaman
- 2** Melaksanakan penyelidikan tersohor dalam bidang teras universiti dan menjanakan harta intelek
- 3** Meningkatkan pengantarabangsaan universiti melalui jalinan kerjasama strategik yang berkesan dengan universiti dan organisasi luar negara
- 4** Meningkatkan hubungan dan kerjasama universiti – industri yang produktif dan lestari
- 5** Mengurus dan membangunkan sumber manusia yang mencukupi dan berkualiti
- 6** Menyediakan perkhidmatan dan menghasilkan produk yang memenuhi kehendak pelanggan
- 7** Mempromosikan universiti sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi
- 8** Menyediakan prasarana dan kemudahan fizikal yang mencukupi selaras dengan budaya keilmuan universiti







## SEJARAH UNIVERSITI

Sejarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bermula pada 16 September 1993 dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). Objektif penubuhannya ialah untuk melahirkan dan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan untuk ditempatkan di politeknik-politeknik seluruh negara.

Pada 12 April 1996, PLSP telah melalui proses penjenamaan semula dan ditukar namanya kepada Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) dengan mengekalkan fungsinya untuk melatih tenaga pengajar di politeknik seluruh negara. Pada masa yang sama, ITTHO terus berkembang dengan bertambahnya penawaran program akademik dan peningkatan jumlah pelajar bagi terus memenuhi keperluan tenaga pengajar politeknik yang disasarkan.

Pada 27 September 2000, sejarah terpahat apabila ITTHO telah dinaiktaraf sebagai sebuah kolej universiti di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Untuk terus melebarkan fungsinya dalam arena pendidikan tinggi negara, bermula 1 Februari 2007, KUiTTHO dijenamakan sekali lagi dengan nama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Hari ini, dengan jumlah pelajar melebihi 17 ribu orang pada Disember 2018 dengan pelbagai peringkat dan bidang pengajian ditawarkan, UTHM terus meneroka dengan menawarkan kursus-kursus baru dalam pelbagai bidang ilmu demi kemakmuran sejagat. Peranan dan fungsinya juga tidak hanya terhad dalam memberi akses pendidikan kepada rakyat Malaysia, malah kini turut menjadi pilihan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara.

Pada usia 25 tahun penubuhannya, pelbagai kejayaan telah diraih dalam segenap peringkat dan ini membuktikan bahawa UTHM terus memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dan kemakmuran sejagat, sejajar dengan moto universiti, "Dengan hikmah kita meneroka".






## Sambutan Ulang Tahun Penubuhan UTHM ke-25 Tahun

UTHM menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-25 pada tahun 2018, dan sebagai memperingati tarikh keramat ini pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti pelancaran logo 25 tahun UTHM, majlis kesyukuran, majlis khatam Al-Quran, majlis berbuka perdana, Malam Amal Mesra Alumni, Larian Alumni Sempena 25 Tahun UTHM, dan lain-lain lagi.

Sambutan ulang tahun telah dimulakan pada bulan Oktober 2017 dengan program Perarakan *Town & Gown* sempena Majlis Konvokesyen ke-17 UTHM yang telah disempurnakan oleh DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Al Mutawakkil Alalahi Shah. Acara penyerahan sumbangan kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor melalui kutipan yang diperolehi daripada acara larian amal yang diadakan pada 6 Oktober 2017 juga telah diadakan semasa program tersebut.

Di samping itu, Majlis Titah Tuanku Canselor pula telah diadakan pada 20 September 2018 sebagai acara kemuncak sambutan. Pada majlis ini, DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim selaku Tuanku Canselor UTHM telah berkenan menyampaikan titah.



## UTHM MELANGKAH KE HADAPAN

UTHM sentiasa komited untuk meningkatkan prestasi dan terus relevan dalam industri pendidikan tinggi negara. Kerjasama berpasukan di antara ahli akademik dan pentadbiran universiti mendorong ke arah penghasilan idea dinamik dalam merancang masa hadapan dan hala tuju universiti.

Justeru, untuk terus melangkah ke hadapan, UTHM pada masa ini memfokuskan kepada pembangunan program akademik yang menjurus kepada bidang tujuh universiti iaitu teknologi lestari dan pengangkutan, antaranya memperkasakan program aeronautik, memperkenalkan program baru dalam bidang teknologi, dan melebarkan jaringan hubungan kerjasama dengan pihak industri bagi membangunkan sistem trafik pintar di negara ini.



Rajah 1: Hala Tuju UTHM

### Memperkasakan Program Aeronautik


Blueprint UTHM 2015 hingga 2025 merencanakan penubuhan Fakulti Kejuruteraan Aeronautik yang bukan sahaja akan menawarkan program akademik yang berasaskan kepada Kejuruteraan Teknologi Aeronautik, malahan diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) sebagai Pusat Latihan Bertauliah Penerbangan dan Penyelenggaraan Pesawat yang akan ditempatkan di UTHM Kampus Tanjung Laboh. Pada masa ini, program aeronautik UTHM yang dibangunkan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan direka untuk melatih dan melahirkan ahli teknologi kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Aeronautik yang memiliki kepakaran serta pengetahuan dalam kedua-dua aspek teori dan praktikal. Dua buah program sedia ada yang ditawarkan iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyelenggaraan Pesawat Terbang) dengan Kepujian bukan sahaja menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada graduan, malahan memberi peluang kepada pelajar untuk menerima latihan sebagai juruterbang profesional dan penyelenggaraan pesawat yang seterusnya akan melayakkan pelajar untuk memperolehi lesen daripada CAAM. UTHM terus mengorak langkah dengan rancangan untuk memperkenalkan program baru iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan Pesawat) dengan Kepujian pada tahun 2020. Program ini diperkenalkan untuk menghasilkan graduan sebagai tenaga kerja mahir dalam bidang pembuatan komponen pesawat sebagaimana perancangan *Blueprint Industri Aeroangkasa Malaysia 2030*. Program ini juga akan dapat memenuhi keperluan semasa dan akan datang terutamanya dalam industri pembuatan Aeroangkasa antarabangsa.



Rajah 2: Ciri-ciri Utama Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Pembuatan Komponen Pesawat Terbang) dengan Keujian



Rajah 3: Ilustrasi Lapangan Terbang di Tanjung Laboh





Rajah 4: Replika Pesawat Terbang UTHM

### Memperkenalkan Program Sarjana Muda Teknologi Untuk Lulusan Diploma Vokasional Malaysia dan Diploma Kemahiran Malaysia

Selain program aeronautik, UTHM turut merancang untuk menawarkan program Sarjana Muda Teknologi (BTech) untuk lulusan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM). Program ini akan memberi peluang kepada lulusan DVM dan DKM untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda (tahap 6), dan seterusnya memperkasakan agenda TVET negara. Program yang dibangunkan secara bersama dalam kalangan universiti MTUN ini akan memperkenalkan sebanyak 10 buah program Sarjana Muda baru yang akan ditawarkan pada tahun 2019 dan 2020. Program BTech yang akan diperkenalkan ini mempunyai keunikan sendiri berbanding program Sarjana Muda konvensional dengan penglibatan pihak industri bukan sahaja di peringkat pelaksanaan, malahan bermula dari peringkat perancangan dan pembangunan kurikulum lagi. Proses pembangunan kurikulum bagi program ini adalah bersifat *industry driven* bagi memastikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diterapkan kepada graduan bagi program ini adalah selari dengan keperluan sebenar industri, dan sekali gus menyumbang kepada kebolehpasaran graduan. Bagi memenuhi keperluan tersebut, Pembelajaran Berasaskan Kerja atau *Work Based Learning* (WBL) digunakan di peringkat pelaksanaan menerusi mod industri secara *block release* iaitu dua tahun setengah di universiti dan setahun di industri yang telah dipilih. Selain daripada itu, mod *day release* iaitu dua hari di universiti dan tiga hari (2U31) di industri juga disediakan bagi pelajar yang sedang bekerja.



Jadual 1: Cadangan Penawaran Program Sarjana Muda Teknologi

Nama Program	Custodian	Penawaran MTUN 2019-2020
Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kejuruteraan	UTHM	UTHM, UniMAP
Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Kejuruteraan	UTHM	UTHM, UTeM
Sarjana Muda Teknologi Hospitaliti dengan Kejuruteraan	UTHM	UTHM
Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kejuruteraan	UTeM	UTHM, UTeM, UMP, UniMAP
Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kejuruteraan	UTeM	UTHM, UTeM, UMP, UniMAP
Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kejuruteraan	UMP	UTHM, UTeM, UMP, UniMAP
Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kejuruteraan	UniMAP	UTHM, UTeM, UMP, UniMAP
Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kejuruteraan	UniMAP	UTHM, UTeM, UMP, UniMAP
Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Fasilitas Minyak dan Gas dengan Kejuruteraan	UMP	UMP
Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan Kejuruteraan	UTHM	UTHM

### SARJANA MUDA KONVENSIONAL

VS

### SARJANA MUDA TEKNOLOGI

**Ciri-ciri:**

- Kerjasama industri berkala sepanjang pengajian.
- Latihan industri 10 minggu hingga 6 bulan.
- Elaun bulanan.




**Ciri-ciri:**

- Kerjasama industri berterusan sepanjang pengajian.
- Cadangan 2U3I (hari).
- *Block Release@Day Release* dalam semester.
- Elaun bulanan.

**Kursus menjurus kepada komponen:**

1. Pembangunan (*Development*)
2. Pembuatan (*Manufacturing*)
3. Pengujian (*Testing*)
4. *Commissioning*
5. Penyelenggaraan (*Maintenance*)



Rajah 5: Perbandingan Ciri-ciri Program Sarjana Muda Teknologi dengan Sarjana Muda Konvensional



### Jaringan Kerjasama dengan Sena Traffic System Sdn. Bhd.

UTHM telah menerima dana penyelidikan sebanyak RM1 juta daripada Sena Traffic System (STS) bagi membangunkan sistem trafik pintar di negara ini. Jaringan kerjasama ini telah dimulakan dengan surat hasrat (LoI) antara kedua-dua belah pihak pada September 2018 dan akan diteruskan dengan memorandum perjanjian (MoA) pada tahun 2019. Kerjasama berterusan ini dimulakan dengan pembukaan pusat penyelidikan di kampus UTHM yang akan membolehkan STS bekerjasama dengan pakar dari UTHM bagi menjalankan penyelidikan untuk membangunkan sistem trafik pintar. Pada masa yang sama juga, kerjasama ini turut memberi peluang kepada staf dan pelajar untuk menjalani program sangkutan industri/praktikal bersama syarikat tersebut.







Foto 1: Bilik Kawalan Trafik Sena Traffic Sdn. Bhd










Canselor



**DULI YANG MAHA MULIA**  
**SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR**  
Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim



# Pro-Canselor



**DULI YANG AMAT MULIA  
TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM**

Tunku Mahkota Johor

# Pro-Canselor



**YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA**



# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSTI

## Pengerusi



**YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman**

Pengarah Urusan dan Naib Presiden PEN Operations Lumileds Malaysia Sdn. Bhd.



**YBhg. Datuk Mat Noor bin Nawawi**

(Menjalankan Fungsi Pengerusi Lembaga Pengarah Sehingga 31 Oktober 2018)



**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sufri bin Hj. Mohd Zin**

Pengarah Urusan Kumpulan TRC Synergy Berhad (sehingga 31 Julai 2018)



**YBhg. Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md Hussin**

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif KLIA Premier Holdings Sdn. Bhd. (sehingga 15 April 2018)

## Ahli



**YBhg. Prof. Ts. Dr. Wahid bin Razzaly**

Naib Canselor UTHM



**YBhg. Datuk Mat Noor bin Nawawi**



**YB Dato' Haji Nooh bin Gadot**

Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)



**YBhg. Datuk Ts. Dr. Pang Chau Leong**



**YBhg. Dato' Dr. Ir. Haji Abdul Rashid bin Maidin**

Pengarah Urusan Pusat Bertauliah Akademik Profesional KOSAS



**YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz**

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia



**YBhg. Prof. Dr. Mohd Idrus bin Mohd Masirin**

Ketua Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS) Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, UTHM



**YBrs. Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah**

Timbalan Setiausaha Bahagian Antarabangsa, Kementerian Kewangan



**YBrs. Encik Ahmad Luqman bin Mohd. Azmi**

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Malaysia Airlines Berhad



**YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Mat Nor**

(1 November 2014 – 31 Oktober 2018)



**YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah**

(1 Disember 2015 – 30 November 2018)



**YBhg. Prof. Dr. Mustafa bin Mat Deris**

(1 Februari 2017 – 25 November 2018)

## Setiausaha



**YBrs. Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman**

Pendafatar UTHM

## AHLI EKSEKUTIF UNIVERSITI



**Prof. Ts. Dr. Wahid  
bin Razzaly**  
Naib Canselor



**Prof. Dr. Ismail  
bin Abdul Rahman**  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)



**Prof. Ts. Dr. Ruzairi  
bin Abdul Rahim**  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)



**Prof. Madya Dr.  
Afandi bin Ahmad**  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**Prof. Dato' Dr. Abdul Razak  
bin Hj. Omar**  
Provost UTHM Kampus  
Cawangan Pagoh



**Encik Abdul Halim  
bin Abdul Rahman**  
Pendaftar



**Cik Azizah  
binti Nasri**  
Bendahari



**Puan Norliah  
binti Yaakub**  
Penasihat  
Undang-Undang



**Prof. Madya Dr. Wan Fauziah  
binti Wan Yusoff**  
Penolong Naib Canselor  
(Kelestarian Kewangan)



**Prof. Dr. Ahmad Tarmizi  
bin Abd Karim**  
Penolong Naib Canselor  
(Perancangan Strategik  
& Perhubungan Korporat)



## AHLI SENAT

**Profesor Ts. Dr. Wahid bin Razzaly**  
Naib Canselor/Pengerusi

**Profesor Dr. Ismail bin Abdul Rahman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Profesor Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**Profesor Dato' Dr. Abdul Razak bin Hj. Omar**  
Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh

**Profesor Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd. Karim**  
Penolong Naib Canselor  
(Perancangan Strategik dan Perhubungan Korporat)

**Profesor Madya Dr. Wan Fauzi @ Fauziah bt. Wan Yusoff**  
Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan)

**Profesor Dr. Azme bin Khamis**  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

**Profesor Madya Ts. Dr. Abdul Halid bin Abdullah**  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

**Profesor Madya Dr. Rosli bin Omar**  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

**Profesor Madya Dr. Shahrudin bin Mahzan @ Mohd Zin**  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

**Profesor Madya Dr. Mohd Lizam bin Mohd Diah**  
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

**Profesor Ts. Dr. Wan Mohd Rashid bin Wan Ahmad**  
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

**Ts. Dr. Azizul Azhar bin Ramli**  
Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

**Profesor Madya Dr. Mohd Kamarulzaki bin Mustafa**  
Dekan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

**Profesor Madya Amran bin Mohd Zaid**  
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

**Profesor Madya Dr. Mohamad Zaky bin Noh**  
Dekan Pusat Pengajian Diploma

**Profesor Madya Dr. Khairul Azman bin Mohamad Suhaimy**  
Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

**Dr. Zailin Shah binti Yusoff**  
Dekan Pusat Pengajian Bahasa

**Profesor Madya Dr. Ishak bin Baba**  
Pengarah Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik

**Profesor Dr. Rosman bin Md. Yusoff**  
Pengaruh Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan  
Wilayah

**Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz bin Abdul Samad**  
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

**Profesor Dr. Mohd. Idrus bin Mohd. Masirin**  
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

**Profesor Dr. Mohammad Faiz Liew bin Abdullah**  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

**Profesor Dr. Mohd. Amri bin Lajis**  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

**Profesor Dr. Yusri bin Yusof**  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

**Profesor Sr. Dr. David Martin @ Daud Juanil**  
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

**Profesor Ts. Dr. Noraini binti Kaprawi**  
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

**Profesor Dr. Rosziati binti Ibrahim**  
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

**Profesor Dr. Rozaini bin Roslan**  
Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

**Profesor Dr. Khalid bin Hasnan**  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan

**Ir. Ts. Shamrul-Mar bin Shamsuddin**  
Pengaruh Pembangunan dan Penyelenggaraan

**Prof. Madya Ts. Dr. Mohd. Farhan bin Md. Fudzee**  
Pengaruh Pusat Teknologi Maklumat





*With Wisdom, We Explore*



## LAPORAN Pengerusi

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya dengan rasa rendah hati ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada saya selaku Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Pelantikan ini merupakan amanah dan tanggungjawab yang besar buat saya dalam merealisasikan segala hasrat UTHM.

Untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, pendidikan ialah titik mulanya. Untuk melahirkan masyarakat yang demokratik, bermoral dan beretika, pendidikan ialah terasnya. Saya percaya, segala pencapaian dan pengiktirafan yang dicapai membuktikan bahawa peranan UTHM di negara ini terus diiktiraf kejayaannya oleh pelbagai pihak dan agensi dari dalam mahupun luar negara. Saya yakin bahawa setiap kejayaan yang dilakar sepanjang tahun 2018 dan tahun-tahun sebelumnya menjadi satu tanda penghargaan dan motivasi untuk UTHM terus cemerlang dan gemilang.

Saya mewakili semua Ahli Lembaga Pengarah mengambil kesempatan menjunjung kasih kepada DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Canselor UTHM yang telah memainkan peranan penting dalam menyuburkan budaya keilmuan dan pembangunan UTHM secara langsung.


Ucapan penghargaan kepada Menteri Pendidikan Malaysia, Pro Canselor, Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Senat dan staf serta mahasiswa UTHM yang begitu komited dalam melonjakkan nama UTHM di persada kejayaan.

Kepentingan ilmu pengetahuan dan kemahiran sosial amat mustahak bagi melahirkan manusia yang cerdik pandai. Tanpa ilmu pengetahuan yang seimbang, keupayaan untuk memajukan negara adalah amat sukar malahan akan menjejaskan apa jua rancangan dan kemajuan yang telah direncanakan. Begitulah pentingnya ilmu pengetahuan, tanpanya siapalah kita. Dunia kini lebih mengutamakan ilmu pengetahuan, jika bangsa kita tidak berilmu, kita akan jauh ketinggalan, malah akan ditinggalkan dalam usaha untuk memaju dan menjana pembangunan negara.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Wahid bin Razzaly selaku Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta seluruh barisan kepimpinan tertinggi universiti kerana sentiasa bersatu padu dalam mendepani setiap cabaran bagi mencapai setiap kejayaan bagi universiti ini. Saya yakin UTHM akan terus melakar kejayaan yang lebih gemilang pada peringkat nasional dan global. Penghargaan juga saya berikan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah terdahulu, yang telah meninggalkan legasi yang baik untuk saya teruskan.

Akhir kata, saya berdoa ke hadrat Ilahi agar pencapaian dan kecemerlangan yang diperoleh ini akan berkekalan dan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa seiring dengan objektif penubuhan UTHM amnya. Hasrat ini pasti dapat direalisasikan dengan komitmen dan usaha warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman  
Pengarah Urusan & Naib Presiden PEN Operation  
Lumileds Malaysia Sdn. Bhd.



## TINTA NAIB CANSOLOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) semakin kukuh bertapak sebagai sebuah universiti teknikal premier, dalam kalangan Universiti Awam yang lain. Tahun 2018 menyaksikan UTHM berjaya mencatat pelbagai kejayaan di samping terus melaksanakan proses penambahbaikan berterusan ke arah memastikan UTHM terus memacu kecemerlangan di landasan yang betul.



Bagi pihak seluruh warga UTHM, saya merafakkan sembah merakamkan penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim selaku Canselor UTHM dan kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku Pro Canselor UTHM atas peranan yang signifikan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan serta nasihat terbaik untuk UTHM kekal relevan, dirujuk dan dihormati setiap masa dan di mana jua. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Pro Canselor, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berbahagia Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ahli Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Senat, kepimpinan dan seluruh warga UTHM atas segala komitmen dan usaha ke arah merealisasikan misi dan visi UTHM.

Tahun 2018 telah berlalu dengan penuh hikmah sejajar dengan kehendak dasar kerajaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia secara khususnya berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 yang mentransformasikan sistem pendidikan Malaysia untuk menghadapi cabaran mendatang. Namun, perjalanan kita dalam memastikan ilmu yang terhasil di UTHM dimanfaatkan dan tersebar di segenap masyarakat dunia, masih lagi jauh. Masih banyak lagi yang perlu dipertingkatkan dan diperbaiki sama ada daripada aspek akademik, pelajar, penyelidikan dan tadbir urus. Usaha ke arah menjadikan pendidikan sebagai teras utama untuk memperkembangkan lagi potensi para graduan secara menyeluruh tidak seharusnya digalas oleh satu pihak sahaja, malah usaha ini merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan kesepaduan dan iltizam semua pihak.

UTHM telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-25 pada tahun 2018. Tempoh 25 tahun ini dilihat sebagai satu tempoh yang cukup untuk mematangkan sesuatu pengalaman ke arah melakar kejayaan.

Mengimbau sejarah UTHM 25 tahun yang lalu, tarikh 16 September 1993 merupakan tarikh keramat bagi seluruh warga universiti yang merupakan tarikh bermulanya satu perjalanan mengukir kecemerlangan yang diwarnai dengan pelbagai kisah. Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada setiap warga UTHM tanpa mengira pangkat dan kedudukan atas masa dan tenaga yang dicurahkan. Sesungguhnya setiap daripada kita merupakan nadi penggerak UTHM ke arah satu perjalanan dengan satu tujuan.

Sesungguhnya setiap pencapaian dan kejayaan serta pengiktirafan yang diperoleh tidaklah datang dengan begitu mudah. Inovasi, kreativiti dan kesungguhan seluruh warga UTHM yang merealisasikan pencapaiannya, merupakan kunci utama kepada semua kejayaan ini. Semoga setiap daripada pencapaian ini akan mendorong seluruh warga UTHM agar lebih bermotivasi untuk membawa UTHM ke persada yang lebih gemilang. Apa pun cabaran dan rintangannya, kita akan hadapinya bersama-sama demi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

*We Produce Professionals*

Profesor Ts. Dr. Wahid bin Razzaly  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia




## PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2018

Pada tahun 2018, pengukuran prestasi UTHM adalah melalui pecahan empat kluster utama, iaitu KPI Menteri KPM (MKPM), KPI Inisiatif KPT (IKPT), KPI Kebitaraan UTHM, dan KPI Transformasi UTHM dengan 80 item pengukuran yang dibuat secara menyeluruh. Contoh KPI Menteri KPM bagi Kluster 1 termasuk kebolehpasaran graduan, penerbitan dan pengkomersilan, penjanaaan pendapatan, bilangan pelajar antarabangsa dan lain-lain lagi. Manakala Kluster 2 iaitu KPI Inisiatif KPT (IKPT) pula termasuk bilangan geran, rumah komuniti, MOOC, wifi kampus dan lain-lain lagi. Bagi Kluster 3, kebitaraan UTHM pula mencerminkan KPI yang menampilkan keunikan UTHM seperti staf akademik berkelayakan profesional, staf akademik dengan sijil profesional TVET, bilangan alumni yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, Jerayawara Paradigma Tauhid dan lain-lain lagi. Manakala bagi Kluster 4 pula menonjolkan usaha UTHM untuk maju ke hadapan melalui proses transformasi dengan mengukur KPI seperti program Jom Solat Zohor, Program HUSSEIN Global, Jom Jalan Laju, Staf Mahir Bahasa Inggeris dan ICT, Sistem Kuliah Tanpa Sempadan dan lain-lain.



Rajah 6: Kluster Petunjuk Prestasi Utama UTHM Tahun 2018

Bagi Kluster 1, sebanyak 15 KPI telah mencapai sasaran 100% atau lebih, manakala hanya 2 KPI yang tidak dapat mencapai 50% daripada sasaran asal. Kluster 2 pula menunjukkan 67% atau 18 KPI telah mencapai lebih 50% daripada sasaran yang ditetapkan. Manakala, Kluster 3 yang memfokuskan usaha meningkatkan kebitaraan UTHM telah merekodkan 15 daripada 17 KPI atau 88% mendapat pencapaian 50% atau lebih. Manakala bagi Kluster 4 yang mengukur program Transformasi UTHM, sebanyak 10 KPI mencapai sasaran 100%.



Rajah 7: Pencapaian KPI Mengikut Kluster Tahun 2018

UTHM telah mencatatkan pencapaian sepenuhnya tiga petunjuk prestasi utama berbanding tujuh petunjuk prestasi utama yang ditetapkan pada tahun 2018, iaitu penjaan pendapatan sendiri, kecikiran pelajar, dan bilangan pelajar antarabangsa. Tiga petunjuk prestasi utama lagi, iaitu kebolehpasaran graduan, penerbitan jurnal, dan jumlah sitasi pula menunjukkan pencapaian melebihi 89% berbanding yang disasarkan. Manakala, petunjuk prestasi utama berkaitan iGOT menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding tahun 2017, walaupun tidak mencapai sasaran sepenuhnya bagi iGOT PhD.

Jadual 2: Petunjuk Prestasi Utama & Pencapaian UTHM untuk Tahun 2018

Petunjuk Prestasi Utama	Petunjuk Kecekapan		
	Pencapaian Tahun 2017	Sasaran Tahun 2018	Pencapaian Tahun 2018
Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen.	76.9%	83%	Data pada Disember 2018: 74.69% Data pada Mac 2019: 76.38%
Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	1.68	1.6	Data pada Disember 2018: 1.42 Data pada April 2019: 1.67
Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	10.05	12	Data pada Disember 2018: 10.91 Data pada April 2019: 11.87
Jumlah penjaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	15.86 %	15.00 %	15.08 %
Peratus kecikiran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:			
(i) Sarjana Muda	10%	≤ 7%	5.7%
(ii) Sarjana	16%	≤ 15%	12.2%
(iii) PhD	28%	≤ 19%	15.9%
Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti:			
(i) Sarjana Muda	70%	80%	85.2%
(ii) Sarjana	56%	45%	47.1%
(iii) PhD	30%	40%	34.1%
EPP 12: Menjuarai sebagai Jenama Pendidikan Malaysia pada Peringkat Antarabangsa			
(i) bilangan pelajar antarabangsa; dan	687	700	990
(ii) bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah	649	660	884



## Kebolehpasaran Graduan

Petunjuk prestasi utama yang pertama adalah merujuk kepada kebolehpasaran graduan UTHM. Pencapaian tahun 2018 menunjukkan data peratusan kebolehpasaran graduan berdasarkan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan Versi 1 (SKPG1) adalah 74.69% termasuk kumpulan graduan yang telah bekerja. Pengukuran ini dibuat pada 31 Disember 2018 setelah dua bulan bergraduasi. UTHM juga telah membuat pengukuran bagi alumni UTHM untuk menilai prestasi graduan setelah setahun bergraduasi. Data sehingga 31 Disember 2018 menunjukkan 90.03% graduan tahun 2017 UTHM telah mendapat pekerjaan, dan ini telah melonjakkan data SKPG1 2017 yang pada asalnya ialah 76.9% (data pada 31 Disember 2017).

## Penerbitan Universiti


Pada tahun 2018, UTHM telah menghasilkan sebanyak 1,513 penerbitan, iaitu 626 penerbitan, bagi artikel dalam jurnal Scopus, 300 artikel jurnal tidak berindeks Scopus dan 587 artikel prosiding Scopus. Pencapaian petunjuk prestasi utama bagi jumlah penerbitan dalam jurnal/prosiding berindeks dan jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik diambil pada 31 Disember 2018 yang tidak termasuk penerbitan pada Oktober hingga Disember.

## Penjanaan Pendapatan

Kemampuan pengurusan kewangan merupakan satu daripada elemen penting dalam pengurusan universiti. Sasaran yang telah ditetapkan iaitu 15% penjanaan pendapatan sendiri berbanding kos operasi universiti dapat meningkatkan keupayaan universiti dalam menjana kewangan sendiri. Bagi pencapaian 2018, UTHM telah berjaya menjana sebanyak RM75,204,122.00 berbanding kos operasi sebanyak RM496,181,493.00. Penjanaan hasil yang dicatatkan berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu pada kadar 15%.

## Peratus Keciciran Pelajar

Keberkesanan operasi sesebuah institusi pendidikan boleh diukur dengan melihat peratus kecaciran pelajar di semua peringkat pengajian. Peratus kecaciran yang rendah menunjukkan bahawa sesebuah institusi itu berkeadaan baik. Bagi tahun 2018, peratus kecaciran pelajar bagi peringkat Sarjana Muda adalah kurang daripada 7%. Peratus kecaciran pelajar pada peringkat Sarjana pula adalah kurang daripada 15%, manakala peratus kecaciran pada peringkat PhD ialah kurang 19%. Pada tahun 2018, UTHM telah berjaya mengurangkan kecaciran pelajar di semua peringkat pengajian. Pada peringkat Sarjana Muda, peratus kecaciran pelajar yang dicatat ialah sebanyak 5.7%, kecaciran pada peringkat Sarjana ialah 12.2%, manakala kecaciran pelajar pada peringkat PhD pula ialah 15.9%.




Rajah 8: Peratus Keciciran Pelajar Tahun 2018



### iGOT Pelajar


Keupayaan sesebuah universiti menghasilkan graduan yang tamat dalam tempoh yang ditetapkan adalah satu pengukuran yang dibuat bagi menilai kecekapan operasi sesebuah institusi pendidikan terbabit dari sudut pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sehingga tahun 2018, UTHM telah berjaya mencapai melebihi sasaran iGOT pada peringkat pengajian Sarjana Muda dengan 85.2% graduan telah berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan, dan 47.1% graduan pada peringkat Sarjana berjaya menamatkan pengajian masing-masing berbanding sasaran. Bagi iGOT PhD, UTHM mencapai 34.1% dan walaupun pencapaian ini adalah rendah berbanding sasaran iaitu 40%, namun ini merupakan pencapaian yang lebih tinggi berbanding tahun 2017.




Rajah 9: Pencapaian iGOT Tahun 2018

### Peningkatan Pelajar Antarabangsa

Sasaran 700 orang pelajar antarabangsa telah ditetapkan pada tahun 2018 sebagai usaha meningkatkan jenama pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Usaha ini dilihat berjaya apabila bilangan pelajar antarabangsa meningkat dari 687 orang kepada 990 orang pelajar antarabangsa, iaitu 40% lebih tinggi daripada sasaran.



Rajah 10: Taburan Pelajar Antarabangsa UTHM












**PENCAPAIAN  
UTHM 2018**



## Pengenalan

Di sepanjang tahun 2018 UTHM telah berjaya mendapat banyak pengiktirafan dan penarafan sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan, fasiliti, teknologi maklumat dan juga program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Pengiktirafan dan penarafan yang diperolehi ini bukan sahaja pada peringkat nasional bahkan pada peringkat antarabangsa. Hal ini sedikit sebanyak telah membantu menaikkan nama UTHM dan seterusnya memperkenalkan UTHM di persada antarabangsa, malah secara tidak langsung UTHM menjadi satu daripada duta kecil dalam mempromosikan negara Malaysia kepada masyarakat dunia.






## Pengiktirafan dan Penarafan UTHM

### Penarafan *QS University Rankings Asia 2018* dan *QS World University Rankings 2018 by Subject*


UTHM berada di kedudukan 301 hingga 350 bagi *QS University Rankings Asia 2018* dan dua subjek tersenarai dalam *QS World University Rankings 2018 by Subject*, iaitu *Engineering Mechanical* (kedudukan 301-350) dan *Engineering and Technology* (kedudukan 401-450). UTHM juga diiktiraf empat bintang menerusi *QS Stars Rating* dengan tujuh komponen yang dinilai merangkumi kategori *Teaching*, *Employability*, *Facilities*, *Social Responsibility* dan *Inclusiveness* yang diberikan penarafan lima bintang. Pencapaian tiga bintang diraih menerusi kategori *Research* dan *Internationalization*.



Rajah 1.1: *QS University Rankings Asia 2018* & *QS World University Rankings 2018 by Subject*



Rajah 1.2: Penarafan *QS Stars Rating*





## Penarafan Webometrics


Penarafan *Webometrics* merupakan sistem penarafan akademik IPT yang dijalankan sebanyak dua kali setahun oleh *Cybermetric Lab*, iaitu sebuah kumpulan penyelidikan terbesar dari Sepanyol (Scimago). Penarafan UTHM dalam *Webometrics* telah melonjak naik apabila berjaya menduduki tempat kedua daripada 305 Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia yang dinilai bagi kriteria *Presence Rank*. Pencapaian ini seterusnya meletakkan nama UTHM di kedudukan ke-1551 pada peringkat universiti dunia dan ke-9 untuk kedudukan Malaysia. Sebelum ini, UTHM pernah berada di kedudukan 10 tertinggi dalam negara dengan pencapaian kedudukan ke-7 pada Januari 2015. Setelah mengalami sedikit kejatuhan pada tahun berikutnya, kini UTHM mula bangun kembali memperkukuhkan kedudukan dengan menambah baik sistem dan perkhidmatan sedia ada. Kejayaan UTHM dalam penarafan ini adalah lambang usaha gigih dan komitmen yang berterusan oleh warga kerjanya untuk terus maju dan berdaya saing.


### Malaysia

ranking	World Rank	University	Det.	Presence Rank*	Impact Rank*	Openness Rank*	Excellence Rank*
1	783	<a href="#">Universiti Teknologi MARA / MARA University of Technology</a>	↑	73	861	1267	1028
2	1553	<a href="#">Universiti Tun Hussein Onn Malaysia</a>	↑	82	3133	1901	1563
3	748	<a href="#">Universiti Kebangsaan Malaysia / National University of Malaysia</a>	↑	115	1643	1568	535
4	629	<a href="#">Universiti Putra Malaysia</a>	↑	120	1435	638	491
5	608	<a href="#">Universiti Sains Malaysia</a>	↑	192	1306	508	515
6	1962	<a href="#">Universiti Malaysia Sabah</a>	↑	220	4391	1818	1905
7	558	<a href="#">Universiti Teknologi Malaysia</a>	↑	225	1285	670	389
8	2781	<a href="#">Universiti Pendidikan Sultan Idris</a>	↑	272	4568	2697	3198
9	1980	<a href="#">Universiti Teknikal Malaysia Melaka</a>	↑	313	4287	2570	1821
10	374	<a href="#">University of Malaya</a>	↑	378	899	431	198

\*Sumber: Laman sesawang rasmi Penarafan Webometrics

Rajah 1.3: Penarafan Webometrics






## Kumpulan Inovatif dan Kreatif

UTHM telah memenangi lima pingat emas bagi pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan pada tahun 2018. Di Konvensyen Antarabangsa Kualiti dan Produktiviti (IQPC) Tahun 2018 pula, UTHM telah berjaya memenangi satu pingat emas dan satu pingat platinum. Pengiktirafan ini telah diraih melalui pelbagai projek antaranya ialah memperkenalkan kaedah alternatif bagi membantu pelajar mencari peralatan di makmal dengan lebih efektif, cepat dan menjimatkan masa yang dinamakan sebagai *E-Labs*; bedung kanak-kanak yang dapat membantu mempercepatkan proses pengambilan darah semasa rawatan (*Blood Wrapping Kid "Kiddy Comfy"*); alat rawatan fisioterapi yang membolehkan pelbagai alatan senaman kaki dan tangan digunakan secara serentak (*Combo Exs Unit*); alat bagi memindahkan pesakit dari bangunan bertingkat semasa berlaku kes kecemasan (*Smart Lifter*); alat bagi membantu proses pembersihan telinga di pusat kesihatan (*Otorigator*); dan sistem penilaian dalam talian bagi pelajar latihan industri (*Industrial Training Assessment System*)

Jadual 1.1: Pencapaian Pingat Kumpulan Inovatif & Kreatif UTHM Tahun 2018


Kategori	Konvensyen	Emas	Emas 5 Bintang	Emas 4 Bintang	Platinum	Anugerah Khas
Dalam Negara	Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah Pantai Timur (RTE <sub>x</sub> ) 2018  3 hingga 4 Julai 2018	4				
	Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah Selatan (RTE <sub>x</sub> ) 2018  10 hingga 11 Julai 2018	1				
	Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Kebangsaan (NTE <sub>x</sub> ) 2018  13 hingga 15 November 2018		2	3		4
	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali Ke-14 Tahun 2018  14 hingga 16 Ogos 2018	1		1		
Antarabangsa	Konvensyen Antarabangsa Kualiti dan Produktiviti (IQPC) 2018 di Batam, Indonesia  27 hingga 30 November 2018	1			1	





Jadual 1.2: Senarai Kejayaan Kumpulan Inovatif & Kreatif UTHM Tahun 2018

Pusat Tanggungjawab	Nama Kumpulan	Nama Projek	Konvensyen	Pencapaian
Pusat Kesihatan Universiti	Renaissance	Kiddy Comfy	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTHM Tahun 2018	Emas
			Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah Pantai Timur Tahun (RTEEx) 2018	Emas
			Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali ke-14 Tahun 2018	Emas
	Renaissance	Blood Sampling Kit	Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018	Emas 4 Bintang
			Konvensyen Antarabangsa Kualiti dan Produktiviti (IQPC) 2018	Emas
	Eagle 3	Combo Exs Unit	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTHM Tahun 2018	Emas
			Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah Pantai Timur (RTEEx) 2018	Emas
			Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018	Emas 4 Bintang Johan Demonstrasi Inovasi Produk (Hari ke-3)
	Synergy	Otorigator	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTHM Tahun 2018	Emas
			Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah Pantai Timur (RTEEx) 2018	Emas
			Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018	Emas 4 Bintang
	CereBroHub	Smart Lifter	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTHM Tahun 2018	Perak
			Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah Pantai Timur (RTEEx) 2018	Emas
			Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018	Emas 5 Bintang 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Persekutuan)






Pusat Tanggungjawab	Nama Kumpulan	Nama Projek	Konvensyen	Pencapaian
Pusat Pengajian Diploma	Q-PPD	Industrial Training Assessment System	Konvensyen Antarabangsa Kualiti dan Produktiviti (IQPC) 2018	Platinum
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	MOSFET	E-Labs	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTHM Tahun 2018	Emas
			Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Selatan (RTEx) 2018	Emas
			Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali ke-14 Tahun 2018	Emas 4 Bintang
			Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEx) 2018	Platinum
				Emas 5 Bintang
				Anugerah Industri 4.0
				20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Persekutuan)



Foto 1.1: Pencapaian Kumpulan Inovatif & Kreatif UTHM

1. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali Ke-14 Tahun 2018
2. Konvensyen Antarabangsa Kualiti dan Produktiviti (IQPC) 2018







**Anugerah Garden Starlight Award (Pencahayaan Lanskap) dan Most Popular Garden Award Kategori Kolej & Universiti di Festival Bunga & Taman Diraja Putrajaya 2018 (Floria Diraja Putrajaya 2018)**

UTHM telah memenangi dua anugerah semasa Festival Bunga & Taman Diraja Putrajaya 2018. Dua anugerah tersebut ialah *Garden Starlight Award* (Pencahayaan Landskap) dan *Most Popular Garden Award*. Konsep rekabentuk landskap yang dibawa oleh UTHM ialah mengikut tema acara, iaitu 10 Kegemilangan FLORIA (10 Wonders of FLORIA) dan ciri-ciri kemerdekaan.



Foto 1.2: Reka Bentuk dan Laman Floria UTHM Beserta Trofi Kemenangan




**e-REKA 2018**

UTHM telah berjaya merangkul sebanyak empat pingat emas dan dua pingat perak, selain kejayaan projek *EEG Pattern of Learning Methodology Between Cognitive and Psychomotor for Non-dyslexia Person* oleh Dr. Norfaiza Fuad dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik yang meraih *1st Winner Best Category Award* di e-REKA Industry and Networking Pitching (e-REKA2018) anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 20 Disember 2018.



Foto 1.3: Anugerah e-Reka



### Anugerah Buku Umum Terbaik

Hasil penulisan buku ilmiah dua orang pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan, UTHM mendapat pengiktirafan apabila menerima anugerah Buku Umum Terbaik dalam kategori Kejuruteraan di Majlis Anugerah Buku Negara 2018 yang berlangsung pada 30 April 2018. Pengiktirafan peringkat nasional itu diberi kepada Profesor Madya Dr. Erween Abd. Rahim dan Dr. Norfazillah Talib dengan buku mereka berjudul **Minyak Pelincir Berasaskan Tumbuhan**. Buku yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini merupakan bahan rujukan kajian dan pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang menjurus kepada perbincangan mengenai potensi penggunaan minyak tumbuhan sebagai pelincir dalam industri pembuatan.



Foto 1.4: Anugerah Buku Umum Terbaik



### Kejayaan Mencipta Nama di Malaysia Book of Records

Seramai tujuh orang pelajar dan seorang pensyarah telah mencipta sejarah apabila berjaya sampai ke kem dasar Gunung Everest pada tanggal 16 September 2018 bersempena Sambutan Hari Malaysia dan Sambutan Ulang Tahun UTHM ke-25. Kejayaan ini melakar nama UTHM dalam *Malaysia Book of Records* dengan pencapaian *Highest Altitude Lectures Class* di ketinggian 5550 mdpl.



Foto 1.5: *Highest Altitude Lectures Class* di Kem Dasar Gunung Everest




## Pencapaian Penyelidikan dan Pengkomersialan

### Penemuan Spesies Baru Semut (*Echinopla tunkuabduljalilii*)

Penyelidik UTHM dalam bidang Sains Biologi berjaya menemukan spesies baru semut di Sungai Bantang, Bekok, Johor dan dinamakan atas perkenan DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sebagai *Echinopla tunkuabduljalilii*, iaitu spesies ke-16 *Echinopla*. Spesies *Echinopla* yang baru ini berukuran 5.48 mm, berwarna hitam, dan tidak mempunyai bulu seperti kebanyakan spesies *Echinopla* yang lain. Pengesahan penemuan spesies baru ini telah diperoleh daripada Dr. Herbert Zettel yang mengetuai kumpulan pengkaji *Echinopla* di *Natural History Museum Vienna*, Austria.



Foto 1.6: Semut *Echinopla tunkuabduljalilii*





## Pengkomersilan Produk

Penyelidik UTHM telah berjaya mengkomersilkan dua jenis produk, iaitu *MOVAL Drain System* dan *Dwi Herbal Tea*. *MOVAL Drain System* ialah teknologi baru yang dapat meningkatkan jangka hayat lapisan kalis air dan memudahkan kerja-kerja pemasangan paip bagi mengatasi masalah lantai bocor. Produk *Dwi Herbal Tea* pula merupakan minuman formulasi herba untuk kesihatan yang telah mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang juga merupakan produk pertama syarikat *spin-off* di bawah UTHM.



Foto 1.7: Produk *MOVAL Drain System*

*Diabe-Tea*


Diabe-Tea merupakan sejenis minuman herba untuk kesihatan yang diformulas khas untuk kegunaan pesakit diabetes. Formulasi ini adalah terdiri dari dedaun yang diberi nama *Orthosiphon farnesius*, *Strabillanthus crispus* dan *Stevia rebaudiana*. Pengguna boleh mengambil minuman herba ini bersama-sama dengan ubat yang disediakan oleh doktor untuk mengurangkan risiko mendapatkan lebih banyak penyakit. Harga yang ditawarkan adalah RM49.00 dan setiap bungkus mengandungi 30 unsang teluk.

Produk ini telah mendapat status perlindungan Paten Pending : P207704731, Hakcipta : LY2017700855 dan Cap Dagangan : X2016006688

Produk ini telah mendapat status perlindungan HakCipta : LY2017700855

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Pusat Inovasi dan Pengkomersilan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di talian 07-4538526

Foto 1.8: Produk *Dwi Herbal Tea*






## Pencapaian Pelajar UTHM

### Kejayaan di *Imagine Cup 2018* Peringkat Asia Pasifik dan *Microsoft Imagine Cup World Finals 2018*

Seramai tiga orang pelajar telah berjaya mengharumkan nama UTHM dan negara Malaysia apabila hasil ciptaan alat pengesan kualiti buah nanas melalui *Internet of Things* (IoT) mereka meraih tempat pertama di *Imagine Cup 2018* peringkat Asia Pasifik dan seterusnya mewakili Malaysia dan Asia Pasifik di *Microsoft Imagine Cup World Finals 2018* peringkat antarabangsa di Seattle, Amerika Syarikat. Hasil ciptaan tersebut yang dinamakan *the PINE* telah disenarai pendek ke peringkat separuh akhir pertandingan di *Imagine Cup Awards* kategori *Big Data*. Hasil ciptaan menggunakan Teknologi Sensor Optik dan Teknologi Pembelajaran Mesin ini membolehkan kualiti buah nanas diuji tanpa merosakkan buah nanas tersebut. Produk ini berjaya menjimatkan pembaziran buah nanas dan seterusnya memendekkan tempoh masa proses pengujian berbanding kaedah konvensional yang perlu melibatkan pemotongan dan pengestrakan buah nanas.



Foto 1.9: Pelajar UTHM dengan Hasil Ciptaan Alat Pengesan Kualiti Buah Nanas (*the PINE*)






### Kejuaraan di Pertandingan 1<sup>st</sup> International Nanotechnology Olympiad (INO)

Pelajar ijazah kedoktoran UTHM telah mengetuai pasukan Malaysia dan meraih pingat emas bagi kategori Sains dan Teknologi di pertandingan peringkat antarabangsa 1<sup>st</sup> International Nanotechnology Olympiad (INO). Pertandingan yang julung kalinya dianjurkan oleh Pertubuhan Asia Nano Forum (ANF) dan dikendalikan oleh Iran Nanotechnology Initiative Council (INIC) ini telah diadakan di *Pardis Technology Park*, Tehran, Iran. Berdasarkan syarat pertandingan, pasukan yang bertanding perlu membentangkan produk berasaskan nanoteknologi sebagai kaedah rawatan air dan dinilai melalui aspek ketulenan idea, analisis paten, *Technical Readiness Level (TRL)*, *Manufacturing Readiness Level (MRL)*, penilaian kesihatan, keselamatan dan alam sekitar, ujian makmal dan prototaip, pelan perniagaan dan pelan pemasaran.



Foto 1.10: Majlis Penyampaian Anugerah di Pertandingan 1<sup>st</sup> International Nanotechnology Olympiad (INO)








### *Japanese Skit Contest 2018 Anjuran The Japan Foundation Kuala Lumpur*

Pasukan *Artificial Intelligence* UTHM (AI UTHM) yang terdiri daripada enam orang pelajar UTHM telah berjaya merangkul kejuaraan ketika menyertai *Japanese Skit Contest 2018* anjuran *The Japan Foundation* Kuala Lumpur yang disiarkan secara langsung melalui aplikasi Zoom pada 24 November 2018. Dalam pertandingan tersebut, AI UTHM mempertaruhkan video kreatif yang bertajuk *One Day Life of AI Student in UTHM*. Pertandingan ini berjaya meraih penyertaan yang menggalakkan dari institusi pengajian tinggi antaranya Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Perak *Malaysian-Japanese Friendship Society*. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk membantu para pelajar Malaysia meningkatkan keyakinan dan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Jepun. Melalui tema 'AI', setiap peserta dikehendaki menyediakan sebuah video yang memaparkan penggunaan bahasa Jepun secara kreatif dan menarik agar mesej yang disampaikan dalam video mudah difahami.



Foto 1.11: Tenaga Pengajar dan Pelajar UTHM yang Memenangi *Japanese Skit Contest 2018*






### Saintis Muda UTHM Diiktiraf dalam Bidang Sains dan Teknologi di Iran

Pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) UTHM, Rabiatul Adawiyah Zayadi bersama tiga orang saintis dari Malaysia telah mengharumkan nama negara apabila dianugerahkan dengan Diploma Kehormat di *KANS Scientific Competition* yang berlangsung pada 12 November 2018 di *Amirkabir University of Technology*, Tehran, Iran. Beliau merupakan peserta termuda yang menerima anugerah Diploma Kehormat dalam bidang Air dan Alam Sekitar daripada 1,045 pendaftaran yang diterima oleh pihak penganjur. *KANS Scientific Competition* yang dihadiri lebih daripada 1,000 orang ahli akademik ini telah dianjurkan oleh *Mustafa Science and Technology Foundation (MSTF)* bagi memberi peluang kepada saintis muda dari negara-negara Islam untuk mengetengahkan idea mereka dalam bidang sains dan teknologi. Penganjuran KANS ini juga bertujuan untuk mencari solusi saintifik bagi menyelesaikan masalah sosial dalam lima bidang sasaran, iaitu Air dan Alam Sekitar, Kesihatan, Teknologi Maklumat, Ekonomi, serta Tenaga.



Foto 1.12: Rabiatul Adawiyah Zayadi pada Majlis Anugerah Diploma Kehormat di *KANS Scientific Competition*






### Mahasiswa UTHM Cemerlang di 4<sup>th</sup> ASEAN Foundation Model ASEAN Meeting 2018

Seramai dua orang pelajar iaitu Muhammad Naufal Adam dan Nur Fatehah Fitri bersama seorang pensyarah, Dr. Lee Te Chuan dari Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan, UTHM telah terpilih untuk mewakili Malaysia ke *ASEAN Foundation Model ASEAN Meeting (AFMAM 2018)* yang berlangsung di *U Town Campus, National University, Singapura* pada 2 hingga 9 Julai 2018. Pasukan Malaysia berjaya mendapat tempat untuk menyertai program berprestij ini setelah dipilih menjadi 20 pasukan terbaik daripada lebih 190 penyertaan dari negara ASEAN. Program ini ditaja sepenuhnya oleh pihak ASEAN Foundation. Menyentuh tentang pengisian program, setiap kumpulan yang dipilih diminta untuk menyediakan cadangan melalui 3 dasar utama ASEAN iaitu *ASEAN Economic Council (AEC)*, *ASEAN Political Security Council* dan *ASEAN Socio-cultural Community (ASSC)*. Untuk memenuhi tuntutan ini setiap peserta perlu menghadiri kursus, taklimat dan forum berkaitan ASEAN dan ASEAN SUMMIT dan selepas itu para peserta perlu mengadakan simulasi mesyuarat negara-negara ASEAN.



Foto 1.13: Pelajar UTHM di 4<sup>th</sup> ASEAN Foundation Model ASEAN Meeting 2018






### Kejayaan di Acara Mendayung dalam Temasya Sukan ASEAN ke-19

Seramai tujuh orang pelajar UTHM memperoleh kejayaan cemerlang dengan merangkul pingat perak bagi kategori *Men Coxed Eight* (8+) dan gangsa bagi kategori *Women Cozlezz Four* (4-) dalam acara mendayung (*rowing*) di Temasya Sukan Universiti ASEAN ke-19 pada 16 Disember 2018.



Foto 1.14: Pasukan Rowing UTHM di Temasya Sukan Universiti ASEAN ke-19








2

GOVERNAN



## Pengenalan

Tadbir urus UTHM terus diperkasakan pada tahun 2018 sejajar dengan perkembangan semasa. Pelantikan baru jawatan-jawatan utama seperti Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat) merupakan antara peristiwa penting yang berlaku pada tahun 2018. Selain itu, UTHM juga telah melakar sejarah dengan penubuhan Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia (*Malaysia Research Institute For Vocational Education & Training – MyRIVET*) yang menandakan peranan penting UTHM dalam pembangunan bidang *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* negara.





## Lantikan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sufri bin Hj. Mohd. Zin telah dilantik sebagai Pengerusi LPU UTHM berkuat kuasa mulai 16 April 2018 hingga 31 Julai 2018. Pelantikan beliau adalah bagi menggantikan YBhg. Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md. Hussin yang telah tamat tempoh lantikan pada 15 April 2018. Berkuat kuasa pada 1 November 2018 sehingga 31 Oktober 2021, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia seterusnya melantik YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman, Pengarah Urusan dan Timbalan Presiden PEN Operations, Lumileds Malaysia Sdn. Bhd. sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) UTHM yang baharu

YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan dari University of Strathclyde, Scotland dan juga Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Perniagaan, dan berpengalaman luas dalam sektor industri serta aktif dalam perkara berkaitan kerjasama institusi pendidikan dan industri. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah MIMOS Semi Conductor (M) Sdn. Bhd. dan pernah berkhidmat sebagai Ahli dan juga Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) selain pernah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS).





Foto 2.1: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tahun 2018








## Lantikan Ahli Lembaga Pengarah Universiti

Pada tahun 2018, UTHM telah menerima tiga pelantikan baru Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang baru



Foto 2.2: Pelantikan Baru Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tahun 2018






YBrs. Encik Ahmad Luqman bin Mohd. Azmi, Ketua Pegawai Operasi, Malaysia Airlines Berhad telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTHM berkuat kuasa pada 15 Jun 2018 sehingga 14 Jun 2021. Tempoh lantikan 3 tahun ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan pelantikan beliau adalah mewakili portfolio lantikan swasta. Encik Ahmad Luqman bin Mohd. Azmi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Aeroangkasa daripada Syracuse University, USA dan mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.

YBrs. Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah, Timbalan Setiausaha Bahagian Antarabangsa, Kementerian Kewangan Malaysia telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTHM berkuat kuasa pada 1 November 2018 sehingga 31 Oktober 2021 dan pelantikan beliau adalah mewakili portfolio Wakil Kementerian Kewangan. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Perbankan) daripada Universiti Utara Malaysia, Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi Antarabangsa, Perbankan dan Kewangan daripada University of Wales, Cardiff, United Kingdom dan Ijazah Doktor Falsafah (Kewangan) dari Universiti Malaya. Pelantikan beliau ini adalah bagi menggantikan YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Mat Nor, Timbalan Setiausaha Bahagian Aset, Kementerian Kewangan Malaysia yang telah tamat tempoh pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti pada 31 Oktober 2018.

Pada tahun 2018 juga, UTHM turut menerima satu lagi pelantikan baru Ahli Lembaga Pengarah Universiti iaitu YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd. Ismail bin Abd. Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia, berkuat kuasa mulai 15 Disember 2018 sehingga 14 Disember 2021. Pelantikan beliau sebagai wakil tetap Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Lembaga Pengarah Universiti ini adalah bagi menggantikan YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah yang telah tamat tempoh lantikan pada 30 November 2018. YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd. Ismail bin Abd. Aziz mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda (Matematik Gunaan) dari University of South Wales, Sydney Australia, Ijazah Sarjana (*Mathematics, Modern Control Systems*) dari Loughborough University, United Kingdom dan Ijazah Doktor Falsafah (Kejuruteraan Kawalan) dari City University, London.






### Lantikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UTHM berkuat kuasa mulai 15 November 2018 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia untuk tempoh 3 tahun sehingga 14 November 2021. Lantikan beliau adalah bagi mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTHM yang sebelum ini disandang oleh Profesor Madya Dr. Asri bin Selamat yang telah tamat tempoh lantikannya. Beliau sebelum ini merupakan Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat) dan pernah menjawat beberapa jawatan utama di UTHM seperti Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dan juga Pengetua Kolej Kediaman Perwira.



Foto 2.3: Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad






### Lantikan Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat)

Profesor Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd Karim telah dilantik sebagai Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat), UTHM berkuat kuasa mulai 15 November 2018 untuk tempoh 2 tahun sehingga 30 November 2020. Lantikan beliau adalah bagi mengisi kekosongan jawatan Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat) UTHM yang sebelum ini disandang oleh Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad. Sebelum ini beliau pernah menjawat beberapa jawatan giliran seperti Pengarah Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Harta Bina, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar, Dekan Pusat Pengajian Siswazah dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Pengurusan Fasiliti dan ICT).



Foto 2.4: Profesor Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd Karim





## Penubuhan dan Penjenamaan Semula Fakulti/Pusat

### Penubuhan Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia (*Malaysia Research Institute For Vocational Education & Training – MyRIVET*)

Seiring dengan inisiatif *MTUN Excellence* dan ke arah pembangunan Industri 4.0, Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia (*Malaysia Research Institute For Vocational Education & Training – MyRIVET*) telah diluluskan penubuhannya melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2018 yang bersidang pada 16 Disember 2018. Tujuan penubuhan institut ini adalah bagi melaksanakan penyelidikan untuk kepentingan pihak yang terlibat dalam membangunkan dan memantapkan dasar serta hala tuju dalam bidang TVET negara seiring dengan keperluan industri. Selain itu, MyRIVET berperanan sebagai hub kerjasama penyelidikan dan perundingan negara pada peringkat global dalam bidang TVET. Institusi ini merupakan pusat rujukan utama oleh pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan dalam menilai dan merangka polisi serta bertanggungjawab sebagai pusat pengumpulan analisis, penilaian dan pengurusan data berkaitan TVET ke arah menjadi sebuah negara maju.

1




1. Logo MyRIVET
2. Majlis Pelancaran MyRIVET

2



Foto 2.5: MyRIVET





## Kampus Cawangan

UTHM beroperasi dengan tiga kampus iaitu Kampus Induk di Parit Raja, dan dua kampus cawangan, iaitu di Tanjung Laboh dan Pagoh. Seramai 1,875 orang staf dan 12,178 orang pelajar berada di Kampus Induk (Parit Raja), manakala seramai 464 orang staf dan 5,655 orang pelajar ditempatkan di Kampus Cawangan Pagoh.

Kampus Cawangan UTHM di Tanjung Laboh, Batu Pahat, Johor telah memulakan operasinya dengan pelancaran Pusat Minda Emas (PuMAS) sebagai pusat latihan pada 25 Ogos 2016. Pusat Latihan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan prasarana termasuk sebuah dewan seminar, bilik latihan, dewan makan, surau, blok penginapan dan fasiliti aktiviti luar. Pusat Latihan ini berperanan dalam mewujudkan ekosistem latihan yang kondusif, di samping menjana pendapatan kepada UTHM melalui sewaan ruang dan kemudahan kepada pihak luar serta membangunkan sosioekonomi masyarakat setempat di Tanjung Laboh dan Pekan Senggarang. Selain pusat latihan, sebagaimana perancangan asal dalam *Blueprint* UTHM 2015 – 2025, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) program aeronautik juga akan beroperasi dengan penubuhan Fakulti Kejuruteraan Aeronautik yang juga berperanan sebagai pusat bagi latihan pelesenan penyelenggaraan dan penerbangan.

UTHM Kampus Cawangan Pagoh pula telah beroperasi pada September 2017 dengan menempatkan tiga Fakulti iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD). Kampus ini turut memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang baru melalui *teaching factory* yang berasaskan *hands on the real experience* yang berkonsepkan industri dalam universiti.








Foto 2.6: Kampus UTHM

1. Kampus Parit Raja
2. Kampus Cawangan Pagoh
3. Kampus Cawangan Tanjung Laboh



# CARTA ORGANISASI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



Rajah 2.1: Carta Organisasi UTHM










**3**

**PENGURUSAN DAN  
PEMBANGUNAN SUMBER  
MANUSIA**



## Pengenalan


Pada masa kini, kemajuan teknologi memerlukan sumber manusia di sesebuah organisasi yang memiliki pengetahuan, seiring dengan perubahan pesat di industri. Revolusi industri 4.0 (*Industrial Revolution, IR 4.0*) yang diperkenalkan turut memberi kesan kepada industri pendidikan. Sumber manusia terutamanya di universiti awam perlu mengikut perkembangan semasa dan berpengetahuan bagi memastikan organisasi tidak ketinggalan. Pengurusan sumber manusia yang efektif dilihat sebagai pendekatan terbaik bagi membantu organisasi mendepani persaingan yang semakin mencabar. Sumber manusia yang kompeten merupakan aset penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, UTHM amat menekankan pembangunan polisi dan sistem berkaitan perjawatan, kenaikan pangkat, latihan/kursus, dan pengiktirafan yang merupakan kunci utama kepada kejayaan dalam pentadbiran sesebuah organisasi.





## Perjawatan

Pada keseluruhannya, UTHM memiliki staf seramai 2,339 orang pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,069 orang adalah staf akademik dan 1,270 orang staf pentadbiran.



Rajah 3.1: Statistik Staf Mengikut Kategori

Rajah 3.2: Pecahan Perjawatan Staf Pentadbiran Mengikut Kumpulan Jawatan


Jadual 3.1: Pecahan Perjawatan Staf Akademik Mengikut Gred Jawatan

Jawatan (Gred)	Bilangan
Naib Canselor (VU5)	1
Timbalan Naib Canselor (VU6)	3
Profesor (VK6)	2
Profesor (VK7)	29
Felo Industri Utama (VK7)	1
Profesor Madya (DS54)	141
Profesor Madya (DS53)	8
Felo Industri (DS53)	2
Pensyarah Kanan (DS52)	202
Pensyarah (DS51)	293
Felo Industri (DS51)	5
Pensyarah (DS45)	206
Felo Industri (DS45)	32
Jurutera Pengajar (DV52)	1
Jurutera Pengajar (DV51)	2
Jurutera Pengajar (DV48)	3
Jurutera Pengajar (DV44)	26
Jurutera Pengajar (DV43)	2
Jurutera Pengajar (DV41)	23
Penolong Ketua Pengajar Kanan (DG52)	1
Guru Bahasa (DG48)	2
Guru Bahasa (DG44)	4
Guru Bahasa (DG41)	30
Tutor (DA41)	39
Penolong Pengajar (DV29)	9
Pengajar (DG32)	2
<b>Jumlah</b>	<b>1069</b>



### Tamat Perkhidmatan


Secara keseluruhannya, seramai 58 orang staf telah menamatkan perkhidmatan di UTHM pada tahun 2018. Daripada jumlah ini, seramai 6 orang staf telah meninggal dunia dan seramai 12 orang staf telah bersara dengan 6 orang bersara wajib dan 6 orang bersara pilihan.




Rajah 3.3: Staf Tamat Perkhidmatan Pada Tahun 2018


### Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2018, seramai 122 orang staf daripada pelbagai gred jawatan telah dinaikkan pangkat. Kenaikan pangkat ini merupakan pengiktirafan kepada staf yang sentiasa berusaha gigih ke arah kecemerlangan UTHM.



Rajah 3.4: Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran (Kumpulan Pengurusan & Profesional) Tahun 2018





Rajah 3.5: Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2018

Jadual 3.2: Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran (Kumpulan Pelaksana) Tahun 2018


Jawatan (Gred)	Bilangan
Penolong Jurutera (JA36)	14
Penolong Pegawai Tadbir (N36)	1
Penolong Pegawai Tadbir (N32)	2
Penolong Pegawai Kewangan (W32)	2
Jururawat (U32)	1
Penolong Peg. Teknologi Maklumat (FA32)	1
Pembantu Tadbir (P/O) (N28)	1
Pembantu Tadbir (P/O) (N26)	3
Penolong Pustakawan (S26)	1
Pembantu Pembedahan Pergigian (U24)	2
Pembantu Tadbir (P/O) (N22)	21
Pembantu Pustakawan (S22)	1
Pembantu Jurutera (J22)	1
Pembantu Kenderaan(H22)	1
Pengawal Keselamatan (KP16)	1
Pembantu Awam (H14)	5
Pembantu Operasi (N14)	4
Pengawal Keselamatan (KP14)	2
<b>JUMLAH</b>	<b>64</b>




## Pembelajaran Sepanjang Hayat

### Cuti Belajar


Pada tahun 2018, seramai 55 orang staf UTHM sedang melanjutkan pengajian dengan menggunakan kemudahan cuti belajar sepenuh masa. Seramai 46 orang daripada jumlah tersebut terdiri daripada staf akademik, manakala 9 orang lagi adalah staf pentadbiran. Dalam pada itu, UTHM juga telah menaja seramai 35 orang pelajar di bawah Skim Tenaga Akademik Baru (STAB) untuk melanjutkan pengajian sebelum diserap sebagai staf.




Rajah 3.6: Statistik Cuti Belajar Staf Akademik Mengikut Kategori Jawatan



Rajah 3.7: Statistik Cuti Belajar Staf Pentadbiran Mengikut Kategori Jawatan



Rajah 3.8: Statistik Pembelajaran Sepanjang Hayat Mengikut Peringkat Pengajian





## Sangkutan Industri


Program sangkutan industri merupakan kemudahan yang disediakan oleh UTHM untuk memberi pendedahan kepada pegawai bagi menambahluaskan pengalaman ikhtisas atau profesional dalam industri, terutamanya bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan profesionalisme pegawai dalam bidang masing-masing. Secara keseluruhannya staf yang mengambil cuti untuk mengikut program sangkutan industri pada tahun 2018 adalah seramai 30 orang dengan 17 orang telah melapor diri, manakala 13 orang lagi masih menjalani program ini dan dijadualkan akan selesai pada tahun 2019.

Daripada jumlah tersebut, seramai 14 orang menjalani program sangkutan industri ini di Jabatan Kerja Raya, hasil daripada hubungan kerjasama antara UTHM dan JKR sebagaimana MoA (Fasa 1) yang dimeterai pada Mei 2015.


Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk mencapai matlamat 30% tenaga pengajar yang terdiri daripada jurutera profesional seperti yang telah ditetapkan oleh *Board of Engineer Malaysia (BEM)*. Secara tidak langsung, program ini juga dapat menjalinkan kerjasama antara pihak industri dan pihak UTHM. Setakat ini, 3 orang staf telah berjaya mendapat status jurutera profesional hasil daripada program ini. Melihat kepada keberkesanannya, UTHM dan JKR telah menandatangani MoA pada 19 Disember 2018 bagi meneruskan kerjasama ini.



Foto 3.1: Majlis Menandatangani MoA Antara UTHM dan JKR



Rajah 3.9: Program Sangkutan Industri Staf UTHM Tahun 2018






### Kelayakan Doktor Falsafah/Profesional


Pada tahun 2018, UTHM mempunyai seramai 665 orang staf berkeelayakan Doktor Falsafah iaitu 71.9% daripada 925 orang staf akademik. UTHM juga mencatatkan seramai 209 orang staf berkeelayakan profesional dengan jumlah paling ramai adalah *Professional Technologist* (Ts.). Daripada jumlah seramai 167 orang ini, sebilangan besarnya memperoleh gelaran tersebut pada tahun 2018.



Rajah 3.10: Statistik Staf Akademik Lulusan Doktor Falsafah




Rajah 3.11: Kelayakan Profesional Staf UTHM





### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 yang berlangsung pada 7 Mei 2018 menyaksikan seramai 464 orang staf telah menerima pelbagai anugerah. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Ts. Dr. Wahid bin Razzaly selaku Naib Canselor UTHM. Seramai 180 orang staf yang berprestasi cemerlang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Staf yang telah berkhidmat untuk tempoh 10 dan 20 tahun, serta pesara UTHM turut diraikan melalui anugerah-anugerah lain yang diberikan oleh UTHM sebagai tanda penghargaan.



Rajah 3.12: Statistik Penerima Anugerah di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017



Foto 3.2: Para Penerima Anugerah di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017




## Kursus dan Latihan

Kursus dan latihan yang bersesuaian dengan bidang dan deskripsi tugas mampu meningkatkan prestasi dan kualiti kerja, menambah ilmu pengetahuan seiring kemajuan teknologi semasa dan mengurangkan kemalangan yang berlaku di tempat kerja. Menyedari kepentingan ini, UTHM telah menganjurkan sekurang-kurangnya 70 kursus dan latihan pada tahun 2018.


### Perbandingan Peruntukan Latihan Tahun 2017 & 2018

Pada tahun 2018, sebanyak RM1.65 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan kursus anjuran dalaman dan kursus anjuran luar. Bagi kursus dalaman, fokus utama diberikan bagi penganjuran kursus pembangunan diri dan modal insan. Hasil penganjuran kursus dan latihan ini sebanyak 86% staf UTHM telah berjaya mencapai 7 hari latihan sebagaimana dasar yang ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

Secara perbandingan, kos pada tahun 2018 mencatatkan 10% lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kesedaran staf untuk meningkatkan potensi diri melalui latihan dan sokongan UTHM yang menggalakkan staf untuk menghadiri latihan-latihan anjuran pihak dalaman dan agensi luar.



Rajah 3.13: Pencapaian Jam Latihan Staf Tahun 2018





## Peningkatan Penjanaaan Pendapatan Kursus-kursus Komersil

Penganjuran 7 kursus komersil pada tahun 2018 telah mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak RM373 ribu, berbanding tahun 2017 (RM253 ribu). Peningkatan ini disebabkan oleh sambutan yang menggalakkan daripada agensi-agensi kerajaan dan syarikat swasta terhadap kursus-kursus anjuran Pejabat Pendaftar yang menepati keperluan staf di jabatan masing-masing. Selain itu, kursus-kursus kepimpinan, motivasi dan pengukuhan kumpulan yang dijalankan di Pusat Minda Emas, Tanjung Laboh yang disertai oleh agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan syarikat swasta sekitar Johor turut menyumbang kepada peningkatan penjanaaan pendapatan.



Rajah 3.14: Peningkatan Penjanaaan Pendapatan Kursus-kursus Komersil (RM)

## Kursus Berimpak Tinggi

UTHM pada tahun 2018 telah menganjurkan kursus dan latihan bagi tujuan memperkasakan TVET. Kursus-kursus yang dirangka adalah bertujuan untuk mengukuh dan menyelaraskan pelaksanaan TVET di Malaysia melalui pengukuhan komponen-komponen penting bagi meningkatkan kualiti kemahiran pendidik TVET.

Jadual 3.3: Sebahagian daripada Kursus/Latihan Program Pembangunan Diri dan Modal Insan

Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta
Program Pembangunan Profesionalisme Bahagian Keselamatan	23 hingga 25 November 2018	45
Seminar Bicara Hati “Keluargaku Syurgaku”	30 Ogos 2018	200
Kursus Pemikiran, Pengurusan dan Perancangan Strategik	25 hingga 26 Julai 2018	42
Kursus Infografik: Penyediaan dan Persembahan Laporan	17 Julai 2018	50
Seminar Menjejak Pintu Ar Rayyan	22 Mei 2018	113
Seminar Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah	25 April 2018	92
Jom Kurus Bersama Kevin Zahri	17 April 2018	96
Kursus Pengurusan Tatatertib Staf	11 Mac 2018	300
We Are One Siri 1	8 hingga 10 Mac 2018	43
Kursus Microsoft Excel Advance	4 hingga 5 Mac 2018	40




Jadual 3.4: Sebahagian daripada Kursus-kursus Komersil

Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta
Kursus Transformasi Penolong Pegawai Tadbir	28 hingga 30 November 2019	29
Kursus Pemantapan Outcome Based Education	8 hingga 9 November 2019	21
Kursus Pra Persaraan	28 hingga 31 Oktober 2018	29
Enhancing Communication Skills in English	15 hingga 16 Mei 2018	23
Konvensyen Pentadbir ICT 2018	24 hingga 26 April 2018	93

Jadual 3.5: Kursus Memperkasakan TVET

Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta
Bengkel Asas CBT, Teknik Mengajar 4 Step Pattern, Pembangunan WIM Dan Portfolio VTO	23 hingga 24 Disember 2018	27
Malaysia TVET Professional Educator (MTPE) Course Siri 2	2 hingga 5 November 2018	39
Bengkel Pembangunan WIM, Portfolio VTO dan Teknik Mengajar Step-Pattern	9 hingga 10 Oktober 2018	21
Malaysia TVET Professional Educator (MTPE) Course Siri 1	6 hingga 9 Ogos 2018	34
Bengkel Asas CBT, Teknik Mengajar 4 Step Pattern, Pembangunan WIM Dan Portfolio VTO	23 hingga 24 Disember 2018	27





UTHM







**4**


**AKADEMIK DAN  
ANTARABANGSA**



## Pengenalan

Kerajaan telah menetapkan aspirasi yang tinggi dalam mentransformasikan sistem pendidikan tinggi dengan menjurus kepada transformasi keseluruhan sistem pendidikan negara. Fokus utama aspirasi ini ialah akses, kualiti, kesaksamaan, perpaduan dan kecekapan, serta transformasi untuk setiap pelajar dalam enam aspek utama, iaitu etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, jati diri kebangsaan, kemahiran berbahas, kemahiran berfikir dan pengetahuan.


Untuk merealisasikan matlamat ini, UTHM menekankan teknologi dan inovasi seperti *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan konsep pembelajaran bersepadu yang dilaksanakan secara aktif sebagai langkah untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik. Selain itu, UTHM mempunyai hubungan yang erat dengan pihak industri terutamanya yang berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). UTHM juga sentiasa meningkatkan dan memperluaskan hubungan melalui kerjasama dan perjanjian MoU/MoA yang dimeterai bersama universiti-universiti pada peringkat antarabangsa. Pewujudan hubungan dua hala ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak seperti pelaksanaan program mobiliti pelajar, pertukaran staf, perkongsian kepakaran dan sebagainya. Hubungan yang terjalin pada peringkat antarabangsa ini telah meningkatkan lagi imej UTHM, sekali gus membolehkan UTHM meneroka peluang yang lebih besar pada masa hadapan.





## Penawaran Program

UTHM dengan bidang tujuh *Sustainable Technology and Transportation* terus melangkah ke arah mencapai universiti bertaraf dunia dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi untuk pembangunan lestari. Dalam tahun 2018, sebanyak 87 program akademik telah ditawarkan menerusi lapan buah fakulti dan sebuah pusat pengajian. Program ini termasuk tiga program akademik mod industri 2U2I yang ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian, Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyelenggaraan Pesawat Terbang) dengan Kepujian, dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan (Rel) dengan Kepujian mulai Semester I Sesi 2018/2019. Justeru, UTHM sentiasa berusaha menambah baik kurikulum program akademik termasuk dari segi penyampaian dan penaksiran. Pelaksanaan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) transformasi berasaskan penyampaian abad ke-21 di UTHM adalah jelas dengan penawaran sebanyak 38 kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) di kebanyakan fakulti dan pusat pengajian



Rajah 4.1: Program Pengajian Perdana UTHM Tahun 2018




Jadual 4.1: Senarai Program Akademik yang Ditawarkan Tahun 2018


Fakulti/Pusat Pengajian	Nama Program Pengajian
Pusat Pengajian Diploma (PPD)	Diploma Kejuruteraan Awam Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam Diploma Kejuruteraan Elektrik Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia Diploma Teknologi Maklumat Diploma Sains Gunaan
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar (FKAAS)	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Senibina Sarjana Kejuruteraan Awam (kerja kursus) Sarjana Kejuruteraan Awam (penyelidikan) Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian Sarjana Kejuruteraan Elektrik (kerja kursus) Sarjana Kejuruteraan Elektrik (penyelidikan) Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyelenggaraan Pesawat Terbang) dengan Kepujian Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (kerja kursus) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (penyelidikan) Sarjana Sains Kejuruteraan Bahan (mod campuran) Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) dengan Kepujian Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot) dengan Kepujian Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian Sarjana Sains Pengurusan Teknologi (penyelidikan) Sarjana Sains Harta Tanah dan Fasiliti (penyelidikan) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (kerja kursus) Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan (kerja kursus) Doktor Falsafah Pengurusan Harta Tanah dan Fasiliti Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV)	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Kimpalan dan Fabrikasi Logam) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik dan Elektronik) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (kerja kursus) Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (penyelidikan) Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam) (kerja kursus) Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik) (kerja kursus) Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal) (kerja kursus) Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi) (kerja kursus) Doktor Falsafah Pendidikan Doktor Falsafah Pendidikan Teknik dan Vokasional






Fakulti/Pusat Pengajian	Nama Program Pengajian
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST)	Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi dan Pemeliharaan) dengan Kepujian Sarjana Sains (Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi) (mod campuran) Sarjana Sains (penyelidikan) Sarjana Sains (Matematik Gunaan) (kerja kursus) Sarjana Sains (Statistik Industri) (kerja kursus) Doktor Falsafah Sains
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM)	Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Web) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Maklumat Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) (mod campuran) Sarjana Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) (mod campuran) Sarjana Teknologi Maklumat (penyelidikan) Doktor Falsafah Teknologi Maklumat
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi dan Komputer) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil Industri) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan Industri) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Loji) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel dengan Kepujian Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel (mod campuran) Sarjana Teknologi Kejuruteraan (penyelidikan) Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan






Rajah 4.2: Program 2U21 UTHM



Rajah 4.3: Statistik Program MOOC





## Pembelajaran Berterusan


Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) merupakan satu entiti yang ditubuhkan pada 17 Julai 2006, berperanan untuk membangun, mempromosi dan melaksana program-program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) UTHM. Program-program yang berkaitan ialah Program Akademik Pembelajaran Berterusan, Kerjasama Akademik, Profesional dan Eksekutif yang mampu menjanakan kewangan universiti.



Rajah 4.4: Jenis Program Pembelajaran Berterusan yang Ditawarkan di UTHM

Jadual 4.2: Penawaran Program Akademik Pembelajaran Berterusan Tahun 2018

Peringkat	Nama Program Pengajian
Sarjana Secara Kerja Kursus	Sarjana Kejuruteraan Awam (MFA)
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (MEE)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (MDM)
	Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MBV)
	Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi) (MBT)
	Sarjana Pendidikan Teknikal Kejuruteraan Awam (MBC)
	Sarjana Pendidikan Teknikal Kejuruteraan Elektrik (MBE)
	Sarjana Pendidikan Teknikal Kejuruteraan Mekanikal (MBM)
	Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan (MPC)
Diploma Eksekutif	Imam Profesional





### Program Diploma Eksekutif Imam Profesional

Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ) UTHM bersama Pusat Pendidikan Berterusan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah menawarkan program Diploma Eksekutif Imam Profesional sebagai usaha untuk melahirkan golongan imam profesional. Di samping itu, tujuan program ini ialah untuk menaik taraf jawatan imam masjid selaras dengan pembangunan Islamiah negara. Melalui program ini, para pelajar dapat mengamalkan ilmu secara profesional, beretika dan insani dalam menangani permasalahan ilmu agama, selain dapat berinteraksi secara profesional dengan komuniti, sekali gus dapat melaksanakan tanggungjawab kepimpinan dalam sesebuah organisasi yang diamanahkan.

Program Diploma Eksekutif Imam Profesional (DPI) ini dijalankan secara sambilan/separuh masa selama minimum 3 semester, termasuk semester pendek dengan jumlah 42 kredit. Setiap modul akan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Agama (SKA) untuk dikreditkan dalam pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu (APEL) dan diiktiraf oleh agensi-agensi kerajaan termasuk MAIJ, JAINJ dan UTHM.



Foto 4.1: Tenaga Pengajar dan Pelajar Program Diploma Eksekutif Imam Profesional


### Akreditasi Program dan Penawaran Program Akademik Baru

Sebanyak 38 program akademik yang ditawarkan di lapan buah fakulti dan pusat pengajian telah melalui proses akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Daripada jumlah ini, 8 daripadanya ialah program akademik pada peringkat Doktor Falsafah, 16 program Sarjana, 12 program Sarjana Muda, dan 2 program Diploma. UTHM telah memperoleh perakuan akreditasi penuh daripada MQA dan BEM bagi 12 program akademik yang ditawarkan di Fakulti Sains Gunaan & Teknologi, Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Pada 27 Februari 2018, Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan penawaran satu program akademik baru iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel dengan Kepujian di FTK bermula Semester I Sesi 2018/2019. Enrolmen pertama program ini ialah seramai 36 orang pelajar.



Jadual 4.3: Senarai Program yang Melalui Audit Akreditasi Tahun 2018

Badan Profesional	Tarikh Lawatan	Program	
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	9 hingga 11 April 2018	Sarjana Kejuruteraan Awam secara Kerja Kursus	
		Sarjana Kejuruteraan Awam secara Penyelidikan	
		Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam	
		Sarjana Kejuruteraan Elektrik secara Kerja Kursus	
		Sarjana Kejuruteraan Elektrik secara Penyelidikan	
		Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik	
		Sarjana Kejuruteraan Mekanikal secara Kerja Kursus	
		Sarjana Kejuruteraan Mekanikal secara Penyelidikan	
		Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal	
		Sarjana Sains Pengurusan Harta Tanah & Fasiliti secara Penyelidikan	
		Sarjana Sains Pengurusan Teknologi secara Penyelidikan	
		Doktor Falsafah Pengurusan Harta Tanah & Fasiliti	
		Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi	
		Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik) secara Kerja Kursus	
		Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam) secara Kerja Kursus	
		Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal) secara Kerja Kursus	
		Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi) secara Kerja Kursus	
		Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional secara Kerja Kursus	
		Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional secara Penyelidikan	
		Doktor Falsafah Pendidikan Teknik & Vokasional	
		Sarjana Teknologi Maklumat secara Penyelidikan	
		Doktor Falsafah Teknologi Maklumat	
		2 hingga 4 Oktober 2018	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian
			Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) dengan Kepujian
	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian		
	Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian		
	Sarjana Muda Teknologi Maklumat		
	Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional		
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal		
	Diploma Teknologi Maklumat		
	31 Julai hingga 1 Ogos 2018	Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan	
	21 hingga 22 November 2018	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	



Badan Profesional	Tarikh Lawatan	Program
Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)	25 September 2018	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan Kepujian
		Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan Industri) dengan Kepujian
		Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil Industri) dengan Kepujian
		Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian
	12 hingga 13 November 2018	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
		Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian

Jadual 4.4: Program yang Memperoleh Perakuan Akreditasi Penuh 2018

Program Diakreditasi Penuh	Fakulti	Tempoh Pengiktirafan Penuh	Tarikh Keputusan	Badan Profesional yang Memberi Pengiktirafan
Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) dengan Kepujian	FAST	01/12/2015 (tiada tarikh tamat)	12 Januari 2018	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian	FAST	23/08/2016 (tiada tarikh tamat)	12 Januari 2018	
Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) dengan Kepujian	FAST	01/12/2015 (tiada tarikh tamat)	12 Januari 2018	
Doktor Falsafah Pendidikan	FPTV	17/01/2017 (tiada tarikh tamat)	17 Oktober 2018	
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian	FTK	01/01/2017 hingga 31/12/2022	9 Januari 2018	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian	FTK	01/01/2017 hingga 31/12/2022	9 Januari 2018	
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi dan Komputer) dengan Kepujian	FTK	01/01/2017 hingga 31/12/2019	9 Januari 2018	
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian	FTK	01/01/2017 hingga 31/12/2022	9 Januari 2018	
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian	FTK	01/01/2017 hingga 31/12/2022	9 Januari 2018	
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian	FTK	01/01/2017 hingga 31/12/2022	9 Januari 2018	
Diploma Kejuruteraan Awam	FTK	01/01/2017 hingga 31/12/2022	9 Januari 2018	
Diploma Kejuruteraan Elektrik	FTK	01/01/2017 hingga 31/12/2019	9 Januari 2018	



Jadual 4.5: Program Akademik Baru yang Ditawarkan Tahun 2018

Program Baharu Tahun 2018	Fakulti	Mula Penawaran	Jumlah Pelajar	Kelulusan Oleh
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel dengan Keupujian	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Semester 1 Sesi 2018/2019 (September 2018)	36 orang	Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia



Rajah 4.5: Jumlah Program yang Melalui Audit Akreditasi Tahun 2018

## Enrolmen, Pengambilan dan Graduan

Enrolmen bagi semua program akademik yang ditawarkan oleh UTHM dalam tahun 2018 ialah seramai 17,833 orang pelajar. Sebanyak 72.5% ialah enrolmen pada peringkat pengajian Sarjana Muda, diikuti dengan 15% enrolmen pengajian Diploma, 6.6% enrolmen bagi pengajian Doktor Falsafah, dan 5.9% ialah enrolmen bagi pengajian pada peringkat Sarjana.


Enrolmen tahun 2018 ini adalah termasuk pengambilan pelajar baru seramai 4,858 orang iaitu 27.2%. Jumlah pengambilan pelajar ini diimbangi dengan bilangan graduan, iaitu seramai 4,048 orang pelajar.

Jadual 4.6: Enrolmen Pelajar Mengikut Fakulti

Fakulti	Enrolmen		Pengambilan Baru		Graduan
	Diploma & Sarjana Muda	Sarjana & PhD	Diploma & Sarjana Muda	Sarjana & PhD	
Pusat Pengajian Diploma	2,671	Tiada	876	Tiada	679
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar	2,056	327	612	82	480
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	1,572	342	365	134	550
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	2,017	343	533	97	498
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	2,059	406	470	126	576




Fakulti	Enrolmen		Pengambilan Baru		Graduan
	Diploma & Sarjana Muda	Sarjana & PhD	Diploma & Sarjana Muda	Sarjana & PhD	
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	1,233	371	288	117	456
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	1,319	133	361	60	349
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi	910	241	247	77	247
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	1,757	76	385	28	213
<b>JUMLAH</b>	<b>15,594</b>	<b>2,239</b>	<b>4,137</b>	<b>721</b>	<b>4,048</b>




Rajah 4.6: Enrolmen Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian

Pada tahun 2018, UTHM mempunyai seramai 990 orang pelajar antarabangsa dari 26 buah negara termasuk Iraq, UAE, Indonesia, Pakistan dan Yemen. 145 orang (14.6%) daripada jumlah tersebut merupakan graduan pada tahun 2018, manakala seramai 529 orang (53.4%) mengikuti pengajian pada peringkat Doktor Falsafah, 259 yang lain (26.2%) pada peringkat sarjana. Seramai 56 orang (5.7%) pula mengikuti pengajian pada peringkat Sarjana Muda dan seorang (0.1%) pada peringkat diploma.




Rajah 4.7: Peringkat Pengajian Pelajar Antarabangsa UTHM





### Majlis Konvokesyen UTHM


Majlis Konvokesyen Kali ke-18 UTHM telah berlangsung dari 20 hingga 22 Oktober 2018, bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), UTHM. Menerusi enam sidang yang berlangsung, seramai 4,048 orang graduan telah berjaya dianugerahi dengan ijazah masing-masing. Majlis juga turut menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Teknologi Kejuruteraan kepada Tan Sr. Ir. (Dr.) Jamilus Md Hussin. Selain itu, UTHM juga menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada dua orang penerima, iaitu Prof. Dr. Hashim Bin Saim dan Prof. Ir. Dr. Amir Hashim Bin Mohd Kassim. Untuk anugerah akademik, seramai 35 orang graduan UTHM telah menerima 11 anugerah antaranya ialah Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Sultan Ibrahim dan Anugerah Canselor. Semua anugerah berkenaan disampaikan oleh Canselor UTHM, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.



Rajah 4.8: Statistik Penerima Anugerah




Foto 4.2: DYMM Tuanku Canselor pada Majlis Konvokesyen Kali ke-18 UTHM





### Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah


Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah merupakan majlis khas yang dianjurkan bagi meraikan graduan siswazah penyelidikan bersama penyelia yang telah bertungkus lumus ke arah kejayaan masing-masing. Majlis yang telah berlangsung pada 19 Oktober 2018 itu meraikan seramai 420 orang graduan siswazah dengan 102 orang graduan pada peringkat doktor falsafah dan seramai 318 orang graduan peringkat sarjana.



Rajah 4.9: Statistik Pemakaian Hud Graduan Siswazah Mengikut Peringkat Pengajian



Foto 4.3: Majlis Pemakaian Hud









## Program Mobiliti Pelajar

Program Mobiliti Akademik Berkredit ialah program yang melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran akademik sama ada dalam bentuk *inbound* atau *outbound* dari atau ke institusi atau organisasi yang diiktiraf di dalam atau luar negara. Penglibatan dalam program mobiliti ini akan membolehkan pelajar terbabit menjalani aktiviti pembelajaran di universiti lain sama ada di dalam atau di luar negara. Program ini juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar pada persekitaran yang baru, malah dapat memperluaskan interaksi sosial dan memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka. Pengalaman dalam program mobiliti juga dapat digunakan oleh pelajar apabila bergraduan terutamanya melalui pembinaan dan pengukuhan rangkaian kerjasama yang telah dilaksanakan.

Pada tahun 2018, seramai 104 orang pelajar dari dalam dan luar negara telah mengikuti program mobiliti *inbound* berkredit di UTHM. Manakala, 59 orang pelajar UTHM telah ke pelbagai negara seperti Indonesia, Hong Kong dan Jepun untuk mengikuti program mobiliti *outbound* berkredit ini.




Rajah 4.10: Taburan Negara dan Statistik Program Mobiliti Pelajar





Jadual 4.7: Keterlibatan Pelajar dalam Mobiliti Inbound Berkredit Mengikut Fakulti

Fakulti	Program	Inbound	
		Agensi / Institusi	Negara
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	Indonesia
		Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Malaysia
	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)		
	Sarjana Muda Sains Senibina	Universitas Katolik Parahyangan	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian	Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	Indonesia
		Universitas Gadjah Mada	
	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian	Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	
	Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik	Bayero University, Kano	Nigeria
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	Indonesia
		Universitas Telkom Bandung	
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	Doktor Falsafah Pendidikan Teknik dan Vokasional	Universitas Negeri Padang	
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian	Universitas Negeri Surabaya	
	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Malaysia






Fakulti	Program	Inbound	
		Agensi / Institusi	Negara
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi	Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi dan Pemeliharaan) dengan Kepujian	Universitas Gajah Mada	Indonesia
	Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Malaysia
		Universiti Utara Malaysia (UUM)	
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	
		Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)	
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi dan Komputer) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	
		Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)	
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Pahang (UMP)		
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)		
	Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)		

Jadual 4.8: Keterlibatan Pelajar Bagi Mobiliti *Outbound* Berkredit Mengikut Fakulti

Fakulti	Program	Outbound	
		Agensi / Institusi	Negara
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	City University of Hong Kong	Hong Kong
		Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	Indonesia
		Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Malaysia
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian	Nagaoka University of Technology	Japan






Fakulti	Program	Outbound	
		Agensi / Institusi	Negara
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	Indonesia
		Universitas Brawijaya	
		Samshin Eng. Co. Ltd.	Korea
		Nagaoka University of Technology	Japan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan Industri)	KBG Contract Machining	Singapura
		West Coast Industries Pte Ltd.	
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) dengan Kepujian	Universitas Telkom	Indonesia



Foto 4.4: Program Mobiliti Pelajar







## Latihan Industri

Rangkaian hubungan yang dibina semasa program mobiliti membolehkan pelajar menjalani latihan industri di luar negara. Kebanyakan latihan industri di luar negara berkenaan dilaksanakan di Indonesia.

Program mobiliti di dalam negara pula memberi peluang kepada pelajar melaksanakan latihan industri mereka dengan syarikat swasta tempatan atau perusahaan sendiri yang dapat memberikan pengalaman dalam alam pekerjaan. Pada tahun 2018, seramai 4,023 orang pelajar telah mengikuti latihan industri *outbound* berkredit dan seramai 227 orang pelajar menjalani latihan industri *inbound* berkredit.



Rajah 4.11: Latihan Industri *Outbound* Berkredit






Rajah 4.12: Latihan Industri *Inbound* Berkredit




Foto 4.5: Program Latihan Industri Pelajar





## Promosi

Promosi merupakan aspek kritikal dan penting untuk meningkatkan keterlihatan UTHM terutamanya dalam menjadi pilihan utama pelajar untuk melanjutkan pengajian. Pada tahun 2018, UTHM telah melaksanakan promosi di tujuh buah negara terpilih melalui penyertaan dalam pameran pendidikan, seminar, lawatan promosi, mobiliti dan pertukaran staf. Pada peringkat kebangsaan pula, UTHM menyertai Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) yang diadakan di seluruh negara mengikut zon bagi mempromosikan UTHM terutamanya bagi program Pra Siswazah. Selain itu, UTHM dengan kerjasama agensi seperti politeknik, kolej vokasional dan sekolah menengah telah mengadakan promosi bergerak bagi menerangkan dan mempromosikan program-program yang ditawarkan UTHM.



Rajah 4.13: Promosi Pada Peringkat Antarabangsa




Rajah 4.14: Promosi Pada Peringkat Dalam Negara



Foto 4.6: Promosi Pada Peringkat Antarabangsa

1. Program promosi pendidikan ke Ningbo Polytechnic, China
2. Program promosi pendidikan ke Fudan University, Shanghai, China
3. Promosi di World Postgraduate Expo Jakarta
4. Lawatan kerja ke universiti awam Arab Saudi dan TVTC, Arab Saudi









### Perpustakaan Tunku Tun Aminah


Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM yang ditubuhkan pada Mei 2010, selain menyediakan kemudahan akses kepada staf dan pelajar, PTTA juga boleh dimanfaatkan oleh masyarakat sekitarnya terutamanya untuk membuat rujukan dalam bidang berkaitan Kejuruteraan, Sains & Teknologi.



Rajah 4.15: Koleksi Bahan di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA)



Rajah 4.16: Maklumat Pengguna Pada Tahun 2018





UTHM






**5**

**PENYELIDIKAN  
DAN INOVASI**



## Pengenalan

Institusi pendidikan tinggi memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan masyarakat serta ekonomi negara. Penyelidikan dan inovasi yang dilaksanakan membantu perkembangan ekonomi, memperkasakan kemajuan teknologi, dan juga secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan. Universiti awam turut menyumbang kepada pembangunan individu dan membantu melahirkan ahli masyarakat yang berpengetahuan melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi. Justeru, UTHM melalui pelbagai strategi terus fokus kepada aspek penyelidikan dan inovasi bagi memastikan peranan tersebut berjaya dilaksanakan.






## Bidang Tujah

Mulai tahun 2018, UTHM dan MTUN telah mendapat ketetapan berkenaan bidang tujuh bagi universiti masing-masing. Penetapan ini membolehkan MTUN memberi fokus yang lebih khusus ke arah menyumbang kepada negara berdasarkan bidang tujuh berkaitan. Untuk itu, UTHM telah diberi tanggungjawab bagi menerajui bidang tujuh teknologi lestari dan pengangkutan. Selaras dengan hasrat kerajaan ini, segala usaha berkaitan penyelidikan dan inovasi di UTHM akan bertunjangkan kelestarian teknologi dan pengangkutan. Antara langkah awal bagi memastikan hasrat ini dapat dicapai ialah membuat penilaian dan pemetaan semula di Pusat-pusat Kecemerlangan (CoE), Pusat-pusat Penyelidikan (CoR), dan Kumpulan-kumpulan Fokus (FG) bagi memastikan segala usaha dan kerjasama yang dirancang akan menyumbang ke arah kecemerlangan bidang tujuh universiti.




Rajah 5.1: Bidang Tujah MTUN





### Pusat Kecemerlangan (CoE)


Kekuatan penyelidikan UTHM didukung oleh enam entiti Pusat Kecemerlangan (CoE) yang berteraskan kejuruteraan dan teknologi. Kesemua entiti ini berada di bawah tadbir urus Institut Kejuruteraan Integrasi (I2E) yang bertanggungjawab menyelaras pengurusan penyelidikan dan perancangan strategik semua CoE ke arah penerafan sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). CoE tersebut ada yang telah ditubuhkan seawal tahun 2012, manakala dua lagi CoE, iaitu Pusat Kecemerlangan Industri-Rel dan Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional merupakan pengiktirafan negara terhadap sumbangan UTHM dalam bidang penyelidikan Rel dan TVET. Kesemua entiti CoE ini menumpukan kepada lima bidang utama dengan berteraskan penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan serta pengajaran dan pembelajaran (P&P).



Rajah 5.2: Pusat Kecemerlangan (CoE) di UTHM

Jadual 5.1: Pemetaan Bidang Tujah Utama UTHM dalam Bidang Tujah CoE


Bidang Tujah UTHM	Senarai Bidang CoE
<i>Sustainable Technology</i>	Keselamatan Tenaga
	Keselamatan Air
	Kelestarian Teknologi & Alam Sekitar
<i>Transportation</i>	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
	Pengangkutan dan Mobiliti





Jadual 5.2: Senarai Bidang Pengkhususan Mengikut Bidang CoE

Bidang	Nama CoE	Bidang Pengkhususan
Keselamatan Tenaga	<i>Research Centre for Applied Electromagnetic (EMCenter)</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Millimeterwave and Photonic Devices</i></li> <li>2. <i>Magnetic Flux Switching Machines</i></li> <li>3. <i>Electromagnetic Simulations and Computational Tools</i></li> <li>4. <i>Material Electromagnetic Characterizations and Techniques</i></li> <li>5. <i>Intelligent System</i></li> <li>6. <i>Signal Processing and Electromagnetic Sensors</i></li> <li>7. <i>Power Quality and Bio-Electromagnetic</i></li> <li>8. <i>Advanced Electromagnetic Material Electromagnetic Compatibility</i></li> </ol>
	<i>Microelectronics &amp; Nanotechnology – Shamsuddin Research Centre (MiNT-SRC)</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Microelectronics and Semiconductor Devices</i></li> <li>2. <i>Thin Film Technology And Its Applications</i></li> <li>3. <i>Microelectromechanical System</i></li> <li>4. <i>VLSI Design</i></li> <li>5. <i>Medical Electronics</i></li> <li>6. <i>Biomaterials Solar Cell Fabrication</i></li> </ol>
Keselamatan Tenaga & Air	<i>Advanced Manufacturing &amp; Material Centre (AMMC)</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Manufacturing: Sustainable Manufacturing &amp; Recycling Technology (SMART), Rapid Manufacturing &amp; Product Development, Digital Manufacturing</i></li> <li>2. <i>Materials: Sustainable Polymer Engineering, Integrated Material &amp; Process (membrane, porous materials, advanced additives and materials)</i></li> </ol>
Kelestarian Teknologi & Alam Sekitar	<i>Research Centre for Soft Soil (RECESS)</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Geotechnical Engineering &amp; Engineering Geology (GE&amp;EG)</i></li> <li>2. <i>Highway &amp; Transportation Engineering (HTE)</i></li> <li>3. <i>Material Engineering</i></li> <li>4. <i>Water &amp; Solid Waste Engineering</i></li> </ol>
Pengangkutan dan Mobiliti ( <i>Transportation and Mobility</i> )	<i>Industry Centre of Excellence for Railway (ICoE-Rel)</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Rolling Stock and Traction System</i></li> <li>2. <i>Track Work and Infrastructure</i></li> <li>3. <i>Rail Transportation System, Planning, Operation, Management, Safety, Standards and Legislation</i></li> <li>4. <i>Rail Electrification and Communication</i></li> </ol>
Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional	<i>Centre of Excellence for Technical &amp; Vocasional Education Training (CoE-TVET)</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>TT-TVET</i></li> <li>2. <i>Information and Communication Technologies (ICTs)</i></li> <li>3. <i>Management and Leadership in TVET</i></li> <li>4. <i>Job and Career Development</i></li> <li>5. <i>Product and Design Development</i></li> <li>6. <i>Curriculum and Instruction in TVET</i></li> </ol>









### Pusat Penyelidikan (CoR)

Pusat Penyelidikan (CoR) di UTHM mendapat sokongan dari fakulti yang memainkan peranan membangunkan pusat ini. Bilangan CoR di sesebuah fakulti bergantung kepada kekuatan tenaga penyelidik dalam kalangan ahli akademik masing-masing.



Rajah 5.3: Pusat Penyelidikan (CoR) UTHM






## Kumpulan Fokus Penyelidikan

UTHM mempunyai 82 Kumpulan Fokus Penyelidikan (*Focus Group (FG)*) yang rancak menjalankan penyelidikan. Kumpulan FG ini dipecahkan dalam kumpulan yang kecil untuk bidang tujuh yang lebih terfokus.


Jadual 5.3: Senarai Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG)

Fakulti/Pusat	Nama Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG)
Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum (PPUK)	<i>Social Impact Focus Group (IMPACT)</i>
	<i>Sustainable Community, Culture &amp; Economic Development (SUCCEED)</i>
	<i>Islamic Civilization &amp; Culture (IC<sup>2</sup>)</i>
	<i>Islamic Revealed Knowledge Focus Group (IRK)</i>
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	<i>Sustainable Environmental Technology (SET)</i>
	<i>Building Intelligent Management (BIM)</i>
	<i>Cybernetics Research Group (CRG)</i>
	<i>Power Energy Focus Group (PEFG)</i>
	<i>Biotechnology-Sustainable Material (B-SMAT)</i>
	<i>Plant Reliability &amp; Process Technology (PROTECH)</i>
	<i>Occupational Safety &amp; Health and Work Environment (OSH-WE)</i>
	<i>Innovative Manufacturing Technology (IMT)</i>
	<i>Automotive &amp; Combustion Synergies Technology (ACST)</i>
	<i>Sustainable Transport &amp; Safety Studies (STSS)</i>
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	<i>Advance Mechatronic Research Group</i>
	<i>Biomedical Engineering Modelling &amp; Simulation Research Group</i>
	<i>Nano Simulation Research Group</i>
	<i>Internet of Things</i>
	<i>IC Design</i>
	<i>Multi Network System (MNetS)</i>
	<i>Computer Signal, Imaging and Intelligent (CSI<sup>2</sup>)</i>
	<i>Green and Sustainable Energy (GSEnergy)</i>
	<i>Power Integration System (PI Sys)</i>
	<i>Power Electronics &amp; Converters (PECs)</i>
	<i>Electric Machine &amp; Drive (E-Mad)</i>
	<i>High Voltage &amp; Insulation Coordination (KVolt)</i>
<i>Instrumentation &amp; Sensing Technology (InSeT)</i>	
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV)	<i>Cognitive Science</i>
	<i>Teaching Talent Group (TTG)</i>
	<i>Testing, Evaluation, Assessment &amp; Measurement (TEAM)</i>






Fakulti/Pusat	Nama Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG)
Pusat Pengajian Bahasa (PPB)	<i>Problem Based Learning</i>
	<i>English for Specific Purposes</i>
	<i>Language &amp; Culture</i>
	<i>Language Teaching &amp; Learning</i>
	<i>Translation</i>
	<i>Motivation &amp; Communication</i>
	<i>Workplace Communication</i>
	<i>Social Media &amp; Mobile Learning</i>
	<i>Creativity &amp; Learning</i>
	<i>Language Pragmatics</i>
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	<i>Services &amp; Operations Management</i>
	<i>Manufacturing Technology Management</i>
	<i>Construction Management Innovation</i>
	<i>Sustainable Infrastructure Management</i>
	<i>Virtual Construction</i>
	<i>Technology &amp; Innovation Management</i>
	<i>Sustainable Urban Development</i>
	<i>KANZU: Resilient Built Environment</i>
	<i>Spatial Economics</i>
	<i>Human Habitat</i>
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM)	<i>Information Security Interest Group (ISIG)</i>
	<i>Sensor &amp; Internet of Things (SIoT)</i>
	<i>Software Engineering Focus Group (SEFG)</i>
	<i>Multimedia</i>
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar (FKAAS)	<i>Advance Construction Materials &amp; Masonry</i>
	<i>Repair, Rehabilitation &amp; Strengthening of Structures</i>
	<i>Advance Technology &amp; Smart Building</i>
	<i>Sustainable Construction Management</i>
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST)	<i>Industrialised Building System (IBuS)</i>
	<i>Radiation Monitoring &amp; Protection (RMP)</i>
	<i>Optical Fiber &amp; Laser Technology (OpFLAT)</i>
	<i>Ceramic &amp; Amorphous Group (CerAm)</i>
	<i>Advanced Analytical &amp; Environmental Chemistry (AAEC)</i>






Fakulti/Pusat	Nama Kumpulan Fokus Penyelidikan (FG)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	<i>Energy Technologies Research Group</i>
	<i>Automotive Research Group</i>
	<i>Industrial and Indoor Environment Research Group</i>
	<i>Flow Analysis, Simulation, &amp; Turbulence Research Group</i>
	<i>Combustion Research Group</i>
	<i>Bioactive Material</i>
	<i>Nano Structure and Surface Modification</i>
	<i>Functional Composite Structure</i>
	<i>Structural Integrity &amp; Monitoring Research Group</i>
	<i>Advanced Dynamic Control Research Group</i>
	<i>Noise &amp; Vibration Analysis Research Group</i>
	<i>Industrial &amp; System Engineering</i>
	<i>Engineering Design Research Group</i>
	<i>Advanced Forming Research Group</i>
	<i>Additive Manufacturing Research Group</i>
	<i>Crashworthiness &amp; Collisions Research Group</i>
	<i>Sports and Engineering Advance Research</i>
<i>Aircraft System &amp; Design Research</i>	
<i>Aerodynamics &amp; Propulsion Research</i>	






### Geran Penyelidikan


Pada tahun 2018, UTHM telah menerima Kursi Penyelidikan daripada SENA Traffic Systems Sdn. Bhd. bernilai RM1 juta yang akan disalurkan dalam bentuk geran penyelidikan bagi membangunkan sistem trafik pintar di Malaysia. Tahun 2018 ini juga telah membuka lebih banyak peluang penyelidikan dengan pertambahan dana sebanyak lebih RM2 juta, iaitu RM15,456,576.41 berbanding pada tahun 2017 dengan dana penyelidikan berjumlah RM13,085,275.37. Dana ini membiayai keseluruhan 506 projek penyelidikan di UTHM dalam pelbagai bidang yang diterajui oleh bidang teknologi dan kejuruteraan. Antara projek yang dibiayai sepenuhnya oleh UTHM ini ialah Kajian Pengukuran Indeks Kebahagiaan Staf di UTHM. Jumlah dana yang diterima ialah sebanyak RM40 ribu.




Rajah 5.4: Bilangan dan Peruntukan Geran Penyelidikan Mengikut Sumber (Tunai dan *In-kind*) Tahun 2018




Rajah 5.5: Bilangan dan Peruntukan Geran Penyelidikan Mengikut Sumber (Tunai dan *In-kind*) Kumulatif Bagi Projek Aktif





Rajah 5.6: Jumlah Penerimaan Geran Penyelidikan Mengikut Fakulti atau Pusat Pengajian



## Kerjasama Penyelidikan

Pada tahun 2018, UTHM telah berjaya meningkatkan kerjasama penyelidikan bersama industri. Kerjasama dua hala ini turut melibatkan komitmen dana penyelidikan daripada kedua-dua pihak. Kerjasama ini juga dilihat menggalakkan penglibatan aktif bukan sahaja staf, tetapi juga penglibatan pelajar melalui program sangkutan dan mobiliti yang berasaskan penyelidikan.




Rajah 5.7: Kerjasama Penyelidikan Bersama Agensi Dalam Negara






### Geran Penyelidikan Pascasiswazah

Bagi menggalakkan penghasilan modal insan secara lebih berkualiti, UTHM sentiasa menyediakan geran penyelidikan kepada pelajar-pelajar siswazah dan pascasiswazah yang melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang secara penyelidikan sepenuh masa. Fokus dana ini ialah dalam bentuk bantuan elaun sara diri pelajar dengan nilai yang kompetitif bagi kawasan Parit Raja, Batu Pahat. Sehingga kini, sebanyak 144 geran penyelidikan telah dibuka khusus untuk tujuan tersebut.




Rajah 5.8: Bilangan Geran Penyelidikan Pascasiswazah Mengikut Fakulti




### Perlindungan Harta Intelekt UTHM

UTHM secara kumulatif memiliki 528 harta intelek yang dilindungi. Untuk tahun 2018 sahaja, jumlah keseluruhan harta intelek yang berjaya dilindungi adalah sebanyak 141.



Rajah 5.9: Harta Intelekt UTHM Secara Kumulatif



Rajah 5.10: Harta Intelekt UTHM Tahun 2018




## Perundingan UTHM

### UTHM Komersial Sdn. Bhd. (UCSB)

Pada tahun 2018, pihak UCSB telah menguruskan sebanyak 23 projek perundingan bernilai RM1.78 juta. Untuk rekod, projek perundingan tertinggi adalah bernilai RM618,014.80, menerusi Projek Pembangunan Instrumen Bersepadu TVET.

Jadual 5.4: Senarai Lima Perundingan dengan Nilai Tertinggi Melalui UCSB

Projek	Klien	Jumlah Perundingan	Nilai (RM)
Projek Pembangunan Instrumen Bersepadu Penarafan & Pemingkatan Program TVET II	Kementerian Pendidikan Tinggi	1	RM618,014.80
Pelaksanaan Terbaik Pensijilan Berkonsepkan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Melalui Kaedah Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT)	Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia	1	RM500,000.00
<i>Consultation, Test &amp; Measurement</i>	Sharp Manufacturing Corporation (M) Sdn. Bhd.	10	RM446,336.00
Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi Pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor	Southern Diggers Enterprise Sdn. Bhd.	2	RM67,188.00
Ujian Bahan Bagi Kerosakan Struktur Blok Aspura Akibat Kebakaran di SMK Lui Barat, Daerah Jempol, Negeri Sembilan	Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan Darul Khusus	1	RM46,454.50






## Perundingan Melalui ICC

Pada tahun 2018, Pusat Inovasi & Pengkomersilan (ICC) telah berjaya mengurus projek perundingan dengan kos berjumlah RM931,123.22, melalui 55 buah projek perundingan. Projek Perundingan Penyediaan Laporan Terperinci Terhadap Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ) merupakan projek yang mencatatkan rekod pembiayaan perundingan tertinggi dengan jumlah sebanyak RM161,120.00. UTHM juga melalui Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM) telah dilantik sebagai perunding oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dalam menjalankan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Negeri Johor. Hasil daripada perundingan tersebut, sebuah buku penyelidikan yang merupakan inisiatif untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga telah dihasilkan dan digunakan sebagai rujukan bagi merancang pelbagai aktiviti serta program intervensi dalam usaha meningkatkan kesejahteraan keluarga khususnya rakyat di Negeri Johor.

Jadual 5.5: Senarai Lima Perundingan dengan Nilai Tertinggi Melalui ICC

Projek	Klien	Jumlah Perundingan	Nilai (RM)
Perundingan Penyediaan Laporan Terperinci Terhadap Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ) Berdasarkan Keperluan MS2593:2015 Bagi Cadangan Projek Pembinaan di bawah RMK-11 - Fasa 2 & 3	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia)	2	RM161,120.00
<i>Consultation on Performance Study on Lubbering Gun for Csk Drilling</i>	Spirit Aerosystems Malaysia Sdn. Bhd.	3	RM116,198.40
<i>Consultation on Green House Gas Emmission Factor for Power Plant in Malaysia Project: Phase 1 to 7</i>	Commteq (M) Sdn. Bhd.	5	RM102,900.00
Perundingan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Negeri Johor 2018 - Daerah Kota Tinggi	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT)	1	RM49,000.00
Perundingan dalam Kajian Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Yayasan Pengerang	Pihak Berkuasa Tempatan: Pengerang	1	RM47,700.00






## Perundingan Pengujian Makmal

Pada tahun 2018, UTHM telah memperoleh projek perundingan pengujian makmal bernilai RM499,403.52 daripada 148 projek perundingan. Projek Pemantauan dan Analisis Air Buangan yang dilaksanakan untuk syarikat Evergreen Fibreboard Sdn. Bhd. dan Clean Image Sdn. Bhd. Telah mencatatkan rekod pembiayaan perundingan tertinggi dengan jumlah sebanyak RM206,135.20.


Jadual 5.6: Senarai Lima Perundingan Pengujian Makmal dengan Nilai Tertinggi

Projek	Klien	Jumlah Perundingan	Nilai (RM)
TSP+PM10 Monitoring & Analysis of Wastewater	11	Evergreen Fibreboard Sdn. Bhd. & Clean Image Sdn. Bhd.	RM206,135.20
Thickness, compaction, binder content	1	Bina Mekar Sdn. Bhd.	RM31,017.50
EMC Compliance (Test Wise & Fibod)	1	DF Automation and Robotics Sdn. Bhd.	RM30,000.00
Lubrication Oil Performance	1	Moil Lubricants Sdn. Bhd.	RM27,550.53
Tensile Test	10	UTM; Irmuda Sdn. Bhd. Gading Mahawangsa Sdn. Bhd. Clean Image Sdn. Bhd. Irmuda Sdn. Bhd. Aitch Enterprise Kembara Damai Sdn. Bhd. Faco Trading Pantai Pontian Sdn. Bhd. Puncak Bakti Sdn. Bhd.	RM17,550.00



### Pengkomersilan Hasil Penyelidikan dan Inovasi

Pada tahun 2018, sembilan jenis produk dan teknologi telah dikomersilkan dengan jumlah pendapatan RM77,407.00. Produk baru yang telah menghasilkan pendapatan tertinggi ialah *Smart Recycle Bin* , iaitu sebanyak RM22,610.00.




Rajah 5.11: Pendapatan Pengkomersilan Penyelidikan



### Pencapaian dalam Penyelidikan dan Inovasi

Pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah diraih oleh UTHM di sepanjang tahun 2018, merangkumi pertandingan di pelbagai peringkat. Tahun 2018 juga turut menyaksikan kecemerlangan penyelidik dari UTHM menerusi *Seoul International Invention Fair (SIIF) 2018* dengan kejayaan yang diraih oleh Ts. Dr. Nur Kamilah binti Yusuf dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan. Beliau melalui projek dinamakan *Direct Recycling-Hot Press Forging* berjaya menjadi wakil tunggal Malaysia menerima SIIF yang berlangsung di *COEX Convention Centre, Seoul Korea Selatan* pada 6 hingga 9 Disember 2018. Selain anugerah tersebut, UTHM juga telah berjaya memperoleh pingat emas antaranya melalui projek *3D EED Feature Extraction for Brain Balanced Index (BBI)* oleh Dr. Norfaiza Fuad dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan *Binary Programming Algorithm in Modelling the Malaysian Secondary School Menu Planning* oleh Dr. Suliadi Firdaus Sufahani dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi. UTHM turut memperoleh dua pingat perak dan dua pingat gangsa.



Rajah 5.12: Pengiktirafan Penyelidikan




Foto 5.1: Penerima Anugerah di *Seoul International Invention Fair 2018*




## Persidangan

Pelbagai persidangan giat dijalankan oleh Fakulti dan Pusat Tanggungjawab di UTHM untuk terus memacu kecemerlangan dalam bidang penyelidikan, selain untuk menjanakan pendapatan. Pada tahun 2018 sahaja, 11 persidangan telah dianjurkan oleh UTHM merentasi pelbagai bidang.



Rajah 5.13: Persidangan Pada Tahun 2018









### Penerbitan dan Sitasi

Tahun 2018 turut memperlihatkan peningkatan kualiti penerbitan berdasarkan strategi fokus kepada penerbitan jurnal berbanding prosiding dan juga penerbitan karya asli buku penyelidikan.




Rajah 5.14: Penerbitan Pada Tahun 2017 dan 2018






Selaras dengan peningkatan penerbitan, sitasi juga dilihat meningkat dari tahun 2014 hingga tahun 2018 berdasarkan kepada glosari *QS Stars Rating* dan MyRA. Pada tahun 2018, jumlah sitasi hasil penerbitan UTHM telah meningkat kepada 10,296 berdasarkan definisi MyRA, manakala 24,375 berdasarkan definisi *QS Stars Rating*.



Rajah 5.15: Jumlah Sitasi Mengikut Takrifan QS Stars Rating dan MyRA






### Penarafan Dalam Malaysia *Research Assessment (MyRA)*

MyRA atau Sistem Taksiran Penyelidikan Malaysia ialah satu piawaian penarafan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menilai kapasiti universiti khusus dalam aspek kecemerlangan penyelidikan. Pada tahun 2018, UTHM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan penyelidikan pada peringkat 4 bintang berdasarkan data tahun 2017. Data penyelidikan institusi dan data pencapaian Myra bagi tahun 2018 ini akan dinilai pada tahun 2019 kelak.



Rajah 5.16: Penarafan Bintang MyRA










**6**

**HAL EHWAL PELAJAR  
DAN ALUMNI**



## Pengenalan

Pembangunan sahsiah mahasiswa merupakan perkara utama yang dititikberatkan oleh UTHM. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah mahasiswa terutamanya melalui aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perkembangan potensi diri dalam menangani cabaran yang dihadapi, di samping sentiasa memberi peluang kepada mahasiswa untuk mengembangkan bakat, pencapaian akademik dan minat kerjaya masing-masing. Kepakaran kaunselor UTHM yang diiktiraf dan berpengalaman juga menjadi sumber inspirasi kepada pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan kemahiran dan peluang memajukan diri menerusi program yang dilaksanakan, serta sesi yang dihadiri dan juga kemahiran-kemahiran yang dipelajari semasa mengikuti program-program pelajar.





## Pembangunan dan Pengembangan Pelajar

Pada tahun 2018, UTHM telah menganjurkan 33 program bimbingan dan pengembangan pelajar. Secara keseluruhannya, seramai 5,751 orang pelajar telah mengikuti pelbagai aktiviti yang dilaksanakan. Setakat ini, penyertaan tertinggi yang dapat dicatatkan ialah melalui Program Permulaan Graduan Pelajar Baru Ijazah Sarjana Muda.

Jadual 6.1: Senarai Lima Program Pembangunan dan Pengembangan Pelajar Tahun 2018 Dengan Jumlah Penyertaan Tertinggi

Nama Aktiviti	Tarikh	Lokasi	Jumlah Pelajar
Program Permulaan Graduan Pelajar Baru Ijazah Sarjana Muda	07 September 2018	UTHM Kampus Parit Raja & UTHM Kampus Cawangan Pagoh	1559
Program Permulaan Graduan Pelajar Baru Ijazah Sarjana Muda	08 September 2018	UTHM Kampus Parit Raja	952
Program Permulaan Graduan Pelajar Baru Diploma	29 Jun 2018	UTHM Kampus Cawangan Pagoh	834
Program <i>Night Run</i> Sempena CCEF 2018	25 September 2018	UTHM Kampus Parit Raja	530
Program Permulaan Graduan Pelajar Baru Ijazah Sarjana Muda	10 Februari 2018	Bilik Kuliah Pusat Niaga Siswa, UTHM	221

## Keusahawanan Pelajar

UTHM sentiasa mendukung Dasar Pembangunan Usahawan yang diperkenalkan oleh kementerian dalam usaha menggalak dan memantapkan pembangunan keusahawanan dalam kalangan warga universiti. Sokongan ini perlu bagi membolehkan aktiviti keusahawanan dilaksanakan dengan lebih terancang dan holistik, khusus bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, sifat dan nilai keusahawanan yang tinggi. UTHM pada masa ini telah menubuhkan empat buah Kelab Keusahawanan Pelajar bagi membantu usaha melahirkan minda usahawan dalam kalangan pelajar.



Kelab Keusahawanan dan Teknologi (1996)



Koperasi Siswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (2009)



MyAgrosSIS (2013)



ENACTUS UTHM (2004)

Rajah 6.1: Senarai Kelab Keusahawanan Pelajar di UTHM



## Program Keusahawanan Pelajar

Pada tahun 2018, sebanyak 33 program keusahawanan melibatkan 6,802 orang mahasiswa telah berjaya dijalankan merangkumi program-program keusahawanan sama ada berbentuk bengkel atau seminar, praktikal atau kerja lapangan, mahupun program berbentuk karnival. Beberapa program utama yang telah dilaksanakan merangkumi Program *Online Business Start-up* 2018, Perantis Keusahawanan 6: 2018, Jom Belajar Sambil Berniaga 2018 dan Festival Keusahawanan (E-Fest) 2018. Selain penganjuran pelbagai program, UTHM turut menyediakan kemudahan perniagaan sama ada secara tetap atau sementara seperti kios dan *food cart*.

Jadual 6.2: Senarai Lima Program Keusahawanan Pelajar Tahun 2018

Nama Aktiviti	Tarikh	Jumlah Pelajar	Jumlah Staf
Program Jom Belajar Sambil Berniaga Mega 2018	22 hingga 25 April 2018	500	10
Karnival GEGAR FKAAS 3.0: Jom Belajar Sambil Berniaga	18 hingga 19 September 2018	500	1
Jom Belajar Sambil Berniaga: Simulasi FKMP 5.0	28 hingga 29 November 2018	500	1
Jom Belajar Sambil Berniaga :FSKTM	13 hingga 14 November 2018	500	2
Jom Belajar Sambil berniaga: <i>New Food Launch Day</i>	11 Disember 2018	500	1




Foto 6.1: Kemudahan Fasiliti Perniagaan di UTHM

1. Kios Perniagaan Sementara di Pusat Niaga Siswa UTHM
2. Kemudahan Perniagaan Tetap untuk Pelajar
3. Kemudahan Perniagaan Sementara di Fakulti
4. *Food Cart* Sumbangan daripada Celcom Axiata (Program Celcom@Siswapreneur Asnaf)




## Kolej Kediaman Pelajar

Kolej-kolej kediaman UTHM merupakan tempat penginapan pelajar yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk kegunaan pelajar bagi meningkatkan pembangunan akademik dan aktiviti pembelajaran. Kolej kediaman juga merupakan pusat pembelajaran kedua untuk melahirkan pelajar yang serba boleh dalam pelbagai bidang, di samping melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, keusahawanan, kepimpinan pelajar, kebajikan dan kerohanian, kebudayaan, sukan serta rekreasi. UTHM menyediakan lapan buah kampus kediaman iaitu lima buah di kampus UTHM Parit Raja dan tiga lagi di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.



Rajah 6.2: Butiran Penempatan Pelajar di Kolej-kolej Kediaman UTHM Tahun 2018



## Aktiviti Kolej Kediaman

Pada tahun 2018 UTHM telah menganjurkan dua aktiviti utama yang melibatkan kolej kediaman, iaitu Majlis Anugerah Kolej Kediaman (AKK) 2018 dan Program Kepimpinan Harapan (PKH). Majlis Anugerah Kolej Kediaman (AKK) 2018 telah diadakan pada 5 Disember 2018 anjuran Majlis Pengetua Kolej-kolej Kediaman UTHM dengan kerjasama Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail. Program ini telah berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), UTHM dan telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Wahid bin Razzaly dengan penglibatan seramai 339 orang yang terdiri daripada tetamu jemputan, ahli jawatankuasa, Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP), serta pelajar aktif kolej kediaman. Program ini dianjurkan sebagai satu platform untuk memberi pengiktirafan kepada Majlis Kepimpinan Pelajar Kolej Kediaman (MKP). Pada majlis ini, sembilan anugerah telah dipertandingkan dan kolej yang dinobatkan sebagai pemenang telah menerima anugerah masing-masing.



Rajah 6.3: Senarai Pemenang Anugerah Majlis Anugerah Kolej Kediaman 2018




Foto 6.2: Majlis Anugerah Kolej Kediaman 2018



Dalam merealisasikan hasrat UTHM untuk membentuk pemimpin era baru yang berkredibiliti, Majlis Pengetua-pengetua Kolej Kediaman UTHM dengan kerjasama Kolej Kediaman Bestari selaku penganjur telah mengadakan Program Kepimpinan Harapan XVI (PKH XVI) pada 26 hingga 28 Ogos 2018 bertempat di Kem Bina Negara Ulu Sepri, Negeri Sembilan. PKH ditubuhkan bertujuan untuk mempersiapkan barisan Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) Kolej Kediaman yang baru bagi memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan. Program ini telah disertai oleh 23 orang pelajar dari setiap kolej kediaman yang telah dipilih melalui proses pemilihan peringkat Kolej. Pengisian program yang bersifat kepimpinan ini dijalankan di luar kampus UTHM dan dikendalikan oleh barisan Pengetua, Felo, Pembantu Felo dan staf pengurusan kolej kediaman bagi memberi pendedahan kepada pelajar terbabit tentang perkara yang berkaitan dengan kepimpinan dalam sesebuah organisasi.



Foto 6.3: Program Kepimpinan Harapan






## Aktiviti Pelajar

Sehingga tahun 2018, sebanyak 54 kelab, persatuan dan badan-badan beruniform telah ditubuhkan secara rasmi, termasuk Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Pada tahun 2018, sebanyak 21 buah kelab, persatuan dan badan-badan beruniform aktif melaksanakan pelbagai aktiviti. Berdasarkan rekod sebanyak 222 pelbagai bentuk aktiviti telah berjaya dijalankan.

Jadual 6.3: Aktiviti Kelab / Persatuan / Badan-badan Beruniform Tahun 2018

NAMA KELAB	BIL. AKTIVITI
● Kelab Pengurusan Teknologi	35
● Majlis Perwakilan Pelajar	22
● Kelab Kejuruteraan Mekanikal	19
● Kelab Aeronautik	17
● Kelab Kejuruteraan Elektrik	16
● Kelab Teknologi Maklumat	13
● Kelab Mahasiswa Diploma Pertama	13
● Sekretariat Debat : Bahasa Cina	13
● Kelab Kaunseling dan Kerjaya	12
● Institut Jurutera Malaysia	11
● Kelab Seni Silat Cekak Hanafi	11
● Kelab Teknologi Kejuruteraan	9
● Sekretariat Debat : Bahasa Melayu	8
● Kelab Planeteers	5
● Science Technology Club	4
● Persatuan Anak-Anak Felda	4
● Kelab Kejuruteraan Awam	2
● Kelab Pendidikan Teknik dan Vokasional	2
● Sekretariat Debat : Bahasa Inggeris	2
● Kelab Seni Silat Cekak Malaysia UTHM	2
● Sekretariat Debat : Bahasa Tamil	2






Hasil daripada kegiatan yang dilaksanakan, pelbagai kejayaan yang membanggakan telah dicapai oleh pelajar UTHM. Antaranya ialah penyertaan ke Misi Sukarelawan Siswa YSS-GSVC di Vietnam, dan pengiktirafan di *International Mastery Award Hair & Makeup Competition - The 2018 Edition Of Beautyexpo*.

Misi Sukarelawan Siswa YSS-GSVC yang berlangsung pada 11 Julai hingga 15 Ogos 2018 di bawah kelolaan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) di Vietnam telah membuka peluang dan menyediakan platform bagi melahirkan pemimpin sukarelawan siswa di persada dunia. Lebih membanggakan lagi apabila sukarelawan siswa dari UTHM, Riska Mustakim bin Marzuki dinobatkan sebagai Sukarelawan Terbaik *Green Summer Volunteer Campaign 2018* di Vietnam oleh Youth Union Ho Chi Minh City pada misi kali ini. Seorang lagi pelajar UTHM, iaitu Abdul Alim bin Aziz telah dinobatkan sebagai juara dan menerima Anugerah *International Mastery Award – Battle of Barbies II* di *The 2018 Edition of Beautyexpo* bertempat di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC) yang diadakan pada 8 Oktober 2018.



Foto 6.4: Kejayaan Melalui Aktiviti Pelajar Tahun 2018

1. Misi Sukarelawan Siswa YSS-GSVC di Vietnam
2. *International Mastery Award Hair and Makeup Competition - The 2018 Edition of Beautyexpo*.






### Kebajikan Pelajar

UTHM amat menitik beratkan kebajikan pelajar kerana kesejahteraan pelajar merupakan kunci kepada kejayaan akademik dan sahsiah mereka. Sehubungan itu, UTHM telah memperkenalkan Program Sabil Al-Hikmah dan turut menaja serta memberi pembiayaan kepada pelajar sepanjang tempoh pengajian. Melalui Program Sabil Al-Hikmah ini para pelajar yang kurang berkemampuan akan dibantu melalui pelbagai kaedah iaitu kewangan, makanan dan perkakasan, perumahan, pengangkutan, fasiliti, pengukuhan jati diri, sahsiah dan akademik serta sosio-keusahawanan. Pada tahun 2018 sahaja seramai 180 orang pelajar telah menerima bantuan makanan melalui program ini yang melibatkan kos sebanyak RM 72,590.00.




Rajah 6.4: Statistik Penerima Sabil Al-Hikmah Mengikut Semester





Jadual 6.4: Senarai Penaja Pelajar UTHM

Penaja	Penaja Diploma	Penaja Sarjana Muda
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (Sabah)	3	41
Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam	74	454
Lembaga Zakat Selangor	6	26
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1	2
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor	2	38
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	1202	8539
Permodalan Nasional Berhad	5	4
Sime Darby Berhad	8	10
Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka	12	38
Yayasan Bank Rakyat	1	9
Yayasan Kelantan Darul Naim	4	8
Yayasan Negeri Sembilan	1	45
Yayasan Pelajaran Johor	53	105
Yayasan Sarawak	1	-
Yayasan Terengganu	1	-
Embassy of The Republic of Yemen	-	2
Gamuda Berhad	-	2
Kementerian Pendidikan Malaysia (Perguruan Persekutuan)	-	5
Kuok Foundation Berhad	-	4
Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	-	6
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	-	1
Majlis Amanah Rakyat (Mara)	-	5
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	-	5
Probase Manufacturing Sdn. Bhd	-	1
Programme My Brighter Future (MyBF)-TNB	-	116
Pusat Zakat Selangor	-	1
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak	-	24
Tenaga Nasional Berhad (TNB)	-	1
Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	-	1
Yayasan Pahang	-	3
Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera	-	1
Yayasan Sultan Iskandar Johor	-	10
Yayasan Tenaga Nasional	-	6
Yayasan Tengku Abdul Rahman (YTAR)	-	1
Yayasan Wilayah Persekutuan	-	4








### Alumni Mengikut Sektor Pekerjaan

Berdasarkan pengemaskinian maklumat dan alumni yang berjaya dikesan sehingga 31 Disember 2018, majoriti alumni UTHM melibatkan diri dalam sektor pekerjaan swasta tempatan dan sektor swasta multinasional. Sebahagiannya pula terlibat dalam sektor pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerajaan persekutuan dan pelbagai sektor.




Rajah 6.6: Alumni Mengikut Sektor Pekerjaan




### Kajian Pengesanan Graduan

Pada tahun 2018, UTHM telah menghasilkan seramai 4,048 orang graduan. Mengikut kajian pengesanan graduan yang telah dilaksanakan dan daripada jumlah keseluruhan graduan yang telah menjawab kajian, 47.82% orang graduan telah bekerja, manakala graduan yang belum bekerja ialah 25.31%. Responden bagi kajian ini ialah 96.34%.



Rajah 6.7: Maklumat Kajian Pengesanan Graduan






## Kajian Pengesanan Graduan Konvokesyen 2017

Peratus kebolehpasaran graduan UTHM secara keseluruhan semasa konvokesyen 2017 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah 76.54%. Walau bagaimanapun, selepas UTHM membuat pengemaskinian maklumat status pekerjaan sehingga 31 Disember 2018, kebolehpasaran graduan UTHM telah meningkat kepada 90.03%.

Jadual 6.5: Peratusan Kebolehpasaran Graduan Mengikut Fakulti atau Pusat Pengajian

Fakulti	Data Semasa Konvokesyen (%)	Data Sehingga 31 Disember 2018 (%)
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar (FKAAS)	71.84	91.84
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	65.07	85.11
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	76.97	89.13
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV)	80.94	90.75
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	71.31	86.06
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM)	80.15	91.07
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST)	76.47	86.43
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	66.19	88.85
Pusat Pengajian Diploma (PPD)	93.13	97.85






## Aktiviti Alumni

UTHM komited melaksanakan pelbagai aktiviti melibatkan alumni bagi memastikan hubungan kerjasama antara kedua belah pihak dapat diteruskan. Pada tahun 2018, sebanyak 15 aktiviti utama berjaya dilaksanakan.

Jadual 6.6: Aktiviti Alumni

Nama Program	Tarikh	Tempat
Program Let's Bowl Alumni UTHM 2018	21 Januari 2018	Alamanda Bowl, Putrajaya
Bengkel Sasaran Kerja Tahunan Alumni Mahasiswa UTHM 2018	15 hingga 17 Mac 2018	Pumas, Tanjong Laboh, Batu Pahat
Majlis Makan Malam Alumni Mahasiswa 2018	21 Mac 2018	UTHM
Program Jejak Alumni Johor Bahru 2018	26 Mac 2018	Johor Bahru
Program Sentuhan Kasih Rohani Di Pusat Jagaan Kanak-Kanak Harapan Bukit Baru, Melaka (Anjuran Yayasan Kebajikan Negara)	2 April 2018	Bukit Baru, Melaka
Program Iftar Alumni UTHM 2018	2 Jun 2018	Hotel Seri Malaysia, Johor Bahru
Program Lawatan Penanda Aras UTHM Ke Universiti Awam Malaysia	16 hingga 17 Julai 2018	Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknikal Melaka
Program Jejak Alumni Zon Putrajaya	5 September 2018	Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Dan Yayasan Kebajikan Negara, Putrajaya
Program Majlis Malam Amal Mesra Alumni Sempena 25 Tahun Uthm	29 September 2018	The Everly Hotel, Putrajaya
Kursus Pengukuhan Organisasi Alumni Mahasiswa UTHM	4 hingga 6 Oktober 2018	Dusun Eco Resort, Bentong Pahang
Program Menyemai Kasih Menjalin Budi Siri Kedua (Alumni Mahasiswa UTHM)	11 hingga 13 Oktober 2018	UTHM
Program Majlis Makan Malam Jalinan Kasih Alumni Sempena Konvokesyen UTHM Kali Ke-18	19 Oktober 2018	Dewan Terbuka, DTMI
Jemputan Khas Alumni VIP Sempena Majlis Konvokesyen UTHM Ke-18	20 Oktober 2018	Dewan Sultan Ibrahim (DSI)
Jejak Alumni Zon Pantai Timur 2018	25 hingga 28 November 2018	Pahang, Terengganu, Kelantan
Kembara Alumni Zon Sabah 2018	16 hingga 18 Disember 2018	Kota Kinabalu





### Majlis Makan Malam Alumni Mahasiswa 2018

Sekretariat Alumni Mahasiswa UTHM (UTHMas) dengan kerjasama Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni (CARE) telah mengadakan Majlis Makan Malam Alumni Mahasiswa 2018 pada 21 Mac 2018 bertempat di UTHM. Sekitar 300 orang alumni mahasiswa hadir bagi memeriahkan lagi majlis. Pada majlis ini turut berlangsung perasmian baju UTHMas, tayangan montaj Program Aktiviti UTHMas sesi 2016/2017, dan montaj pengenalan Ahli Jawatankuasa Kuasa Tertinggi UTHMas generasi ke-9 bagi sesi 2017/2018.




Foto 6.5: Majlis Makan Malam Alumni Mahasiswa 2018

### Program Majlis Malam Amal Mesra Alumni Sempena 25 Tahun UTHM

Majlis ini telah diadakan di The Everly Hotel, Putrajaya pada 29 September 2018. Program ini telah berjaya menghimpunkan sebilangan besar alumni UTHM dan merekodkan kehadiran seramai 200 orang alumni dari pelbagai generasi bermula dari era Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). T turut berlangsung dalam majlis ini ialah pelancaran Kad Debit Alumni Bank Islam, penyampaian Sijil Anugerah Khas Alumni, Sijil Penghargaan Jasamu Dikenang, cabutan bertuah, serta persembahan *Band Experiment Melody*.



Foto 6.6: Majlis Malam Amal Mesra Alumni






### Jemputan Khas Alumni VIP 2018 Sempena Konvokesyen UTHM ke-18

Seramai 20 orang alumni VIP UTHM telah dijemput khas hadir pada sidang pertama Istiadat Konvokesyen ke-18 untuk meraikan graduan, di samping menggamit memori bersama Tuanku Canselor Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Alumni VIP UTHM juga telah disambut mesra oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) yang sempat meluangkan masa semasa kunjungan ke Pejabat Canselori. Pertemuan tersebut menggamit memori para alumni yang sekian lama tidak kembali ke alma mater. Semasa lawatan ringkas dan santai ini, alumni turut dibawa ke tempat-tempat menarik di sekitar bangunan Perpustakaan dan Pejabat Canselori.



Foto 6.7: Alumni VIP bersama Tuanku Canselor UTHM





### Kembara Alumni Zon Sabah 2018

Sesi perkongsian ilmu dan ramah mesra bersama Prof. Madya Dr. Afandi bin Ahmad yang baru dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTHM telah diadakan pada Disember 2018 bertempat di Dewan Kuliah Utama Politeknik Kota Kinabalu bersama 300 orang pelajar Politeknik berkenaan. Pada program kembara alumni kali ini, Politeknik Kota Kinabalu turut menjemput TNCA (HEPA) untuk menyampaikan ucapannya. Dalam ucapannya, beliau telah menyentuh topik **“Kekal Positif**. Sesi perkongsian ilmu tersebut bertujuan untuk memberi suntikan semangat, selain untuk meningkatkan kesedaran dalam diri setiap pelajar agar sentiasa teguh berjuang menuntut ilmu.



Foto 6.8: Kembara Zon Sabah 2018

### Sesi *Talk Series* dan Majlis *Hi-Tea* serta Ramah Mesra Alumni Bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)

Sesi *Talk Series* alumni telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) yang bertajuk **“Staf Cemerlang: Pangkat @ Berkat”**. Majlis yang berkonsepkan santai dan mesra alumni ini telah berlangsung dengan jayanya dan dihadiri oleh seramai 60 orang alumni Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Program anjuran Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni (CARE) UTHM bersama politeknik berkenaan mendapat sambutan positif daripada alumni, atas usaha pihak UTHM dalam merapatkan lagi jalinan ukhuwah alumni Sabah dan UTHM.



Foto 6.9: Sesi *Talk Series* Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)






### Lawatan Penanda Aras dan Perjumpaan Bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS

Delegasi dari UTHM yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) telah berkunjung ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 18 Disember 2018. Kunjungan ini telah disambut mesra oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Pengarah Pusat Alumni, dan staf-staf Pejabat HEPA UMS. Dalam lawatan ini, pelbagai perkara dan perkongsian ilmu telah dibincangkan berkaitan gerak kerja dan hala tuju alumni terutamanya dari aspek penajaan pembiayaan *endowmen*, alumni *chapter*, jaringan alumni dan aktiviti alumni.



Foto 6.10: Lawatan Penanda Aras ke UMS










**7**

**PEMBANGUNAN,  
PENGURUSAN  
FASILITI DAN ICT**



## Pengenalan

Pembangunan, pengurusan fasiliti dan ICT adalah penting untuk meningkatkan kualiti persekitaran kerja dan seterusnya menyumbang kepada produktiviti sesebuah institusi. Infrastruktur yang kondusif memainkan peranan utama dalam menarik minat pemegang taruh terutamanya pelajar untuk mendaftar pengajian. Pada masa yang sama, tanggungjawab kepada persekitaran dan alam sekitar juga perlu diberikan perhatian bagi memastikan pembangunan dan pengurusan yang dilaksanakan dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.



## Pembangunan Kampus

Pada tahun 2018, UTHM telah melaksanakan empat projek pembangunan yang merangkumi kos keseluruhan bernilai RM71 juta. Sebanyak tiga daripada projek tersebut sedang dijalankan dan dijangka akan siap pada tahun 2019, manakala satu projek pembangunan telah selesai dilaksanakan.



Rajah 7.1 : Tiga Projek Pembangunan yang Sedang Dijalankan




Rajah 7.2: Projek Pembangunan yang Telah Selesai Pada Tahun 2018



Foto 7.1: Empat Buah Projek Pembangunan UTHM dalam Tahun 2018

1. Bangunan Gunasama Kegiatan Pelajar dan Kafeteria Berpusat
2. Pusat Penyelenggaraan Alat untuk Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Bangunan Gunasama untuk Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan, Perundingan dan Pusat Pengajian Siswazah
4. Kompleks Akademia dan Pentadbiran Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik UTHM





## Pengurusan Fasilitas

### Laporan Utiliti Elektrik Kampus Parit Raja

UTHM mencatatkan penjimatan ketara pada bulan Jun 2018 dengan bacaan terendah penggunaan elektrik sebanyak 1,876,770 kWh dan bil pembayaran berjumlah RM801,805.90. Jumlah bacaan tenaga elektrik tertinggi pada tahun 2018 adalah pada bulan Oktober iaitu sebanyak 2,757,580 kWh dengan bil pembayaran berjumlah RM 1.1 juta. Rekod penggunaan tenaga elektrik yang tertinggi ialah pada bulan Oktober 2018. Pada bulan ini UTHM melaksanakan persediaan untuk Majlis Istiadat Konvokesyen UTHM yang melibatkan penggunaan tenaga elektrik di dewan dan di pelbagai lokasi.

Analisis perbandingan antara tahun 2018 dan tahun sebelumnya menunjukkan bahawa UTHM berjaya menjimatkan tenaga sebanyak 1,552,947 kWh (5.23%) dengan pengurangan kos berjumlah RM705,648.00 (5.48%) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017. Perbandingan antara tahun 2015 dan 2017 menunjukkan bahawa UTHM telah berjaya membuat pengurangan bil utiliti elektrik sebanyak 10.39% bersamaan RM1,448,287.38. Manakala perbandingan antara tahun 2015 dan 2018 pula menunjukkan bahawa UTHM telah berjaya membuat pengurangan bil utiliti berjumlah RM2,167,754.86 bersamaan 15.55%. Malahan, UTHM berjaya membuat penjimatan tenaga sebanyak 7,012,149 kWh bersamaan 20.64%. Penjimatan ini berjaya dicapai disebabkan oleh beberapa faktor seperti tempoh operasi Perpustakaan Tunku Tun Aminah dipendekkan pada waktu cuti semester dan tidak beroperasi pada hujung minggu, penggunaan ruang kuliah bersistem hawa dingin jenis unit pisah bagi kuliah pada luar waktu kerja, penambahan pemantauan penyelenggaraan elektrik dan penjadualan operasi mekanikal HVAC (AHU / chiller) mengikut ruang dan tempahan PTJ, serta pemantauan terus ke atas nilai kehendak maksimum pengguna dan beban di bangunan fakulti / PTJ.


129,412.25 kWh/Bulan	1,552,947 kWh 5.23%	26,958,601 kWh
Purata Penjimatan Penggunaan Elektrik (sehingga Disember 2018)	Jumlah Penjimatan Terkumpul Penggunaan (sehingga Disember 2018)	Jumlah Penggunaan Terkumpul (sehingga Disember 2018)

Rajah 7.3: Pengurangan Penggunaan Tenaga Elektrik (kWh) bagi Tahun 2018


58,804.00 RM/Bulan	RM 705,648.00 5.48%	RM 11,770,241.61
Purata Penjimatan Penggunaan Elektrik (sehingga Disember 2018)	Jumlah Penjimatan Terkumpul Penggunaan (sehingga Disember 2018)	Jumlah Penggunaan Terkumpul (sehingga Disember 2018)

Rajah 7.4: Penjimatan Penggunaan Elektrik bagi Tahun 2018








Rajah 7.5: Perbandingan Bacaan Utiliti Elektrik (kWh) bagi Tahun 2017 dan 2018



Rajah 7.6: Perbandingan Pembayaran Bil bagi Tahun 2017 dan 2018









### Laporan Utiliti Elektrik Kampus Cawangan Pagoh

Laporan dari Unit Utiliti Elektrik Kampus Cawangan Pagoh menunjukkan jumlah penggunaan tenaga elektrik tertinggi pada tahun 2018 adalah pada bulan Oktober, iaitu sebanyak 563,517 kWh bersamaan RM244,421.99. Pada keseluruhannya jumlah penggunaan tenaga elektrik di Kampus Cawangan Pagoh ialah sebanyak 6,117,679 kWh bersamaan RM 2,594,983.34.



Rajah 7.9: Bacaan Utiliti Elektrik (kWh) Tahun 2018 di Kampus Cawangan Pagoh UTHM



Rajah 7.10: Pembayaran Bil Elektrik (RM) Tahun 2018 di Kampus Cawangan Pagoh UTHM

### Laporan Utiliti Telefon

Penjimatan bil telefon pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah sebanyak RM18,330.18 bersamaan dengan 7.97% penjimatan.




Rajah 7.11: Perbandingan Bil Telefon Pada Tahun 2017 dan 2018




### Laporan Utiliti Air


Laporan dari Unit Utiliti Air menunjukkan bahawa kadar penggunaan air berubah-ubah sejak tahun 2016 hingga 2018. Kadar penggunaan air pada tahun 2018 mengalami kenaikan jika dibandingkan dengan tahun 2017. Kenaikan jumlah penggunaan air bagi tahun 2018 berbanding 2017 ialah sebanyak 32,890 m<sup>3</sup> bersamaan dengan kenaikan bil RM 29,446.93 (1.15%). Kenaikan ini adalah berpunca daripada kebocoran paip air di bangunan lama kampus induk yang disebabkan usia paip utama yang melebihi 30 tahun, selain penambahan operasi di blok baru Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, dan projek pembangunan lain yang sedang berlangsung.



Rajah 7.12: Perbandingan Penggunaan Air (m<sup>3</sup>) dari Tahun 2016 Hingga 2018




Rajah 7.13: Perbandingan Bil Air dari Tahun 2016 Hingga 2018



### Aduan Kerosakan

Berdasarkan statistik aduan dan laporan yang dijanakan oleh sistem aduan kerosakan dalam talian ialah sebanyak 2,248 aduan daripada jumlah keseluruhan 2,269 tiket telah diselesaikan. Peratusan kerja selesai adalah sebanyak 99% sekali gus mencapai KPI yang ditetapkan.














Rajah 7.14: Statistik Aduan Kerosakan Tahun 2018




### Kenderaan Universiti

UTHM mempunyai sebanyak 177 unit kenderaan yang terdiri daripada motosikal, motokar, van dan lain-lain, dengan motosikal mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 72 unit diikuti motokar (28 unit), SUV/4WD/Hilux (27 unit) dan van/MPV (25 unit).

Jenis Kenderaan		Bilangan
	Motosikal	72
	Motokar	28
	SUV/4WD/Hilux	27
	Van/MPV	25
	Bas	13
	Ambulan	3
	Lori	2
	Van Jenazah	2
	Forklift	2
	Buggy	2
	Traktor	1
<b>Jumlah</b>		<b>177</b>

Rajah 7.15: Jenis Kenderaan Milik UTHM






## Infrastruktur ICT

### Pembangunan Infrastruktur ICT Baru

Pada tahun 2018, UTHM telah melaksanakan dua buah projek pembangunan infrastruktur ICT baru, iaitu mewujudkan infrastruktur rangkaian dan kemudahan wifi di Kolej Kediaman Taman Bestari untuk kegunaan pelajar, dan mewujudkan jaringan rangkaian dalaman bersepadu di Kampus Induk, Kampus Cawangan Tanjung Laboh dan Kampus Cawangan Pagoh. Infrastruktur rangkaian dan wifi di Kolej Kediaman Taman Bestari melibatkan kos sebanyak RM450 ribu. Kemudahan ini membolehkan seramai 2,080 orang pelajar UTHM mendapat akses dalam internet dan 5,241 peranti dihubungkan dengan wifi bagi menyokong pembelajaran secara dalam talian seperti FOC dan MOOC. Manakala, jaringan rangkaian *Virtual Private Network (VPN)* di Kampus Induk, Kampus Tanjung Laboh dan Kampus Cawangan Pagoh pula telah dapat meningkatkan capaian sistem/aplikasi dalaman UTHM agar boleh dinikmati bukan sahaja di Kampus Induk, malahan di Kampus Tanjung Laboh dan Kampus Cawangan Pagoh.

### Penambahbaikan Infrastruktur ICT

Pada tahun 2018, UTHM telah melaksanakan penambahbaikan infrastruktur ICT termasuk meningkatkan jalur lebar internet dari 300Mbps kepada 1Gbps di UTHM Kampus Cawangan Pagoh, infrastruktur rangkaian *backbone (redundancy)* di Kolej Kediaman Taman Bestari dan kebolehcapaian internet di Kampus Induk. Manfaat daripada peningkatan jalur lebar internet ini telah dapat menyokong pembelajaran secara dalam talian dan juga menyediakan akses internet kepada 5,651 orang pelajar dan 475 orang staf. Manakala, peningkatan rangkaian *backbone* di Kolej Kediaman Taman Bestari yang menggunakan peruntukan berjumlah RM10 ribu telah berjaya meningkatkan *SLA (Service Level Agreement)* kepada 99.9% dan kebolehcapaian internet di Kampus Induk juga mencatatkan peningkatan SLA kepada 99.85%.







### Penyelenggaraan Infrastruktur ICT

Pada tahun 2018, UTHM telah menyelenggara peralatan ICT, komputer dan komputer riba sebanyak 3,480 (81%) daripada jumlah keseluruhan peralatan 4,314 unit.




Rajah 7.16: Penyelenggaraan Infrastruktur ICT, Komputer & Komputer Riba

### Aduan ICT

Pada tahun 2018 jumlah aduan ICT yang diterima ialah sebanyak 3,442, manakala jumlah aduan pada tahun 2017 ialah sebanyak 3,414. Peningkatan aduan sebanyak 0.82% (28 aduan) ini dipengaruhi oleh faktor seperti ciri-ciri keselamatan rangkaian yang menghalang akses pengguna untuk mengakses sesuatu daripada internet/*Virtual Private Network (VPN)*/rangkaian dan penguatkuasaan keselamatan ICT supaya staf dan pelajar menukar kata laluan. Di samping itu, peningkatan aduan berkaitan akses internet/rangkaian juga berpunca daripada masalah perkakasan yang sudah usang dan luput teknologi, masalah gangguan bekalan elektrik kepada perkakasan, penetapan dan konfigurasi pada peralatan/peranti, serta penambahan kampus atau bangunan baru di UTHM.



Rajah 7.17: Perbandingan Aduan ICT Pada Tahun 2017 dan 2018





## Infostruktur ICT

### Pembangunan Sistem Baru

Pusat Teknologi Maklumat (PTM) berperanan dalam memberi perkhidmatan infostruktur, iaitu pembangunan aplikasi baru dan melaksanakan penyelenggaraan aplikasi sedia ada yang digunakan bagi membantu UTHM menjalankan operasi harian dengan lebih lancar dan efisien. Sejalan dengan itu, UTHM telah berjaya membangunkan lapan sistem baru dengan menggunakan kepakaran sedia ada. Sistem yang telah dibangunkan memberi impak yang lebih efektif kepada proses tadbir urus di pejabat, pusat dan fakulti.

Jadual 7.1: Pembangunan Sistem Baru

<b>MyUTHM</b>	Aplikasi mobil MyUTHM merupakan satu daripada inisiatif Kampus Digital. Aplikasi mobil ini dibangunkan secara dalaman menggunakan teknologi <i>Hybrid Mobile Application Framework Ionic</i> . Pembangunan ini memberikan impak penerimaan maklumat dengan pantas melalui aplikasi mobil dan ciri-ciri notifikasi.
<b>e-Office</b>	Sistem e-Office merupakan sistem mesyuarat dalam talian yang dibangunkan untuk menyediakan platform penyampaian maklumat mesyuarat dengan lebih pantas dan efisien, di samping memudahkan proses pengurusan, penyimpanan dokumen mesyuarat secara berpusat, maya dan elektronik, serta penjimatan guna tenaga kerja hasil daripada kecekapan proses kerja.
<b>Conference Management System (CMS)</b>	<i>Conference Management System (CMS)</i> merupakan sistem yang dibangunkan bagi memudahkan pengurusan peserta yang hadir ke seminar Konvensyen Pentadbir ICT (KPiCT). Sistem ini memberi impak kepada pengurusan seminar KPiCT, sementara pengurusan kehadiran dilaksanakan secara dalam talian.
<b>Online Research and Knowledge Exchange Database (ORKED)</b>	Sistem ORKED merupakan pengembangan fungsi daripada Sistem Maklumat Penyelidikan sedia ada. Sistem ini memberi impak kepada pengurusan penyelidikan UTHM dengan membolehkan proses penyelidikan termasuk pengurusan geran, aktiviti dan laporan dilaksanakan secara atas talian.
<b>Sistem Tempahan Tiket Kapal Terbang (STTP)</b>	Sistem tempahan tiket kapal terbang (STTP) memberi impak kepada UTHM dalam mempercepatkan proses pengesahan dan pemantauan permohonan tiket kapal terbang, serta kawalan kewangan bagi tujuan perolehan tiket kapal terbang.
<b>Sistem MyEXPERT</b>	Sistem ini mampu memudahkan proses penetapan sasaran kerja tahunan. Sistem ini juga mampu membuat pemantauan pencapaian penyelidik bagi penerbitan, penyelidikan dan penglibatan aktiviti yang melibatkan industri, di samping mampu meningkatkan KPI penerbitan dan penyelidikan. Pemantauan juga boleh dilaksanakan oleh UTHM bagi memastikan KPI penerbitan dan penyelidikan dapat dicapai.
<b>Sistem eCLASS</b>	Sistem ini digunakan oleh pensyarah untuk merekodkan kehadiran pelajar bagi setiap kuliah/kursus. Kesan daripada penggunaan sistem ini memberi impak yang tinggi kepada proses pengurusan dalam merekodkan kehadiran kuliah pelajar dapat dicapai.
<b>Sistem ePROJEK Sarjana Muda: Log Book</b>	Sistem ini dibangunkan untuk menggantikan buku log pelajar yang mengambil kursus projek sarjana muda secara manual. Penggunaan buku log dalam talian ini telah membantu pihak fakulti dalam penjimatan peruntukan kewangan bagi percetakan buku log manual, laporan log aktiviti pelajar dapat dipantau oleh pensyarah dengan lebih mudah, dan pengurusan merekodkan fail Pengajaran dan Pembelajaran (P&) dapat dibuat dengan lebih efisien.




### Penambahbaikan Sistem

UTHM sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan infostruktur ICT yang terbaik kepada seluruh warga kampus dan agensi luar. Pada tahun 2018, sebanyak 30 sistem sedia ada telah ditambah baik.



Rajah 7.18: Penambahbaikan Sistem










**8**

**HUBUNGAN KOMUNITI  
DAN JARINGAN INDUSTRI**



## Pengenalan

Pada tahun 2018, pelbagai program komuniti dan jaringan industri telah dilaksanakan meliputi pelbagai kluster. Jelas keazaman warga UTHM untuk memberikan kesan keberadaan UTHM kepada komuniti dan industri melalui pelbagai bentuk program meliputi aspek akademik dan teknologi, perjanjian persefahaman antara UTHM dan industri, kesejahteraan sosial, pembangunan modal insan, komuniti terpilih dan pembangunan sukan. Malah, menjadi hasrat UTHM untuk melihat rekod dan data penganjuran program-program ini dapat membantu untuk tujuan audit MyRA, Setara dan *QS Stars Rating* pada setiap tahun, selain menjadi nilai tambah terbaik kepada UTHM serta memberi bukti kualiti jaringan ekosistem mampan antara UTHM dan komuniti/Industri yang telah lama terjalin selama ini.




## Hubungan Universiti Komuniti

Sebanyak 165 buah program komuniti dengan nilai perbelanjaan berjumlah RM235,625.60 telah dianjurkan oleh UTHM pada tahun 2018. Penganjuran program komuniti ini memberi fokus kepada keberadaan UTHM dalam memberi impak dan kesejahteraan kepada komuniti setempat. Sehubungan itu, program yang diadakan di kawasan dalam lingkungan 200 km dari UTHM telah dipergiatkan agar komuniti merasai kesan arus kemajuan dan teknologi dengan kewujudan UTHM. Antara program yang telah dianjurkan dalam lingkungan 200 km difokuskan kepada beberapa bahagian parlimen, iaitu Parlimen Sri Gading dan Pagoh.

Program komuniti yang dijalankan di Parlimen Sri Gading meliputi dua buah kawasan, iaitu Parit Raja dan Sri Gading. Kawasan Parit Raja telah mendominasi perbelanjaan program, iaitu sebanyak RM88,997.85 (37.8% berbanding kos keseluruhan) melalui 72 buah program dan perbelanjaan di Sri Gading sebanyak RM33,737.66 (14.3%) dengan 13 program.

Sebanyak 34 program telah dijalankan di Parlimen Pagoh yang mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM15,906.50 iaitu 6.8% daripada perbelanjaan keseluruhan.

Secara keseluruhan, program di kedua-dua buah parlimen telah mencatatkan perbelanjaan berjumlah RM136,642.01 melalui 119 program. Manakala, program komuniti di luar Parlimen Sri Gading dan Pagoh mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM96,983.50 dengan 46 program.



Rajah 8.1: Perbandingan Kos Program Universiti Komuniti Mengikut Kawasan






Tahun 2018 turut memperlihatkan seramai 220,172 orang sukarelawan terlibat dalam penganjuran program komuniti UTHM. Majoriti sukarelawan terdiri daripada kalangan komuniti dengan penglibatan seramai 210,808 orang iaitu mewakili 95.7% daripada keseluruhan sukarelawan yang terlibat. Sukarelawan dari kalangan pelajar UTHM pula seramai 6,229 orang (2.9%) dan sukarelawan dari kalangan staf ialah seramai 3,135 orang (1.4%). Hal ini jelas menunjukkan bahawa UTHM amat komited dalam usaha untuk melibatkan komuniti dalam setiap program yang dianjurkan.

Analisis menunjukkan peratusan tertinggi bagi program kemasyarakatan bagi tahun 2018 adalah di bawah kluster Pengembangan dan Pembangunan Modal Insan Komuniti dengan peratusan sebanyak 27.5%, diikuti dengan kluster Penghayatan Alam dan Budaya dan kluster Promosi Universiti dan Kepakaran Penyelidik dengan masing-masing sebanyak 17.4% dan 13.2%.



Rajah 8.2: Carta Menunjukkan Analisis Program Komuniti Tahun 2018





## Projek Utama Universiti Komuniti

Hubungan Universiti dan Komuniti telah menjadi bukti terhadap kebergantungan hubungan antara universiti dan komuniti, bagi memastikan segala kemajuan sains dan teknologi dapat disebarkan dan dirasai oleh komuniti sekitar UTHM. Justeru, program utama yang dijalankan antara UTHM dan komuniti mendapat sambutan memberangsangkan, malah mendapat tajaan menerusi pelbagai agensi.

Jadual 8.1: Senarai Program Utama Universiti Komuniti Tahun 2018

Aktiviti	Bidang Tujah/Kluster	Penganjur/ Kerjasama	Impak
Semarak Biru @ Pengerang Peringkat Negeri Johor Sempena Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia	Komuniti Terpilih	Jabatan Pendidikan Negeri Johor; Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	Kempen ambil peduli golongan Autisme
Program <i>Outreach</i> Bersama Orang Asli Seletar	Pembangunan Orang Asli	Jabatan Pertanian Johor; Majlis Bandaraya Iskandar Puteri; <i>Johor Biotechnology &amp; Biodiversity Corporation (J-Biotech)</i> ; Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim	Pembinaan rumah komuniti bernilai RM17,000.00
Terokai Dunia Sains dan Teknologi (TEDSAT) 2018	STEM	Pejabat Pendidikan Negeri Johor; Pejabat Parlimen Sri Gading	Pendidikan STEM kepada komuniti
<i>Program Water For Life (W4LIFE)</i> 2018	Kesejahteraan Komuniti	Yayasan Amal Malaysia Negeri Johor	Pembinaan telaga untuk air bersih
Sebutir Kasih Sejuta Sayang	Kesejahteraan Komuniti	Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Kluang	Perpindahan ilmu teknologi komputer
<i>Community in River</i> 2018	Pengembangan dan Pembangunan Modal Insan Komuniti	Majlis Belia Daerah Batu Pahat	Pemeliharaan sungai
<i>Kidsafe</i> 2018	Pembangunan Kecemerlangan Sekolah	Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ)	Kesedaran keselamatan kanak-kanak di jalan raya

## Semarak Biru @ Pengerang Peringkat Negeri Johor Sempena Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia

Program Semarak Biru @ Pengerang Peringkat Negeri Johor ini dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia pada 1 hingga 2 April 2018. Program yang berlandaskan isu kemasyarakatan di bawah Kempen Ambil Peduli Golongan Autisme ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Johor, Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang dan UTHM serta penglibatan pelbagai institusi dan agensi dan seluruh negara. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofia binti Almarhum Sultan Idris Shah Al Mutawakkil Alallahi Shah telah mencemar duli hadir untuk menyempurnakan upacara perasmian. Serentak dengan itu, dua aktiviti gimik perasmian pelanjaran iaitu cap tangan di atas kain putih, diikuti dengan aktiviti seribu langkah oleh para peserta. Upacara perasmian ini turut dimeriahkan dengan persembahan dari sekolah pendidikan khas. Selain itu, pelbagai anugerah khas telah disampaikan antaranya ialah hadiah kepada para pemenang *photo contest* dan pelajar autisme cemerlang. Sesungguhnya UTHM komited dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk sentiasa ambil peduli dan prihatin terhadap golongan Autisme. Malahan, pelbagai strategi dan perancangan akan dilaksanakan agar program seperti ini dapat dipertingkatkan lagi dengan lebih meluas sehingga peringkat nasional.



Foto 8.1: Program Semarak Biru

1. Upacara Perasmian Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia
2. Pelancaran Kempen Semarak Biru@Pengerang 2018
3. Sukarelawan UTHM Sempena Kempen Semarak Biru@Pengerang 2018




### Program Outreach Bersama Orang Asli Seletar

Program *outreach* bersama Orang Asli Seletar bertempat di Gelang Patah, Johor merupakan program yang bertujuan untuk memimpin dan menyantuni masyarakat orang asli. Kejayaan penganjurannya menunjukkan UTHM komited dalam membantu masyarakat orang asli dalam pelbagai aspek antaranya dari aspek ekonomi dan akademik. Asas dan konsep didedahkan dalam membantu golongan muda orang asli untuk berubah dan berjaya dalam aspek perniagaan dan perusahaan yang dijalankan. Malahan, gerak aktiviti program ini telah berjaya menarik minat agensi luar seperti Jabatan Pertanian Johor, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, *Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation (J-Biotech)* dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim yang bersedia memberi pelbagai bantuan daripada segi kewangan dan perkhidmatan perundingan. UTHM benar-benar komited untuk menjayakan program ini. Justeru, sejumlah dana telah diperuntukan berjumlah RM17,000.00 bagi memastikan objektif program dapat dicapai.



Foto 8.2: Program *Outreach* Bersama Orang Asli Seletar



### Terakai Dunia Sains dan Teknologi (TEDSAT) 2018

Keberadaan UTHM diharap dapat dirasai oleh pelbagai komuniti yang berada di sekitarnya. Limpahan teknologi dan kemajuan sains menjadi pendorong dan inspirasi kepada komuniti sekitarnya khusus kepada para pelajar sekolah. Seajar dengan itu, pelbagai program telah dirangka untuk memupuk minat pelajar sekolah dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau dikenali sebagai *Science, Technology, Engineering & Mathematic (STEM)*. Program TEDSAT antara contoh terbaik yang dilaksanakan oleh UTHM dengan kerjasama dari Pejabat Pendidikan Negeri Johor dan Pejabat Parlimen Sri Gading yang telah berjaya merealisasikan penglibatan lima buah sekolah iaitu SMK Tun Aminah, SMK Tun Ismail, SMK Seri Gading, SMK Datuk Menteri dan SMK Suria Perdana. Secara keseluruhan, seramai 200 orang pelajar telah dilatih menggunakan modul penghantaran isyarat menerusi cahaya, pengenalan kepada kejuruteraan elektrik dan elektronik, dan pengenalan kepada Robot *Arduino*.



Foto 8.3: Program Terakai Dunia Sains dan Teknologi (TEDSAT) 2018



### Program *Water for Life (W4Life)* 2018

Program *Water for Life (W4Life)* merupakan pendekatan yang diambil oleh UTHM bersama-sama Yayasan Amal Malaysia Negeri Johor dalam usaha membina telaga tiub untuk membekalkan keperluan air bersih bagi SMA Al-Masriyah, Simpang Renggam, Johor. Kerja-kerja penggerudian dilaksanakan dalam tempoh berkala dan penghasilan air telaga tiub diuji daripada segi kualitinya agar sesuai dan selamat digunakan. Pelbagai kaedah pengujian telah dilakukan di tapak dan di makmal yang melibatkan para pelajar UTHM seiring dengan hasrat menonjolkan penglibatan mereka selaku tenaga kerja profesional kepada masyarakat kelak. Hasrat program ini tercapai dengan telaga tiub yang telah siap dibina dengan dalam masa yang singkat pada kedalaman 130 kaki (40 meter). Dengan kepakaran ilmu yang diaplikasikan dan dikongsi secara bersama, projek ini dapat menerapkan sahsiah terpuji dan meningkatkan kesejahteraan kehidupan dalam menikmati penggunaan air bersih terutamanya untuk pelajar di sekolah.



Foto 8.4: Program *Water for Life (W4Life)* 2018 di SMA Al-Masyriah, Simpang Renggam, Johor




## Sebutir Kasih Sejuta Sayang

Kejayaan pelajar terbaik di universiti dinilai daripada pelbagai aspek. Aspek utama pelajar terbaik antaranya ialah pelajar yang mengutamakan nilai kasih sayang. Jelas, aspek ini berjaya ditonjolkan menerusi penglibatan pelajar UTHM melalui Program Sebutir Kasih Sejuta Sayang yang dijalankan di Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Kluang, Johor. Pelajar UTHM bukan sahaja berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal dan teknologi, malahan mengutamakan kasih sayang dan keprihatinan kepada anak-anak yatim. Pelbagai aktiviti seperti pembersihan kawasan, perkongsian ilmu mengenai teknologi komputer, dan penyediaan lukisan mural yang bermotifkan sains dan teknologi turut digarap melalui dalam program ini. Hubungan antara para pelajar dan anak-anak yatim ini dipereratkan lagi dengan perkongsian pengalaman dan perkongsian kejayaan mereka memasuki universiti. Sesi perkongsian ini telah disampaikan dalam keadaan santai dan harmoni. Hal ini membuktikan pelajar berkualiti berjaya dicungkil, malah dimantapkan lagi dengan pelbagai program yang memupuk kesejahteraan sosial dalam komuniti.



Foto 8.5: Program Sebutir Kasih Sejuta Sayang






### *Community in River 2018*

Slogan Cintailah Sungai Kita merupakan antara inisiatif UTHM yang memainkan peranan utama bagi menerapkan dalam jiwa komuniti dengan kesedaran untuk sentiasa memelihara dan melindungi sungai. Sehubungan itu, UTHM dengan kerjasama Majlis Belia Daerah Batu Pahat menyahut cabaran untuk merealisasikan hasrat menjadikan sungai di Batu Pahat sungai terbersih di Malaysia. Sasaran program ini ialah komuniti yang menjadikan kawasan berhampiran sungai sebagai kawasan perkampungan seperti Kawasan Perkampungan Kampung Muhibbah, Peserai Batu Pahat. Sasaran ini ditentukan oleh faktor bahawa kebersihan sungai amat bergantung kepada budaya pembuangan sampah yang betul oleh penduduk kampung di sekitar sungai tersebut. Justeru, pelbagai aktiviti diadakan seperti bengkel penghasilan baja kompos daripada sisa makanan, kempen Reduce-Reuse-Recycle (3R) bersama pelajar sekolah, dan aktiviti pembersihan sampah di tebing sungai. Hasrat UTHM begitu jelas untuk menjadikan Sungai Batu Pahat terus kekal dalam keadaan bersih dan seterusnya menyumbang kepada kepesatan pembangunan fizikal Bandar Batu Pahat. Malah, UTHM percaya bahawa teknologi dan perancangan sistem yang mampan yang dimiliki oleh para penyelidik di UTHM mampu membantu untuk menjayakan hasrat ini.



Foto 8.6: Program *Community in River 2018*





### *Kidsafe 2018*


*Kidsafe 2018* merupakan komitmen UTHM untuk memberikan perkhidmatan kepakaran terbaik kepada komuniti menerusi kempen keselamatan jalan raya. Kempen ini difokuskan kepada para pelajar sekolah dengan mesej bahawa kesedaran keselamatan di jalan raya bermula dari peringkat sekolah lagi. Sekolah yang telah terlibat di sepanjang tahun 2018 ialah SK Pintas Raya, SK Seri Pandan, SK Parit Raja, SK Seri Puleh, SMK Tun Ismail, dan SMK Seri Gading. Komitmen dari sekolah-sekolah tersebut menunjukkan akan jelas kesungguhan UTHM untuk membantu komuniti sekitarnya, di samping untuk menyumbang kepakaran dan membantu guru-guru sekolah dalam menjalankan kempen keselamatan jalan raya. Semoga program ini akan terus dapat dilaksanakan dan dipertingkatkan lagi skop pelaksanaannya agar mesej kempen keselamatan jalan raya dapat diperluaskan lagi.




Foto 8.7: Program *Kidsafe 2018*

### Jaringan Kerjasama


Tahun 2018 menyaksikan sebanyak 70 bentuk perjanjian kerjasama telah dimeterai antara UTHM bersama pelbagai agensi kerajaan dan swasta, baik di dalam dan luar negara. Daripada jumlah tersebut, 29 ialah memorandum persefahaman (MoU) bersama 13 buah agensi luar negara dan 16 lagi bersama agensi dalam negara. Sebanyak 13 bentuk memorandum perjanjian (MoA) pula telah dimeterai dengan lima buah agensi luar negara dan lapan buah agensi dalam negara. Sebanyak 28 surat hasrat juga telah ditandatangani di sepanjang tahun 2018.




Rajah 8.3: Keseluruhan Jaringan Kerjasama antara UTHM Bersama Pelbagai Agensi Kerajaan dan Swasta, Dalam dan Luar Negara




Rajah 8.4: Senarai Memorandum Perjanjian (MoA) Tahun 2018





Rajah 8.5: Senarai Memorandum Persefahaman (MoU) Tahun 2018





Rajah 8.6: Senarai Surat Hasrat (LoI) Tahun 2018



### Memorandum Perjanjian (MoA) Bersama Commteq (M) Sdn Bhd

Bagi merencanakan lagi aktiviti dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), UTHM telah menandatangani memorandum perjanjian (MoA) bersama Commteq (M) Sdn. Bhd. pada 26 Disember 2017. Memorandum ini ditandatangani bertujuan untuk menjalin kerjasama dalam bidang Tenaga Boleh Diperbaharui dan Teknologi Bersih (Renewable Energy and Clean Technology).

Rentetan daripada itu, satu majlis penyerahan MoA telah diadakan di UTHM pada 18 Januari 2018. Penyerahan MoA tersebut diwakili oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, manakala Syarikat Commteq diwakili oleh dua orang pengarahnya, iaitu Encik Abdul Rashid bin Shoib dan Tuan Hj. Sheikh Saiful Azam bin Samsudin.

Bagi merealisasikan hasrat kerjasama ini, Syarikat Commteq telah memperuntukkan wang tunai berjumlah RM40,000 sebagai dana penyelidikan awal kepada Pusat Kajian Tenaga dan Persekitaran Industri (CEIES), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP). Projek pertama yang akan dilaksanakan menggunakan dana ini ialah Projek Pembangunan Low Speed Vertical Axis Wind Turbine (VAWT) dan Hybrid Energy Systems

Berdasarkan MoA yang dimeterai, kedua-dua belah pihak akan bekerjasama dalam menyediakan khidmat kepakaran dan perundingan di samping membantu meneroka peluang-peluang baru untuk mengkomersilkan hasil kajian berkaitan. Dana penyelidikan yang diterima ini dilihat sebagai satu pengiktirafan kepada UTHM dan secara tidak langsung memperakui kemampuan para penyelidiknya dalam bidang kajian berkaitan tenaga.



Foto 8.8: Memorandum Perjanjian (MoA) Bersama dengan Commteq (M) Sdn. Bhd.

### Memorandum Persefahaman (MoU) Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang

Memorandum persefahaman antara UTHM dan PBT Pengerang pada tahun 2017 telah menjadi titik permulaan program khidmat masyarakat dan cakna OKU di daerah Pengerang. Melalui memorandum ini UTHM telah dilantik sebagai perunding program yang memfokuskan autisme sebagai satu daripada program cakna OKU. Penyelidik UTHM telah mengetuai perundingan bagi Program *AutismCare@Pengerang* yang telah diadakan pada 29 Januari 2018 sempena Pengerang *Fest*. Program ini merupakan inisiatif pertama PBT Pengerang dalam menyantuni anak-anak autisme. Buat pertama kalinya program ini telah berjaya menyatukan pelbagai agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan OKU di daerah ini.

Atas kejayaan program tersebut, UTHM sekali lagi telah dilantik sebagai perunding program bagi Sambutan Semarak Biru 2018@Pengerang sempena Hari Autisme Sedunia pada 1 hingga 2 April 2018. Rentetan daripada pelancaran Program *AutismCare Café@Pengerang* ini telah merancakkan aktiviti mesra OKU dan mendapat kerjasama yang sangat baik dari Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) serta Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang mengendalikan café ini. Beberapa produk yang dihasilkan oleh anak-anak istimewa ini juga telah mendapat perhatian dan tempahan daripada beberapa pengendali hotel di sekitar Desaru. Hasil kerjasama dan inisiatif ini, pihak PBT Pengerang telah berjaya dinobatkan sebagai PBT Mesra OKU 2018 Peringkat Negeri Johor.



Foto 8.9: Memorandum Persefahaman (MoU) Bersama dengan PBT Pengerang



### Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) Bersama dengan Sena Traffic Systems Sdn. Bhd.

Satu sesi menandatangani surat hasrat (LoI) antara UTHM dengan Sena Traffic System (STS) telah diadakan pada 5 September 2018, bertempat di UTHM. Naib Canselor, Profesor Ts. Dr. Wahid bin Razzaly telah mewakili UTHM dan STS pula diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulan Sena, Dato' Tan Boon Hock menghadiri sesi menandatangani LoI. Turut hadir menyaksikan sesi menandatangani memorandum ini ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim, Penasihat Teknikal Kumpulan Sena, Datuk Dr. Ir Leong Siew Mun dan Ketua Pegawai Eksekutif Sena Traffic System, William Tan.

Antara inti pati LoI ialah STS akan mengambil langkah strategik dengan membuka pusat penyelidikan di kampus induk UTHM bagi memastikan pelajar dan penyelidik mendapat maklumat dan data dengan pantas selain sentiasa mendapat kerjasama yang berterusan daripada pihak industri. UTHM sebagai universiti teknikal akan memainkan peranan utama membantu merealisasikan hasrat menghasilkan produk untuk pasaran bandar pintar. Revolusi industri 4.0 (IR 4.0) yang diguna pakai dalam kerjasama ini amat bersesuaian dengan hala tuju negara, dan dalam pada yang sama pelajar UTHM juga akan turut mendapat pendedahan dari aspek praktikal.



Foto 8.10: Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) Bersama dengan Sena Traffic System (STS)








**9**

**LAPORAN KEWANGAN  
BAGI TAHUN 2018**



## Pengenalan

Pengurusan kewangan secara lestari dan mampan dilihat sangat penting pada masa kini bagi memastikan sesebuah organisasi beroperasi dengan lancar dan sejahtera. Sehubungan dengan itu, UTHM begitu komited dalam mengurus pendapatan bagi memastikan segala perancangan dan matlamat yang dirangka tercapai sepanjang tahun. Malahan, UTHM tekad dan berusaha untuk terus mempertingkatkan penjana pendapatan bagi menampung perbelanjaan operasi yang semakin tinggi nilainya.






## Pendapatan Mengurus

Bagi tahun 2018 jumlah pendapatan mengurus UTHM adalah sebanyak RM326,944,922 berbanding dengan RM310,348,440 pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM16,596,482 (5.3%). Pemberian kerajaan yang diterima bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM251,740,800 berbanding dengan RM245,664,280 pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM6,076,520 (2.5%). Sumber dalaman UTHM bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM75,204,122 berbanding dengan RM64,684,160 pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM10,519,962 (16.3%).

Jadual 9.1: Perbandingan Pendapatan Mengurus dan Geran Tambahan

Sumber Pendapatan	Tahun 2018		Tahun 2017		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Pemberian Kerajaan	236,657	72.4	236,657	76.3	-	-
Geran Tambahan	15,084	4.6	9,007	2.9	6,077	67.5
<b>Jumlah Pemberian Kerajaan</b>	<b>251,741</b>	<b>77.0</b>	<b>245,664</b>	<b>79.2</b>	<b>6,077</b>	<b>2.5</b>
Sumber Dalaman	75,204	23.0	64,684	20.8	10,520	16.3
<b>Jumlah</b>	<b>326,945</b>	<b>100.0</b>	<b>310,348</b>	<b>100.0</b>	<b>16,597</b>	<b>5.3</b>
<b>Perincian Sumber Dalaman Adalah Seperti Berikut:</b>						
Sumber Pendapatan	Tahun 2018		Tahun 2017		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Yuran Pengajian	45,440	60.4	38,957	60.2	6,483	16.6
Pendapatan daripada Pelaburan	24,289	32.3	23,399	36.2	890	3.8
Sewaan, Jualan Barang dan Perkhidmatan	994	1.3	950	1.5	44	4.6
Denda	1,029	1.4	718	1.1	311	43.3
Bayaran Balik	480	0.6	660	1.0	(180)	(27.2)
Sumbangan dari syarikat	2,972	4.0	-	-	2,972	100.0
<b>Jumlah Sumber Dalaman</b>	<b>75,204</b>	<b>100.0</b>	<b>64,684</b>	<b>100.0</b>	<b>10,520</b>	<b>16.3</b>





Rajah 9.1: Pecahan Pendapatan Mengurus 2018

### Perbelanjaan Mengurus

Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus UTHM pada tahun 2018 adalah sebanyak RM317,409,029 berbanding dengan RM307,776,678 pada tahun 2017, meningkat RM9,632,351 (33.7%).

Pecahan perbelanjaan adalah disumbangkan oleh pembayaran emolumen sebanyak RM186,958,526 (58.9%), perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM100,918,437 (31.8%), pemberian dan kenaikan bayaran tetap sebanyak RM5,161,323 (1.6%) dan perbelanjaan lain berjumlah RM24,370,743 (7.7%). Peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah disebabkan oleh perbelanjaan pindahan ekuiti.






Rajah 9.2: Carta Menunjukkan Pecahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2018


Jadual 9.2: Perbandingan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan	Tahun 2018		Tahun 2017		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Emolument	186,959	58.9	172,435	56.0	14,524	8.4
Perkhidmatan dan Bekalan	100,918	31.8	113,347	36.8	(12,429)	(11.0)
Pemberian dan Kenaan Tetap	5,161	1.6	6,934	2.3	(1,773)	(25.6)
Perbelanjaan Lain	24,371	7.7	15,060	4.9	9,310	61.8
<b>Jumlah</b>	<b>317,409</b>	<b>100.0</b>	<b>307,776</b>	<b>100.0</b>	<b>9,632</b>	<b>3.1</b>





RM JUTA'



Rajah 9.3: Statistik Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2014 Hingga 2018

### Pendapatan Pembangunan


Bagi tahun 2018, jumlah geran pembangunan UTHM yang diterima adalah sebanyak RM10,300,000 berbanding RM28,100,000 pada tahun 2017, penurunan sebanyak RM17,800,00 (63.3%). UTHM juga menerima geran pembangunan PFI pada tahun 2018 sebanyak RM87,828,479 berbanding RM70,645,413 pada tahun 2017, peningkatan sebanyak RM17,183,066 (24.3%) iaitu bagi menampung bayaran projek PFI Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, menjadikan keseluruhan geran pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM98,128,479 berbanding RM98,745,413 pada tahun 2017 dengan penurunan sebanyak RM616,934 (0.6%).

Jadual 9.3: Perbandingan Pendapatan Pembangunan

Sumber	Tahun 2018		Tahun 2017		Varian	
	RM'000	%	RM '000	%	RM '000	%
Geran Pembangunan Asal	10,300	10.5	28,100	28.5	(17,800)	(63.3)
Geran Pembangunan PFI (Hab Pendidikan Tinggi Pagoh)	87,828	89.5	70,645	71.5	17,183	24.3
<b>Jumlah</b>	<b>98,128</b>	<b>100.0</b>	<b>98,745</b>	<b>100.0</b>	<b>(617)</b>	<b>(0.6)</b>

### Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan direalisasi pada tahun 2018 ialah sebanyak RM58,162,657 berbanding dengan RM49,987,114 pada tahun 2017, peningkatan sebanyak RM8,175,543 (16.4%). Perbelanjaan pembangunan PFI direalisasi pada tahun 2018 berjumlah RM110,177,529 berbanding dengan RM33,113,974 pada tahun 2017, peningkatan sebanyak RM77,063,555 (232.7%) menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan direalisasi sebanyak RM168,340,186 berbanding RM83,101,088 pada tahun 2017. Peningkatan sebanyak RM85,239,098 (102.6%). Dari segi jumlah perbelanjaan tunai sebenar, sebanyak RM134,215,594 telah dibelanjakan pada tahun 2018 berbanding RM67,198,973 pada tahun 2017, peningkatan sebanyak RM67,016,621 (99.7%).






Jadual 9.4: Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Direalisasikan

Perbelanjaan	Tahun 2018		Tahun 2017		Varian	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Belanja Susutnilai	81,434	48.4	52,989	63.8	28,445	53.7
Perbelanjaan Operasi Tidak Dipermodalkan	15,820	9.4	3,011	3.6	12,809	425.4
Penyelenggaraan, Faedah Atas Bayaran Availability Charges, Peralatan Mengajar dan Tanah Pajakan	61,809	36.7	27,101	32.6	34,708	128.1
Sumbangan kepada Akaun MRF	9,277	5.5	-	-	9,277	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>168,340</b>	<b>100.0</b>	<b>83,101</b>	<b>100.0</b>	<b>85,329</b>	<b>102.7</b>

Jadual 9.5: Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Tunai Mengikut Projek

Perbelanjaan Tunai Sebenar Mengikut Projek	Tahun 2018		Tahun 2017		Varian	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Peralatan Bangunan Mint-SRC dan JRC (FKAAS)	10,702	8.0	1,201	1.8	9,501	791.1
Pembelian Peralatan	27,084	20.2	10,703	15.9	16,381	153.1
Projek Tebatan Banjir	511	0.4	685	1.0	(174)	(25.4)
Pembinaan Bangunan Akademia FKEE	6,653	5.0	24,959	37.1	(18,306)	(73.3)
Projek Infrastruktur	-	-	101	0.2	(101)	(100.0)
Pembinaan Bangunan Gunasama Kegiatan Pelajar dan Kafeteria Pusat	3,740	2.7	352	0.5	3,388	962.5
Pembinaan Bangunan Kerjasama ORICC dan PPS	2,973	2.2	864	1.3	2,109	244.1
Pembangunan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh	82,553	61.5	28,334	42.2	54,219	191.4
<b>Jumlah</b>	<b>134,216</b>	<b>100.0</b>	<b>67,199</b>	<b>100.0</b>	<b>67,017</b>	<b>99.7</b>



Rajah 9.4: Statistik Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Tunai Pembangunan Bagi Tahun 2014 Hingga 2018



## Geran Tertunda

Berdasarkan kepada piawaian MPERS Seksyen 24.4(c), geran yang belum memenuhi tujuan dan syarat pemberian geran tersebut perlu dikelaskan sebagai geran tertunda yang merupakan liabiliti jangka panjang kepada Universiti. Jumlah geran tertunda UTHM pada tahun 2018 adalah sebanyak RM983,124,539 berbanding RM1,042,368,036 pada tahun 2017, pengurangan sebanyak RM59,243,497 (5.7%). Jumlah geran tertunda ini merupakan liabiliti jangka panjang yang masih belum dibayar atau direalisasikan.

Jadual 9.6: Perbandingan Geran Tertunda

Geran Tertunda	Tahun 2018	Tahun 2017	Varian	
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Geran Pembangunan	920,212	968,074	(47,862)	(4.9)
Geran PFI	15,182	37,531	(22,349)	(59.5)
Geran Penyelidikan	22,770	20,063	2,707	13.5
Tabung dan Amanah	24,961	16,700	8,261	49.5
<b>Jumlah</b>	<b>983,125</b>	<b>1,042,368</b>	<b>(59,243)</b>	<b>(5.7)</b>


## Aset Dan Liabiliti

Bagi tahun 2018 jumlah aset UTHM adalah sebanyak RM2,049,775,435 berbanding dengan RM2,021,761,296 pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM28,014,139 (1.4%). Manakala liabiliti UTHM bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM1,403,058,024 berbanding dengan RM1,379,331,774 pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM23,762,250 (1.7%).

Jadual 9.7: Perbandingan Aset & Liabiliti

Aset & Liabiliti	Tahun 2018	Tahun 2017	Varian	
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Aset	2,049,775	2,021,761	28,014	1.4
Liabiliti	1,403,058	1,379,322	23,726	1.7

RM BILION'



Rajah 9.5: Statistik Perbandingan Aset dan Liabiliti Bagi Tahun 2014 Hingga 2018



## Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan


Endowmen (*al-Waqaf*) ialah aset kewangan yang didermakan kepada institusi yang tidak berteraskan keuntungan sama ada dalam bentuk tabung pelaburan atau harta modal yang cara-cara penggunaannya telah ditetapkan oleh penderma. Kebanyakan endowmen biasanya menetapkan wang dari hasil pelaburan dari dividen yang diterima akan dibelanjakan dan menyimpan secara tetap wang derma asal. Wakaf adalah suatu bentuk ibadah secara serahan harta yang dimiliki oleh seseorang untuk kegunaan umat Islam dengan niat sebagai ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

UTHM telah menubuhkan Pusat Endowmen bermula tahun 2012 dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan pada tahun 2016 yang memfokuskan kepada penjana pendapatan bagi tujuan memperkukuhkan dana untuk pendidikan dan juga kemampuan kewangan Universiti. Sehingga tahun 2018, Pusat Endowmen telah menerima sumbangan berbentuk *inkind* berjumlah RM5,961,475. Manakala terimaan tunai sehingga 2018 berjumlah RM1,144,014 berbanding RM1,242,522 pada tahun 2017 iaitu penurunan sebanyak RM98,508 (7.9%).


Manakala Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM sehingga tahun 2018 adalah sebanyak RM1,027,001 berbanding dengan RM275,248 pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM751,753 (273.1%).

Jadual 9.8: Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan

Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan	Tahun 2018	Tahun 2017	Varian	
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Endowmen	1,144	1,243	(99)	7.9
Dana Wakaf Tunai Pendidikan	1,027	275	752	273.1



Rajah 9.6: Statistik Perbandingan Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan Bagi Tahun 2014 Hingga 2018





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 5 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**(ZIRAWATI BINTI KADIR)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
26 JUN 2019




UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **DATO' DR. MOHD SOFI BIN OSMAN** dan **PROFESSOR Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



**DATO' DR. MOHD SOFI BIN OSMAN**

Pengerusi



**PROFESSOR Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY**

Naib Canselor

Batu Pahat, Johor

Bertarikh : **23 JUN 2019**



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **AZIZAH BINTI NASRI (K/P No: 700827-01-5612)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas,  
di Batu Pahat dalam Negeri Johor  
pada **20 JUN 2019**

)  
)  
)  
)



.....  
**AZIZAH BINTI NASRI**  
Bendahari

Di hadapan saya,



No. K4, Jalan Emas,  
Kg. Kenangan Dato' Onn,  
83000 Batu Pahat, Johor.

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018**

NOTA	KUMPULAN		UTHM		
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM	
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>					
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,333,388,509	1,301,050,599	1,332,548,805	1,300,085,716
Pelaburan Hartanah	4	5,645,000	7,225,140	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	5	-	-	4,000,000	4,000,000
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	6	32,170	-	-	-
Aset Cukai Tertunda	7	248,000	248,000	-	-
		<u>1,339,313,679</u>	<u>1,308,523,739</u>	<u>1,336,548,805</u>	<u>1,304,085,716</u>
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori	8	-	2,974	-	-
Penghutang	9	32,433,000	29,079,509	31,219,826	27,996,088
Cagaran dan Hasil Akan Diterima	10	6,878,475	5,160,241	6,878,475	5,160,241
Deposit, Baki Bank dan Tunai	11	676,292,845	687,334,167	675,128,329	684,519,251
		<u>715,604,320</u>	<u>721,576,891</u>	<u>713,226,630</u>	<u>717,675,580</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b><u>2,054,917,999</u></b>	<b><u>2,030,100,630</u></b>	<b><u>2,049,775,435</u></b>	<b><u>2,021,761,296</u></b>
<b>EKUITI</b>					
Kumpulan Wang Mengurus	12	344,687,063	327,603,945	344,687,063	327,603,945
Kumpulan Wang Tambahan	13	53,727,672	52,141,839	53,727,672	52,141,839
Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	14	128,212,050	132,220,397	128,212,050	132,220,397
Kumpulan Wang Penyelidikan	15	7,470,086	9,147,535	7,470,086	9,147,535
Tabung dan Akaun Amanah	16	112,620,540	121,315,806	112,620,540	121,315,806
Keuntungan Terkumpul Syarikat Subsidiari	17	516,866	625,464	-	-
		<u>647,234,277</u>	<u>643,054,986</u>	<u>646,717,411</u>	<u>642,429,522</u>
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>					
Pinjaman	18	1,654,243	2,578,138	-	-
Pemiutang Pajakan Kewangan	19	324,595,344	297,033,524	324,532,423	296,676,330
Geran Tertunda	20	983,124,539	1,042,368,036	983,124,539	1,042,368,036
Manfaat Pekerja	21	14,778,204	12,886,859	14,778,204	12,886,859
Pendapatan Tertunda	22	19,046,415	16,486,549	19,046,415	16,486,549
		<u>1,343,198,745</u>	<u>1,371,353,106</u>	<u>1,341,481,581</u>	<u>1,368,417,774</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pemiutang		4,172,119	5,421,034	3,847,426	4,950,931
Pemiutang Pelbagai	23	7,988,880	4,759,133	6,521,385	2,677,972
Pinjaman	18	323,734	425,946	-	-
Bank Overdraif	24	498,365	482,821	-	-
Pemiutang Pajakan Kewangan					
Jangka Pendek	19	50,929,647	3,135,192	50,635,400	2,761,965
Manfaat Pekerja	21	572,232	523,132	572,232	523,132
Peruntukan Cukai		-	945,280	-	-
		<u>64,484,977</u>	<u>15,692,538</u>	<u>61,576,443</u>	<u>10,914,000</u>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b><u>2,054,917,999</u></b>	<b><u>2,030,100,630</u></b>	<b><u>2,049,775,435</u></b>	<b><u>2,021,761,296</u></b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA	KUMPULAN		UTHM		
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM	
<b>HASIL</b>					
Pendapatan Geran	25	251,740,800	245,664,280	251,740,800	245,664,280
Geran Tertunda Direalisasikan	25	175,480,299	99,122,657	175,480,299	99,122,657
Yuran Pengajian		45,440,279	38,956,914	45,440,279	38,956,914
Pelbagai Pendapatan	26	34,114,254	31,677,641	29,763,843	25,727,246
Geran Aset Dilunas		492,360	492,360	492,360	492,360
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>507,267,992</b>	<b>415,913,852</b>	<b>502,917,581</b>	<b>409,963,457</b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
<b>Emolumen</b>					
Gaji dan Upahan		125,318,148	116,538,494	124,290,703	115,535,047
Elaun-Elaun Tetap		34,985,012	33,009,850	34,944,388	32,957,771
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan		21,914,488	19,989,408	21,765,002	19,840,184
Elaun Lebih Masa Kakitangan		1,130,642	1,284,514	1,128,819	1,283,321
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain		1,023,048	2,529,534	1,022,109	2,525,293
Bantuan Khas Kewangan		3,807,505	293,361	3,807,505	293,361
		<b>188,178,843</b>	<b>173,645,161</b>	<b>186,958,526</b>	<b>172,434,977</b>
<b>Perkhidmatan dan Bekalan</b>					
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		3,102,518	4,569,831	2,510,842	3,577,517
Pengangkutan Barang-Barang		220,099	3,312,969	220,099	3,312,969
Perhubungan dan Utiliti		19,418,397	18,069,309	19,351,193	18,025,154
Sewaan		27,017,412	22,612,546	27,821,044	23,203,374
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti		1,939,512	2,121,795	1,939,512	2,121,795
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		10,475,901	18,807,039	10,466,841	18,770,300
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		25,066,276	31,020,654	24,956,553	30,953,804
Penyelenggaraan Projek PFI		11,561,264	4,504,118	11,561,264	4,504,118
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti		43,454,120	31,561,076	41,051,646	31,728,940
		<b>142,255,499</b>	<b>136,579,337</b>	<b>139,878,994</b>	<b>136,197,971</b>
<b>Pemberian dan Bayaran Tetap</b>					
Perbelanjaan Cuti Belajar		2,000,000	2,851,154	2,000,000	2,851,154
Pemberian Dalam Negeri		87,290	1,931,379	83,370	1,912,921
Ganjaran		95,019	347,296	95,019	347,296
Gantian Cuti Rehat		2,982,935	1,822,864	2,982,935	1,822,864
Sumbangan Kepada Akaun MRF		9,277,308	-	9,277,308	-
		<b>14,442,552</b>	<b>6,952,693</b>	<b>14,438,632</b>	<b>6,934,235</b>
<b>Susutnilai</b>	3	93,059,534	65,965,278	92,655,871	65,526,974
<b>Perbelanjaan Lain</b>					
Bayaran-Bayaran Lain		15,255,724	6,855,626	14,216,844	2,848,899
Belanja Hapus Kira		146,726	80,864	146,726	60,961
Belanja Hutang Ragu		86,826	1,144,576	86,826	1,144,576
		<b>15,489,276</b>	<b>8,081,066</b>	<b>14,450,396</b>	<b>4,054,436</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>453,425,704</b>	<b>391,223,535</b>	<b>448,382,419</b>	<b>385,148,593</b>
<b>LEBIH DARI OPERASI</b>		<b>53,842,288</b>	<b>24,690,317</b>	<b>54,535,162</b>	<b>24,814,864</b>
<b>Kos Kewangan</b>					
Faedah Atas Bayaran Availability Charges		44,897,931	22,596,420	44,897,931	22,596,420
Faedah Atas Bayaran Peralatan Mengajar		5,301,607	-	5,301,607	-
Faedah Atas Bayaran Tanah Pajak		47,735	-	47,735	-
		<b>50,247,273</b>	<b>22,596,420</b>	<b>50,247,273</b>	<b>22,596,420</b>
<b>BAHAGIAN KERUGIAN DARI SYARIKAT BERSEKUTU</b>		<b>(16,879)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>LEBIH PENDAPATAN SEBELUM CUKAI</b>	27	<b>3,578,136</b>	<b>2,093,897</b>	<b>4,287,889</b>	<b>2,218,444</b>
<b>CUKAI</b>	28	<b>601,155</b>	<b>(94,136)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>LEBIH PENDAPATAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>4,179,291</b>	<b>1,999,761</b>	<b>4,287,889</b>	<b>2,218,444</b>
<b>LEBIH PENDAPATAN BERSIH</b>		<b>4,179,291</b>	<b>1,999,761</b>	<b>4,287,889</b>	<b>2,218,444</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Keuntungan Syarikat Subsidiari RM	Jumlah RM
<b>Pada 1 Januari 2017</b>	<b>326,328,016</b>	<b>52,997,201</b>	<b>-</b>	<b>137,024,983</b>	<b>123,860,879</b>	<b>844,146</b>	<b>641,055,225</b>
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	5,709,388 (4,433,459)	(2,454,744) 1,599,383	(845,678) 9,993,213	- (4,804,586)	- (2,545,073)	(409,204) 190,522	1,999,761 -
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>327,603,945</b>	<b>52,141,839</b>	<b>9,147,535</b>	<b>132,220,397</b>	<b>121,315,806</b>	<b>625,464</b>	<b>643,054,986</b>
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	9,979,166 7,103,952	32,208 1,553,625	(5,740,364) 4,062,915	- (4,008,347)	- (8,695,266)	(91,719) (16,879)	4,179,291 -
<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>344,687,063</b>	<b>53,727,672</b>	<b>7,470,086</b>	<b>128,212,050</b>	<b>112,620,540</b>	<b>516,866</b>	<b>647,234,277</b>

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**UTHM**

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Jumlah RM
<b>Pada 1 Januari 2017</b>	<b>326,328,016</b>	<b>52,997,201</b>	<b>-</b>	<b>137,024,983</b>	<b>123,860,879</b>	<b>640,211,078</b>
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	5,518,866 (4,242,937)	(2,454,744) 1,599,383	(845,678) 9,993,213	- (4,804,586)	- (2,545,073)	2,218,444 -
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>327,603,945</b>	<b>52,141,839</b>	<b>9,147,535</b>	<b>132,220,397</b>	<b>121,315,806</b>	<b>642,429,522</b>
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	9,996,045 7,087,073	32,208 1,553,625	(5,740,364) 4,062,915	- (4,008,347)	- (8,695,266)	4,287,889 -
<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>344,687,063</b>	<b>53,727,672</b>	<b>7,470,086</b>	<b>128,212,050</b>	<b>112,620,540</b>	<b>646,717,411</b>

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	KUMPULAN		UTHM	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>				
Lebihan Tahun Semasa	3,578,136	2,093,897	4,287,889	2,218,444
Pelarasan Untuk:				
Bahagian Kerugian dari Syarikat Bersekutu	16,879	-	-	-
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	93,059,534	65,965,278	92,655,871	65,526,974
Pelunasan Geran	(175,480,299)	(99,122,657)	(175,480,299)	(99,122,657)
Peruntukan Manfaat Pekerja	2,463,577	1,645,635	2,463,577	1,645,635
Peruntukan Hutang Ragu	86,826	1,144,576	86,826	1,144,576
Belanja Hapus Kira	146,726	80,864	146,726	60,961
Untung Atas Pelupusan Hartanah, Loji & Peralatan	(4,650)	-	-	-
Untung Atas Pelupusan Pelaburan Hartanah	(461,535)	-	-	-
Untung Dari pada Pelarasan Nilai Saksama	(673,325)	-	-	-
Perbelanjaan/Pelarasan Tabung Amanah	(528,733)	(301,948)	(528,733)	(301,948)
Hasil Faedah	(24,770,967)	(23,485,297)	(24,288,584)	(23,399,299)
Bayaran Kos Kewangan	50,735,708	22,820,052	50,247,272	22,596,420
Kerugian dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(51,832,122)	(29,159,599)	(50,409,455)	(29,630,893)
Perubahan dalam:				
Inventori	2,974	1,134	-	-
Penghutang	(5,193,377)	(755,815)	(5,164,843)	(3,477,992)
Pemiutang	(30,303,897)	(8,214,122)	(29,545,356)	(8,598,818)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(87,326,422)	(38,128,402)	(85,119,654)	(41,707,702)
Faedah Diterima	24,770,967	23,485,297	24,288,584	23,399,299
Bayaran Cukai Pendapatan	(445,880)	(456,587)	-	-
Terimaan Balik Cukai	-	144,175	-	-
Bayaran Gantian Cuti Rehat	(523,132)	(372,072)	(523,132)	(372,072)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(63,524,467)	(15,327,589)	(61,354,202)	(18,680,475)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>				
Bayaran Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	(49,049)	-	-	-
Bayaran Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(46,916,629)	(42,875,571)	(46,638,145)	(40,388,638)
Penerimaan daripada Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	2,715,000	-	-	-
Penerimaan daripada Jualan Pelaburan Hartanah	4,650	-	-	-
Bayaran Kos Kewangan	(50,735,708)	(22,820,052)	(50,247,272)	(22,596,420)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(94,981,736)	(65,695,623)	(96,885,417)	(62,985,058)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Terimaan Geran Tertunda Pembangunan dan Penyelidikan	108,504,521	105,287,325	108,504,521	105,287,325
Terimaan Geran Tertunda Amanah	43,106,141	6,299,848	43,106,141	6,299,848
Bayaran Balik Pinjaman dan Sewa Beli	(1,026,107)	(715,333)	-	-
Bayaran Balik Perkhidmatan Aset Konsesi	(3,135,218)	(1,233,528)	(2,761,965)	(1,233,528)
Tunai Bersih Dijana Dalam Aktiviti Pembiayaan	147,449,337	109,638,312	148,848,697	110,353,645
<b>PENAMBAHAN BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>	(11,056,866)	28,615,100	(9,390,922)	28,688,111
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	686,851,346	658,236,246	684,519,251	655,831,140
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>675,794,480</b>	<b>686,851,346</b>	<b>675,128,329</b>	<b>684,519,251</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>				
Deposit dibank dan syarikat kewangan berlesen	613,081,223	647,481,223	612,750,000	647,000,000
Baki bank dan tunai	63,211,622	39,852,944	62,378,329	37,519,251
Bank Overdraf	(498,365)	(482,821)	-	-
	<b>675,794,480</b>	<b>686,851,346</b>	<b>675,128,329</b>	<b>684,519,251</b>

Nota kepada Penyata Aliran Tunai:

Pada tahun semasa, terdapat tambahan hartanah, loji dan peralatan yang berjumlah RM126,875,662 (2017: RM344,177,709) di mana RM 80,237,517 (2017: RM300,671,823) dibiayai di bawah perjanjian Inisiatif Kewangan Swasta (*Private Finance Initiative*) dan pengaturan sewa beli.

# UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN- 31 DISEMBER 2018

### 1. MAKLUMAT UMUM

- a. Penubuhan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pada asalnya merupakan sebuah Politeknik yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Pada 16 September 1993, Politeknik ini secara rasminya telah ditukarkan menjadi Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). Pusat ini telah ditukar kepada Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996. Pada 30 September 2000, ITTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Kolej Universiti yang dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
- b. Pertukaran Nama  
Pada 1 Februari 2007, KUiTTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Universiti yang dikenali sebagai UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) di bawah subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- c. Aktiviti Utama  
UTHM adalah sebuah Universiti yang mengkhusus dalam bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan. Aktiviti syarikat subsidiari pula mengkhusus dalam bidang pengkomersilan hasil R & D, perundingan, pengujian dan penyewaan bangunan.
- d. Kelulusan Penyata Kewangan  
Penyata Kewangan Universiti Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 23 Jun 2019.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

- a. Asas Perakaunan  
Penyata Kewangan UTHM telah disediakan mengikut asas kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dan mengikut piawaian-piawaian yang diluluskan.  
  
Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, UTHM telah menggunakan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) menggantikan piawaian *Private Entities Reporting Standard* (PERS) menerusi kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2016.
- b. Asas Penyatuan  
Mulai tahun 2004, akaun Kumpulan meliputi semua Kumpulan Wang Universiti dan syarikat subsidiari yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.  
  
Penyata kewangan yang disatukan disediakan dengan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sama bagi semua transaksi, peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.  
  
Amaun dibawa bagi pelaburan dalam setiap anak syarikat dalam Kumpulan dihapuskan dengan bahagian ekuiti induk dalam setiap anak syarikat. Penyata kewangan yang disatukan menggabungkan aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai UTHM dan kesemua subsidiarinya. Maklumat syarikat subsidiari yang diambilalih atau dilupakan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan komprehensif semenjak daripada tarikh pengambilalihan tersebut atau sehingga tarikh penjualan menurut mana yang berkenaan.  
  
Semua baki dan urus niaga antara kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan. Keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang timbul daripada urus niaga dalam kumpulan juga

dihapuskan sepenuhnya pada penyatuan, kecuali apabila kerugian tidak direalisasi adalah kerugian rosotnilai.

Apabila kawalan dalam syarikat subsidiari hilang, Kumpulan tidak mengiktiraf aset-aset dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari, sebarang kepentingan yang tidak dikawal dan komponen ekuiti lain berkaitan syarikat subsidiari tersebut. Sebarang lebihan atau defisit yang timbul ke atas kehilangan kawalan diiktiraf dalam penyata kewangan. Jika Kumpulan mengekalkan sebarang kepentingan di dalam syarikat subsidiari terdahulu, maka kepentingan itu diukur pada nilai saksama pada tarikh kawalan hilang. Seterusnya ia diambil kira sebagai pelaburan ekuiti atau sebagai aset kewangan sedia untuk jualan bergantung kepada tahap pengaruh tertahan.

c. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan atau UTHM mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20 hingga 50 peratus di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting tetapi tidak mempunyai kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dilaporkan dalam Penyata Kewangan Disatukan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian penurunan nilai. Penyata Kewangan disatukan termasuk bahagian untung atau rugi serta pendapatan komprehensif lain ekuiti syarikat bersekutu Kumpulan selepas pelarasan jika ada, untuk menyesuaikan polisi perakaunan tersebut dengan dasar Kumpulan, dari tarikh pengaruh sehingga tarikh tamat pengaruh berkenaan.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam sesebuah ekuiti syarikat bersekutu, jumlah dibawa kepentingan itu termasuk sebarang pelaburan jangka panjang dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian seterusnya tidak diteruskan kecuali dalam keadaan di mana Kumpulan mempunyai tanggungjawab atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu, sebarang kepentingan tertahan dalam syarikat bersekutu terdahulu pada tarikh pengaruh yang ketara hilang ia diukur semula pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai jumlah dibawa awal aset kewangan. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang kepentingan tertahan ditambah hasil daripada faedah yang dilupuskan dan nilai dibawa pelaburan tersebut pada tarikh kaedah ekuiti tidak diteruskan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh yang ketara, sebarang kepentingan yang tertahan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penurunan dalam kepentingan diiktiraf dalam untung atau rugi. Apa-apa keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain juga diklasifikasikan berkadaran dengan untung atau rugi jika mendatangkan keuntungan atau kerugian akan dikehendaki dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

d. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah diantara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh realis bersih. Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan anggaran ditolak semua kos anggaran siap dan kos pengangkutan dan pemasaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

e. Pelaburan Hartanah

Kumpulan UTHM mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk tingkat bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan termasuk hartanah dalam pembinaan, sebagai pelaburan hartanah jika ia berada dalam objektif model perniagaan kumpulan untuk memegang harta untuk pengharga modal, pendapatan sewa kedua-duanya. Pelaburan hartanah direkodkan pada kos awal pengiktirafan. Kos pelaburan hartanah terdiri daripada harga belian ditambah dengan semua kos yang terlibat secara langsung untuk membawa hartanah tersebut ke lokasi dan syarat yang dimaksudkan untuk digunakan sebagai pelaburan hartanah. Kos hartanah pelaburan sendiri



terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, butiran peralatan yang dilekatkan secara fizikal ke bangunan, seperti lif, sistem elektrik dan sistem penghawa dingin, dianggap sebagai sebahagian daripada hartanah. Kumpulan UTHM menggunakan nilai saksama (*fair value*) untuk mengukur pelaburan hartanah selepas pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran disebut harga, jika boleh diperhatikan. Perubahan nilai saksama untuk pelaburan hartanah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tempoh dimana ianya dikenalpasti. Pelaburan hartanah yang lain diukur pada kos ditolakkan dengan susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

f. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Pemberian kerajaan untuk belanja mengurus diiktiraf berasaskan akuan dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.
- ii. Pemberian Kerajaan untuk belanja pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susutnilai projek yang telah disiapkan dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dimodalkan.
- iii. Pemberian untuk projek-projek penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang diakaunkan sebagai Geran Tertunda Penyelidikan dan dilunaskan mengikut belanja susutnilai aset dan belanja terus lain.
- iv. Geran yang diterima dalam bentuk aset diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh hayat aset tersebut.
- v. Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar akan diakaunkan dan diiktiraf sebagai hasil mengikut setiap semester pengajian.

vi. Pendapatan Faedah dan Dividen

Pendapatan faedah meliputi hasil faedah daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan faedah pinjaman yang diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berasaskan kaedah akuan.

- vii. Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan asas akuan dengan menggunakan dasar garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.

viii. Pelbagai Pendapatan

Hasil jualan dan perkhidmatan diiktiraf semasa jualan dan perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

g. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas. Pembelian harta modal yang berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap unit manakala pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM 50,000 akan dipermodalkan.
- ii. Pembelian buku yang bernilai RM3,000 dan ke atas bagi sebuah buku atau satu set adalah dikategorikan sebagai harta modal atau aset tetap mulai tahun kewangan 2009.
- iii. Semua pembelian perabot adalah dikategorikan sebagai belanja tidak luak atau inventori sahaja tanpa mengira nilai belian dan tidak lagi dipermodalkan sebagai aset mulai tahun 2009.

h. Susutnilai

Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan wang masing-masing. Tanah milik bebas adalah tidak disusutnilaikan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

Tanah Pajak	1%-2%
Bangunan/Bangunan Pajak PFI	2%
Kemudahan/Infrastruktur	10%
Kenderaan	20%
Perabot/Buku	20%
Alat-Alat Kelengkapan	25%
Alat-Alat Yang Didermakan	25%
Komputer	33.3%
Peralatan Mengajar	25%

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2016 telah meluluskan perubahan pada kadar susutnilai tahunan yang digunakan bagi peralatan komputer daripada 25% (4 tahun) kepada 33.3% (3 tahun). Bagi tujuan pengiraan susutnilai, hanya perolehan komputer bagi tahun 2015 akan menggunakan kadar susutnilai baru tersebut.

i. Projek Dalam Kemajuan

Kerja-kerja dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan.

Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila aset sedia digunakan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun kewangan.

j. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan majikan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap dan kontrak serta ganjaran kepada pekerja kontrak yang akan tamat tempoh perkhidmatan pada tahun kewangan berikutnya diakaunkan sebagai manfaat jangka pendek.

ii. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Piawaian dan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk semua pekerja tetap dengan andaian jumlah GCR adalah untuk 150 hari. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Bayaran ganjaran bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada dua dan tiga tahun berikutnya sebagai Perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan liabiliti jangka panjang dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

iii. Pelan Caruman Tetap

UTHM membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang memilih skim pencen. Sumbangan majikan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila perbelanjaan dilakukan dalam tahun kewangan berkenaan.

k. Liabiliti Cukai Pendapatan

UTHM adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

l. Pajakan

- i. Terdapat 2 jenis pajakan aset iaitu pajakan kewangan (*finance lease*) dan pajakan operasi (*operation lease*). Pengkelasan pajakan aset ini adalah berdasarkan kepada pemilikan aset tersebut di akhir tempoh pajakan.
- ii. UTHM mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan sebenar aset. Sesuatu pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan apabila pemilikan melibatkan risiko dan ganjaran yang ketara bersampingan dengan pemilikan aset tersebut. Semua pajakan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.
- iii. Sewa beli (*Lease To Own*) pula merupakan kaedah sewa di mana pada akhir tempoh sewaan harta tersebut akan menjadi milik Universiti. Terdapat dua (2) kaedah pengakaunan sewa beli iaitu sebagai Harta Modal jika harta melebihi RM3,000.00 seunit dan akan dikelaskan sebagai Inventori jika nilai harta kurang daripada RM3,000.00. Penetapan nilai harta boleh dibuat mengikut nilai pasaran semasa oleh pihak yang mempunyai kepakaran.

m. Aset Pajakan Kewangan

Aset Pajakan Kewangan dikategorikan sebagai pajakan kewangan kerana hak milik aset akan dipindahkan kepada pemajak (UTHM) pada akhir terma perjanjian. Walaupun secara teknikal, pemindahan hak milik belum berlaku pada sepanjang tempoh konsesi, namun intipati dan realiti ekonomi sebenar lebih diambilkira dengan hakikat sebahagian besar manfaat dan risiko telah dipindahkan pada masa aset pajakan siap dan mula digunakan oleh UTHM.

Aset Pajakan Kewangan yang diperolehi melalui kaedah pajakan kewangan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) diiktiraf sebagai aset tetap UTHM selepas siap dibina. Polisi susutnilai ke atas aset pajakan adalah berdasarkan polisi perakaunan susutnilai UTHM, seperti di nota 2(h).

n. Cukai Pendapatan

Universiti telah diberi pengecualian daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai dalam Penyata Kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diterima pakai atau sebahagian besarnya diterima pakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara yang timbul akibat perbezaan asas cukai dengan nilai dibawa sesuatu aset dan liabiliti di dalam Penyata Kewangan.

Cukai tertunda aset diiktiraf apabila ia berkemungkinan pada masa hadapan terdapat keuntungan boleh cukai yang memanfaatkan perbezaan sementara tersebut.

o. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di Malaysia adalah berkuatkuasa pada 1 April 2015. UTHM sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UTHM adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 P.U (A) 271. Implikasi GST di UTHM adalah seperti berikut:

i. Cukai Output

Perkhidmatan pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan yuran perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewaan ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

ii. Perintah Relif

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan berkaitan pendidikan kerana pembekal tidak dikenakan GST terhadap barang terpilih yang mendapat perintah relif di bawah pendidikan.

iii. Cukai Input

UTHM menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan. UTHM boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan perkhidmatan bukan pendidikan yang berkadar standard 6% (cukai output).

Walaubagaimanapun bermula 1 September 2018, Kerajaan telah memansuhkan GST dan memperkenalkan Akta Jualan dan Perkhidmatan (SST).

p. Transaksi Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing pada mulanya dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, pertukaran mata wang asing bagi item monetari diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berkenaan. Item bukan monetari pada permulaannya denominasi dalam mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan. Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf dalam Untung dan Rugi.

q. Pihak Berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah.

r. Instrumen Kewangan

i. Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila UTHM menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang di saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui penyata untung rugi). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan (kecuali Peghutang Biasiswa Pelajaran), aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrument hutang yang serupa.

ii. Penilaian Berikutan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif:

- a. pulangan kepada pemegang yang ditentukan, iaitu jumlah yang tetap dan/atau kadar berubah penanda aras pulangan terhadap kadar faedah yang boleh diperhatikan;
- b. tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- c. pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaunkan daripada tunai atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan transaksi pada hakikatnya adalah transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa tidak boleh dijual, dan pelaburan dalam saham yang tidak boleh ditukar dan saham keutamaan biasa tidak boleh dijual diukur pada kos ditolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada kos terlunas atau kos ditolak rosot nilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) adalah dinilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosot nilai.

Kerugian rosot nilai diukur sebagai berikut:-

- a. untuk instrumen diukur pada kos terlunas, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset yang asal.
  - b. untuk instrumen diukur pada kos ditolak rosot nilai, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh laporan.
- c. Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau diselesaikan, atau kawalan aset tidak dikekalkan atau sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan tidak

diiktiraf dan pertimbangan yang diterima, termasuk apa-apa hak yang baru diwujudkan dan obligasi, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau ditamatkan. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### d. Rosot Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

